



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KOLEJ KOMUNITI
CHENDEROH



**UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSILAN
KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

DIGES ILMIAH KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH VOL 1/2020

Disunting oleh:

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan

Kolej Komuniti Chenderoh

Berdasarkan penulisan-penulisan yang dihasilkan oleh para pensyarah Kolej Komuniti dan Politeknik Malaysia

Kolej Komuniti Chenderoh,

Perak

2020



Diterbitkan oleh:

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan,
Kolej Komuniti Chenderoh,
Kementerian Pengajian Tinggi,
Lot 43, Jalan Industri MIEL 2,
Kawasan Perindustrian IKS,
33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-773 3773

Faks: 05-773 3774

E-mel: faq.kkcp@kkche.edu.my

Laman Web: <https://kkchenderoh.mypolycc.edu.my>

eISSN: 2735-0452

**Hakcipta Terpelihara Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
Kolej Komuniti Chenderoh**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan Diges Ilmiah Kolej Komuniti Chenderoh Vol 1/2020 ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan Kolej Komuniti Chenderoh, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed or transmitted in any form or by any means, including photocopying, recording or other electronic or mechanical methods, without the prior written permission of the publisher



PRAKATA**PENGARAH KOLEJ
KOMUNITI CHENDEROH**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Diges Ilmiah Kolej Komuniti Chenderoh Vol 1/2020 ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Diges Ilmiah Kolej Komuniti Chenderoh Vol 1/2020 ini diterbitkan bagi mengumpulkan hasil penulisan ilmiah dan kajian para pensyarah Kolej Komuniti di Wilayah Perak. Dengan adanya diges ini, diharapkan cetusan idea dan kajian yang dijalankan dapat dikongsi bersama-sama warga kolej komuniti seluruh Malaysia.

Penyelidikan dan inovasi adalah akar kepada kemajuan sains, teknologi dan kemasyarakatan. Oleh yang demikian, setiap penemuan dan dapatan berpaksikan penyelidikan dan inovasi pasti akan menjadi penyumbang kepada kemajuan negara dan seterusnya meletakkan kolej komuniti sebagai peneraju institusi berasaskan TVET unggul di Malaysia.

Dalam usaha membantu pensyarah menerbitkan hasil penulisan, diges ini dilihat menjadi wadah dan medium percambahan ilmu pengetahuan. Ilmu dan pengetahuan sekiranya dikongsi pasti akan semakin subur dan mendatangkan manfaat kepada kita. Dengan ilmu juga kehidupan kita pasti akan menjadi lebih mudah ibarat kata pepatah “isi dada bekal berjalan”.

Saya mengucapkan tahniah kepada barisan jawatankuasa yang menerbitkan diges ilmiah ini. Saya ingin menyeru kepada seluruh warga kolej komuniti agar dapat meneruskan usaha murni ini. Semoga usaha murni ini akan menjadi budaya dan seterusnya dapat melahirkan pensyarah yang berpengetahuan dan graduan yang dapat berbakti kepada negara.

Sekian. Terima Kasih.



(ROSEDIAH BINTI IBRAHIM)

Pengarah
Kolej Komuniti Chenderoh



SIDANG EDITORIAL

Ketua Editor

Ts. Dr Hj Mohd Najib Hamdan

Editor

Mejar Dr Mohamed Hamdan bin Abdullah

Hasrudin Shikh Ali @ Shikh Hassan

Mohamad Haslan Bin Samsudin

Pembaca Pruf

Mohd Rashidi bin Omar

Mohamad Hapiz Abdul Rahman

Roslina binti Awang Nik

Azuwin binti Abdul Rahim

Roslina binti Awang Nik

Maisarah binti Ismail

Sazeli bin Ghazali

Susun Atur & Grafik

Fatimah binti Abdul Razak



**JAWATANKUASA DIGES ILMIAH KOLEJ KOMUNITI
CHENDEROH VOL.1/2020**

Penasihat	Rosediah binti Ibrahim
Pengerusi	Mohamad Haslan Bin Samsudin
Timbalan Pengerusi	Mohd Mohadir bin Harun
Pengarah Program	Hasrudin bin Shikh Ali @ Shikh Hassan
Setiausaha	Mohamad Hapiz Abdul Rahman Roslina binti Awang Nik
Bendahari	Azuwin binti Abdul Rahim Mohd Rashidi bin Omar
Ketua Editor	Ts. Dr Hj Mohd Najib Hamdan
Editor	Mejar Dr Mohamed Hamdan bin Abdullah Hasrudin Bin Shikh Ali @ Shikh Hassan Mohamad Haslan Bin Samsudin
Pembaca Pruf	Mohd Rashidi bin Omar Mohamad Hapiz Abdul Rahman Roslina binti Awang Nik Azuwin binti Abdul Rahim Roslina binti Awang Nik Maisarah binti Ismail Dalvinder Kaur A/P Koldip Singh
Susun Atur, Grafik & Cetakan	Fatimah binti Abdul Razak Farhana Syazni binti Fadzil
Permohonan ISBN	Nor Hafizah binti Abu Bakar



ISI KANDUNGAN

HAK CIPTA TERPELIHARA	ii
PRAKATA	iii
SIDANG EDITORIAL	iv
JAWATANKUASA	v
PENDIDIKAN SENIBINA DI MALAYSIA: HALA TUJU SIJIL	1
TEKNOLOGI SENIBINA KOLEJ KOMUNITI <i>Hazwani Rifhan binti Halim</i>	
APLIKASI KAEDAH FIQH BAHAYA MESTI DIHAPUSKAN.....	8
DALAM PENGURUSAN AKADEMIK PASCA COVID-19 DI KOLEJ KOMUNITI TAPAH <i>NorAtikah binti Mohd Naw</i>	
CABARAN SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA MENDEPANI.....	16
PANDEMIK COVID-19 <i>Ili Safuraa binti Abu Bakar</i>	
YELLOW RICE IN THE MALAY CULTURE	21
<i>Khairul Ashikhin bt Abdullah Suhami, Muhammad Nazihan Bin Jamaludin, Zuriani bt Zulkafli</i>	
INSTRUMEN HIBAH MEMBANTU PENYELESAIAN.....	25
KEPADA PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA UMAT ISLAM <i>Osman Fikri bin Awang Mina, Zamaruzaman bin Mohamad, Mohd Rizal bin Aris</i>	
CABARAN PEMBELAJARAN BERKESAN: MEMILIH ATAU.....	32
DIPILIH <i>Khairul Ashikhin bt Abdullah Suhami, Zafeera bt Zulkefli, Ahmad Humaizi bin Hussin</i>	
PENYELIDIKAN MEMBANTU PENYELESAIAN	36
PERMASALAHAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI NEGARA <i>Khairul Ashikhin bt Abdullah Suhami, Nor Azuah bt Abu Bakar, Fkahriyah Husna binti Abdul Wafi</i>	

KEPENTINGAN TELEFON PINTAR DAN KESANNYA.....	40
<i>Farah Syahida Binti Mohd Kamal, Basuriah Binti Yunus</i>	
PENGIRAAN KADAR PENGGUNAAN ELEKTRIK SECARA.....	46
PRORATA SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	
<i>Rozana Binti Ahmad Hanip, Sabarina Binti Basharuddin Mohamad Haslan Bin Samsudin</i>	
HALA TUJU TVET DI MALAYSIA.....	52
<i>Mohd Fauze bin Abd Aziz</i>	
PEMBUDAYAAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SECARA.....	57
BERETIKA DAN PENILAIAN MAKLUMAT DALAM KALANGAN MASYARAKAT	
<i>Roslina binti Awang Nik</i>	
KAEDAH PENGAJARAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN	63
BARAT	
<i>Saniah binti Mohamed Shahid, Mohd Rashidi bin Omar, Azuwin binti Abd. Rahim</i>	
FIQH AL TARBIAH: ANALISIS RINGKAS NARATIF SIRAH	70
NABAWIYYAH DALAM KONTEKS PENDIDIKAN ISLAM	
<i>Mohd Rashidi bin Omar, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Saniah binti Mohamed Shahid</i>	
SOROTAN KES KERACUNAN MAKANAN YANG MEMBAWA	78
MAUT DI MALAYSIA: BILA AKAN BERAKHIR?	
<i>Mohamad Hapiz Abdul Rahman, Muhammad Syafiq bin Mohamed Sahar</i>	
APLIKASI WARNA ENAMEL PADA PERMUKAAN JASAD	85
SERAMIK	
<i>Shaliza binti Shahrudin</i>	
KAJIAN TINJAUAN: KESEDIAAN PELAJAR MENJALANI.....	89
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH	
<i>Mohammad Mursyeed Bin Ramli, Mohamad Haslan Bin Samsudin, Maisarah Binti Ismail</i>	
TOPENG SEBAGAI IKONOGRAFI DALAM SENI ARCA	95
<i>Muhammad Azmil bin Abdul Aziz, Noraini binti Hussin</i>	
SONGS AND THE TEACHING OF VERBS TO YOUNG ESL	102
LEARNERS	
<i>Siti Dalia binti Muhamad, Kamariah binti Yusof, Fathilah Begum</i>	



binti Mohamed Maidin

LANGUAGE GAMES IMPROVES STUDENTS' SPEAKING SKILLS 108
<i>Dalvinder Kour A/P Koldip Singh</i>	
KESAN PANDEMIK COVID 19: CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN DI KOLEJ KOMUNITI 112
<i>Azuwin binti Abd. Rahim, Farhana Syazni binti Fadzil</i>	
PENGURUSAN TEMPAT KERJA: TANGGUNGJAWAB PIHAK PENGURUSAN KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH 117
<i>Hasrudin bin Shikh Ali @ Shikh Hassan</i>	
MEMBINA KECEKAPAN PENILAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) MELALUI SISTEM e-3pT 124
<i>Azrul Nizah binti Yussof, Surizan bin Romli, Mohammad Shahiran bin Salim</i>	
SOLANINE IN POTATOES 133
<i>Mohamad Hapiz Abdul Rahman, Muhammad Syafiq bin Mohamed Sahar, Dalvinder Kaur A/P Koldip Singh</i>	
PROGRAM KOLABORASI PINTAR BERSAMA MAAHAD TAHFIZ -HUBUNGAN PENGAJARAN PENSYARAH DAN MINAT PELAJAR TAHFIZ DENGAN PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH) DI KOLEJ KOMUNITI 139
<i>Surizan bin Romli , Azrul Nizah binti Yussof, Ali bin Othman</i>	

**PENDIDIKAN SENIBINA DI MALAYSIA : HALA TUJU SIJIL
TEKNOLOGI SENIBINA KOLEJ KOMUNITI**

Hazwani Rifhan binti Halim
Kolej Komuniti Arau
Email: hazwanirifhan@gmail.com

ABSTRAK

Sejajar dengan Wawasan 2020 untuk mencapai status negara maju, bilangan tenaga kerja profesional terutamanya dalam bidang pembangunan amat diperlukan. Selain daripada melahirkan tenaga kerja mahir yang dapat bekerja di dalam bidang kemahiran, para pelajar Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti turut diterapkan dengan ilmu keusahawanan seperti mana yang terkandung di dalam Objektif Program Pengajian. Penulisan ini dibuat untuk meneliti keadaan semasa melalui unjuran permasalahan serta cabaran yang bakal mencorak keperluan serta perlaksanaan Sijil Teknologi Senibina di Kolej Komuniti yang berkualiti, responsif dan berdaya saing. Secara keseluruhan, graduan Sijil Teknologi Senibina bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam bidang senibina tetapi juga mampu menjana pendapatan sendiri bagi menghadapi keadaan ekonomi negara yang tidak menentu.

KATA KUNCI: Pendidikan, seni bina, kolej komuniti

PENGENALAN

Pendidikan senibina adalah antara pendidikan terawal yang wujud terutamanya atas dasar menyediakan laluan kerjaya arkitek profesional. Statistik 2010 menunjukkan nisbah arkitek profesional kepada penduduk di negara ini adalah 1:16,000. Pernyataan ini menunjukkan bilangan arkitek profesional di negara ini adalah rendah berbanding negara-negara membangun lain. Sistem pembelajaran senibina adalah komprehensif dimana ia mengabungkan pengetahuan teori dan praktikal yang meliputi pelbagai disiplin. Ia membuka ruang yang luas untuk luahan kreativiti serta penghayatan kepuasan intelek dimana setiap pelajar akan didedahkan kepada ilmu yang merangkumi kesenian, teknologi, struktur, pembinaan, sains, sejarah, budaya, ekonomi serta pengurusan.

Senibina adalah faktor atau unsur fizikal yang mengabungkan elemen seni dan sains. Ia merangkumi tiga keperluan asas manusia iaitu sebagai elemen pelindung, kesenian simbolik serta ekonomi. Senibina mempunyai makna tersendiri kepada manusia kerana ia mencerminkan budaya setiap individu dan kumpulan masyarakat.

Sejajar dengan Wawasan 2020 untuk mencapai status negara maju, bilangan tenaga kerja profesional terutamanya dalam bidang pembangunan seperti arkitek profesional amat diperlukan. Industri pembinaan adalah sektor penyumbang utama kepada ekonomi negara dan mempunyai peranan yang besar bagi merealisasikan inspirasi negara ini.

Pendidikan Senibina di Malaysia masa kini dan di masa akan datang berdepan dengan pelbagai cabaran yang kompleks seperti kongkongan isu ekonomi, era globalisasi, perubahan terhadap profesion dan bidang kerja seni bina, anjakan matlamat serta fokus institusi pengajian



tinggi, peningkatan kehendak sosial dan budaya, isu alam sekitar serta kemajuan teknologi digital yang mendadak. Pemantapan sistem pendidikan seni bina amatlah diperlukan sebagai landasan kukuh untuk menyokong usaha transformasi negara Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi di abad ke 21.

- 1 Definisi oleh Profesor Arkitek America, Larry Speck dalam ceramahnya bertajuk Architecture and Society.
- 2 Berdasarkan perkiraan 1744 bilangan arkitek profesional kepada 28.25 juta penduduk

PROFESIONALISM

Senibina adalah bidang profesional dan pendidikannya adalah tertakluk kepada etika dan piagam yang ditetapkan oleh badan profesional. Di Malaysia terdapat dua badan utama yang memelihara perihal arkitek dan profesion seni bina iaitu Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM).

AKREDITASI

Sebagai langkah jaminan kualiti, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mensyaratkan semua program akademik di negara ini mewujudkan sistem selenggaraan dan pantauan kualiti masing-masing. Proses jaminan kualiti di Malaysia dilaksanakan di bawah pengawasan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency (MQA)), berdasarkan Kerangka Kualiti Malaysia (Malaysian Quality Framework (MQF)).

Untuk program akademik profesional seperti senibina, proses akreditasi merupakan mekanisma yang memantau kualiti pembelajarannya. Proses akreditasi adalah asas dan prasyarat pengiktirafan program seni bina sebagai langkah jaminan kualiti bagi memberi keyakinan terhadap masyarakat umum. Pengiktirafan profesional ini bererti program seni bina yang ditawarkan memenuhi kehendak minimum badan profesional yang mengiktiraf.

SISTEM PEMBELAJARAN SENI BINA

Sistem pendidikan seni bina adalah berasaskan projek dimana proses pengajaran dan pembelajaran utamanya berlaku di dalam studio. Kebanyakan dari ilmu dan kemahiran yang didedahkan kepada pelajar seni bina adalah dalam bidang kemahiran baru yang mencakupi pelbagai bidang utama seperti teknologi struktur dan pembinaan, sejarah dan kesenian. Pelajar akan dikehendaki menghasilkan reka bentuk yang diolah berdasarkan pelbagai kriteria mereka bentuk.

STRUKTUR PENGAJIAN SENI BINA

Struktur pengajian program-program senibina yang ditawarkan di negara ini adalah dilaksanakan sama ada dalam satu tempoh masa 5 tahun dimana pelajar akan dianugerahkan ijazah Sarjana Muda Senibina dengan pengiktirafan LAM Bhg. I dan II serentak atau dibuat dalam 2 peringkat iaitu 3+2 (3 tahun untuk ijazah pertama Sarjana Muda Senibina dan diikuti



2 tahun lagi untuk Sarjana Senibina) atau 4+1 (4 tahun untuk ijazah pertama Sarjana Muda Senibina dan diikuti 1 tahun lagi untuk Sarjana Senibina). Ini bererti pelajar yang tamat akan menerima Bhg. I dan II dalam dua peringkat. Penganugerahan akademik untuk Bhg. I merupakan kelayakan Ijazah Sarjana Muda umum dengan beberapa jenama seperti Sarjana Muda Sains (Senibina), Sarjana Muda Kesenian (Senibina) dan Sarjana Muda Alam Sekitar (Senibina).

Pengajian dua peringkat ini membuka peluang graduan untuk tamat pada peringkat pertama untuk berhenti seketika sebelum meneruskan haluan untuk menjadi arkitek profesional atau menyambung ke bidang kepakaran lain. Kelayakan akademik Bhg. II pula dirujuk sebagai Ijazah Profesional atau pendidikan Pasca Siswazah, dengan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana, bergantung kepada pendekatan universiti masing-masing.

BADAN-BADAN PENGIKTIRAF

Hala tuju program seni bina dipengaruhi dan ditentukan oleh badan profesional tempatan serta antarabangsa yang mengawal amalan serta pendidikan senibina. Selain dari badan akreditasi profesional, wujud juga kumpulan atau perikatan yang menubuhkan persetujuan (*accord*) dan persatuan serta pertubuhan yang membincangkan dan mengariskan aspek asas berkenaan program akademik seni bina. Bab ini membincangkan aspek yang ditekankan oleh badan pengiktirafan serta persetujuan utama yang menjadi petunjuk arah pelaksanaan program seni bina.

Dua badan utama yang berperanan dalam memelihara nama baik dan kualiti pengamalan serta pendidikan seni bina di Malaysia adalah Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM). LAM adalah badan berkanun manakala PAM adalah pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Registrar of Societies Malaysia) dimana keahliannya adalah dari kalangan arkitek yang memikul tanggungjawab bersama untuk mempromosi perihal seni bina dan menjaga imej kerjaya arkitek.

LATAR BELAKANG SIJIL TEKNOLOGI SENIBINA KOLEJ KOMUNITI

Program Sijil Teknologi Senibina merupakan satu program kemahiran yang menumpukan kepada penghasilan lukisan teknikal dalam bidang senibina berdasarkan kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelajar akan diberi pengetahuan dan kemahiran tentang teknik penghasilan lukisan secara manual dan dengan menggunakan perisian komputer seperti Autocad, Autodesk Revit, Google Sketchup dan Adobe Photoshop. Selain itu, pelajar juga diberi pengetahuan dan kemahiran menghasilkan model bangunan

Pelajar akan didedahkan kepada teknik menghasilkan lukisan kerja yang mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam yang boleh dijadikan rujukan dalam proses rekabentuk sesebuah bangunan. Pelajar dalam kursus ini juga akan dilatih sehingga dapat menghasilkan lukisan kerja seni bina (Architectural Working Drawing), membuat lukisan bagi kerja tambahan/pengubahsuaian bangunan kecil, menggunakan pelbagai teknik rendering, pembuatan model serta memahami dan mentafsir peraturan kecil bangunan.



SINOPSIS

Kursus ini mendedahkan dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran:-

- menghasilkan lukisan kerja senibina yang menepati kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam dan Pihak Berkuasa Tempatan,
- menghasilkan lukisan persembahan senibina,
- menghasilkan model bangunan bagi tujuan persembahan, dan menghasilkan model 3D bangunan (BIM).

PROSPEK KERJAYA

Sijil Teknologi Senibina dijangka dapat melahirkan pelajar-pelajar berpengetahuan dan berkemahiran bagi memenuhi kehendak industri dalam kerjaya seperti, pelukis pelan senibina, pelukis pelan kejuruteraan, juruteknik bangunan, pembuat model bangunan, penyelia tapak pembinaan, dan BIM modeller.

CABARAN

Antara cabaran utama pelajar lepasan Sijil Teknologi Senibina adalah sama ada untuk meneruskan pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi atau bekerja/menjadi usahawan. Ramai di kalangan graduan Kolej Komuniti memilih untuk bekerja selepas tamat pengajian. Namun memandangkan senario pekerjaan hari ini, agak sukar untuk graduan mendapat kerja yang dalam bidang. Bilangan firma-firma arkitek atau syarikat pembinaan di kawasan sekitar utara Semenanjung Malaysia misalnya adalah terhad. Graduan terpaksa berpindah ke kawasan bandar untuk mencari pekerjaan yang diinginkan. Namun disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi, ramai di kalangan graduan sanggup memilih untuk bekerja di luar bidang pengajian mereka asalkan berada dekat dengan keluarga. Hal ini menjadi kekangan besar bagi graduan luar bandar untuk menyambung pengajian dan mendapat pengalaman bekerja dalam bidang senibina. Kesinabungan pendidikan dan pengalaman dalam dunia senibina mereka terhenti begitu sahaja. Namun begitu masih ada graduan yang cecal dan berbesar hati untuk meneruskan minat mereka dalam bidang professional ini. Proses yang mereka lalui mungkin panjang, namun ilmu dan pengalaman yang ditimba adalah mahal.

Selain daripada melahirkan tenaga kerja mahir yang dapat bekerja di dalam bidang kemahiran, para pelajar juga diterapkan dengan ilmu keusahawanan ketika di kolej. Hal ini bagi melahirkan graduan yang *multitasking* dan dapat *survive* di dunia realiti sebenar selepas tamat pengajian seperti mana yang terkandung di dalam Objektif Program Pengajian Sijil Teknologi Senibina.

OBJEKTIF PROGRAM PENGAJIAN (PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES - PEO)

Program Kolej Komuniti adalah untuk:

1. Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat Negara.
2. Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif dan kerja berpasukan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.
3. Mempunyai kemahiran komunikasi dengan berkesan, mengurus maklumat dengan baik dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan kerja serta tanggungjawab sosial.

Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes – PLO), pelajar boleh:

1. Mengaplikasi pengetahuan asas berdasarkan fakta, konsep, prinsip dan teori dalam bidang berkaitan.
2. Menunjukkan kemahiran psikomotor dan amali dalam menyelesaikan masalah.
3. Menunjukkan kemahiran interpersonal dan kebertanggungjawaban sosial dalam mengaplikasi prinsip dan teori mengikut kesesuaian keadaan.
4. Menunjukkan sifat beretika dan profesionalisme dalam amalan yang mempunyai prinsip etika dari aspek perundangan yang perlu dipatuhi.
5. Menunjukkan kebolehan berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan secara berkesan dengan rakan sekerja, pelanggan, majikan dan masyarakat umum.
6. Menunjukkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal dan menggunakan teknik yang sesuai dalam menyelesaikan masalah.
7. Menyedari kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat untuk pembangunan akademik dan kerjaya.
8. Menunjukkan kemahiran pengurusan dan ciri-ciri keusahawanan dalam perspektif yang meluas di dalam alam perniagaan sebenar.

KOLEJ KOMUNITI SEBAGAI PENERAJU *TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING* (TVET) YANG UNGGUL

TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu. Skop TVET perlu berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri.

Pengajaran di Kolej Komuniti adalah berkonsepkan ‘hands-on’. Pembelajaran secara praktikal dibantu oleh pensyarah terlatih. Menurut Menteri Di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) Sarawak, Datuk Talib Zulpilip berkata, bidang kemahiran bukan lagi menjadi opsi seperti sebelum ini kerana ianya menawarkan peluang pekerjaan yang cukup banyak pada masa sekarang.

Pelajar tidak boleh mengabaikan TVET sebagai pilihan kerana kemahiran yang diperoleh dalam banyak disiplin dalam TVET menawarkan dan membuka banyak peluang pekerjaan, sehingga menjadikan mereka lulusan terpanas di pasaran.

Sejajar dengan Visi Kemakmuran Bersama Pemerintah 2030, TVET adalah salah satu kekuatan yang memungkinkan untuk menyumbang kepada pembangunan negara yang makmur dan inklusif. Ini menjadikan lebih mudah dan pantas bagi graduan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran profesional. Industri tidak perlu melatih semula dan lulusan bersedia memenuhi harapan industri

PASARAN PEKERJAAN

Pasar pekerjaan untuk graduan seni bina adalah pelbagai dan tidak terhad kepada pekerjaan sebagai arkitek. Graduan seni bina boleh bekerja disektor swasta atau kerajaan, dan boleh diambil kerja oleh pemaju, pembina ataupun bekerja di universiti. Begitu juga dengan lepasan Sijil Teknologi Senibina. Mereka boleh menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi berbekalkan ilmu TVET yang dipelajari semasa di Kolej Komuniti. Mereka juga boleh terus bekerja mempraktikkan apa yang dipelajari di peringkat sijil sebelum menyambung di kemudian hari. Ianya menjadi nilai tambah untuk mereka untuk bersaing di alam pekerjaan yang sebenar.

RUMUSAN

Graduan lepasan Sijil Teknologi Senibina boleh terus bekerja mengikut skil dan minat yang bersesuaian berbekalkan ilmu TVET yang dipelajari di Kolej Komuniti selepas tamat pengajian. Bagi yang berminat untuk menjawat jawatan profesional, mereka boleh menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Gabungan pendidikan TVET dan profesional semestinya adalah yang terbaik.

RUJUKAN

- Abdul Malik Abdul Rahman. (2005). Towards revamping the Architectural Curriculum for Ecological Sustainable Development (ESD) in Institutes of Higher Learning in Malaysia. Retrieved September 24, 2010 from <http://www.eco-web.com/edi/index.htm>.
- Abdul Malik Abdul Rahman. (2010). "Greening the architectural curriculum in all the Malaysian Institutes of Higher Learning- it is not an option". ArchNet-IJAR: International Journal of Architectural Research, Vol. 4, Issue 2/3.
- Anthony, K. H. (2002). Designing for diversity: implication for architectural education in the twenty first century. Journal of Architectural Education, pp.257-256.
- Architects Regional Council of Asia (ARCASIA). Specifications for architectural graduates to make them more employable.
- Ar. Nazlan Baharudin. (2010). Arkitek dan Pembangunan Malaysia. Arkitek! Malaysia's Architecture Community: Kuala Lumpur.
- Bahagian Jaminan Kualiti.(n.d). Panduan standard program alam bina peringkat sarjana muda. Bil. 1. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia: Putrajaya.
- Deshpande, J. D. (2008). Restructing architectural education: a review of the curriculum, objectives and outcomes. In Roaf, S. & Bairstow, A. (Ed.), The oxford conference: A re-evaluation of education in architecture (pp.385-388).UK: WIT Press.
- Mohamed Khaled Nordin. (2010, April). Pengajian tinggi dan Model Baharu Ekonomi: Isu dan cabaran. Ucapan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di Majlis Seminar Kebangsaan Pengajian Tinggi dan Model Baharu Ekonomi, Hotel Istana, Kuala Lumpur.

Mohamed Khaled Nordin. (2010, April). Ucapan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia sempena pelancaran Majlis Profesor Negara dan Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE), PICC, Putrajaya.

Zunaibi Abdullah & Firuz H.Hussin. (2006). The architecture of learning: Innovative reinventive strategies in experiential outcome-based instruction at Konvesyen Teknologi Pendidikan ke-19. Kuala Lumpur:Department of Architecture, University of Malaya.



APLIKASI KAEDAH FIQH BAHAYA MESTI DIHAPUSKAN DALAM PENGURUSAN AKADEMIK PASCA COVID-19 DI KOLEJ KOMUNITI TAPAH

NorAtikah binti Mohd Nawi
Kolej Komuniti Tapah
Email: noratikah@kktapah.edu.my

ABSTRAK

Pandemik Covid-19 telah banyak mengubah landskap kehidupan manusia pada hari ini. Pendidikan tinggi adalah antara sektor yang menerima kesan signifikan daripada pandemik Covid-19 terutamanya dalam pengurusan akademik. Hal ini menyebabkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) khususnya Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) mengambil langkah drastik membuat Garis Panduan Pengurusan Pengoperasian Institusi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak Covid-19 bagi Politeknik dan Kolej Komuniti untuk mematuhi peraturan dan saranan pihak kerajaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji aplikasi kaedah fiqh iaitu bahaya mesti dihapuskan dalam pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah yang merupakan salah satu institusi di bawah naungan KPT. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang berasaskan pengumpulan bahan-bahan perpustakaan. Bahan-bahan yang dikumpulkan, kemudiannya akan dianalisis secara induktif. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah menerapkan elemen kaedah fiqh asas iaitu bahaya mesti dihapuskan. Pelaksanaan PdP, Latihan Industri (LI), pelaksanaan Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) dan aktiviti pelajar dilihat sangat bertepatan dengan kaedah fiqh asas ini. Justeru, pengamal pendidikan semestinya menerima garis panduan yang telah dikuatkuasakan sebagai satu kewajipan yang mesti dipatuhi bagi melicinkan proses pengurusan akademik supaya selari dengan keperluan akreditasi pengajian.

KATA KUNCI: *Fiqh, pengurusan, akademik, Covid 19*

PENDAHULUAN

Aspek pengurusan akademik menjadi aspek paling terkesan daripada pandemik Covid-19. Malah, Covid-19 dilihat sebagai agen transformasi dan pemangkin kepada pelaksanaan pembelajaran secara maya secara radikal. Penangguhan kuliah tidak sama sekali mengganggu proses pembelajaran kerana pembelajaran bersemuka kini boleh digantikan dengan pembelajaran maya. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menggubal Garis Panduan Pengurusan Pengoperasian Institusi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak Covid-19 bagi Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai panduan utama pelaksanaan pengurusan akademik di semua Kolej Komuniti Malaysia. Maka, garis panduan ini juga merupakan rujukan utama pengurusan akademik di Kolej Komuniti Tapah yang sedang berkuatkuasa. Sebagai seorang yang beragama Islam, kita sedia maklum bahawa agama Islam meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Di samping itu, Islam membawa objektif syariah yang utama iaitu bahaya mesti dihapuskan. Ini perlu diselarikan dengan firman Allah:



Maksudnya: Dan janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya (al-a'raf 7:56).

Oleh itu, bagi menjayakan proses pengurusan akademik secara efektif dan berkesan di dalam situasi pasca Covid-19 ini adalah sangat penting untuk difahami agar ianya mudah dipraktikkan dalam norma baharu ini. Justeru, penulis berhasrat mengetengahkan aplikasi kaedah fiqh asas iaitu bahaya mesti dihapuskan dalam pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah. Secara umumnya kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama ialah pendefinisian kaedah fiqh dan konsep bahaya mesti dihapuskan serta konsep pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah. Seterusnya ialah penerangan aplikasi ketiga-tiga konsep tersebut dalam pengurusan akademik serta hubung kait antara keduanya. Pada bahagian ini, beberapa sub-tajuk dibina bagi menghuraikan secara jelas dan terperinci dengan memperlihatkan kesinambungan antara kaedah fiqh asas iaitu bahaya mesti dihapuskan dengan pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah yang merupakan tujuan utama kajian. Kemudian diakhiri dengan rumusan dan penutup yang merupakan bahagian terakhir kajian ini.

KAEDAH FIQH MENURUT BAHASA

Kaedah Fiqh terdiri daripada dua komponen iaitu kaedah (qawaid) dan fiqh (fiqhiyyah). Kaedah dari sudut bahasa sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Raghib al-Asfahaniy dalam al-Mufradat fi Gharib al-Quran bermaksud asas dan ia merupakan asas sesuatu dan asalnya. Hal itu sama ada ia berbentuk hissi atau dapat dilihat oleh pancaindera seperti asas rumah juga berbentuk maknawi atau tidak dapat dilihat seperti asas agama (Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariri, 1998).

Manakala fiqhiyyah berasal daripada perkataan al-fiqh. Di mana ia membawa maksud al-Fahmu iaitu kefahaman (Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin, 2000).

KAEDAH FIQH MENURUT ISTILAH

Kaedah fiqh dari sudut pengertian istilah dapat diberikan dalam beberapa bentuk antaranya ialah:

1. Kaedah fiqh menurut pengertian istilah bermaksud: prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek yang mengandungi hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya. Contohnya ialah lafaz kaedah al-Dararu yuzal maksudnya: bahaya mestilah dihapuskan.
2. Kaedah fiqh menurut istilah juga bermaksud: asas-asas atau pokok-pokok fiqh yang bersifat kulli dalam bentuk nas-nas atau teks-teks perundangan yang ringkas yang merangkumi hukum-hukum yang disyariatkan secara umum mengenai atau tentang perkara-perkara yang tergolong di dalam lingkungannya.
3. Ia juga bermaksud: kaedah-kaedah hukum yang bersifat kuliyyah yang diambil daripada dalil-dalil kulli iaitu daripada dalil al-Quran dan al-Sunnah yang mana menjadi asas kepada kaedah-kaedah yang sekali gus dapat disesuaikan dengan banyak juziyyah dan daripada maksud-maksud syarak. Hal itu dalam meletakkan mukallaf di bawah



bebanan taklif dan memahamkan rahsia-rahsia tasyri' dan hikmah-hikmahnya (Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin, 2000).

Secara kesimpulannya, kaedah fiqh merupakan rangkuman prinsip yang telah diperakui oleh syarak. Ia dibuat oleh para ulama untuk memudahkan proses merujuk sesuatu masalah fiqh kepada prinsip syarak. Ia tidak dianggap sebagai dalil syarak yang akan menentukan hukum, sebaliknya adalah satu rumusan perundangan teliti terhadap hukum fiqh yang pelbagai. Ia memudahkan seseorang untuk mengingati, meneliti dan menguasai hukum-hukum fiqh (Abdul Manan Ismail, 2005).

KONSEP BAHAYA MESTI DIHAPUSKAN

Kemudaratan itu harus dihilangkan dengan membawa pengertian bahawa kemudaratan telah terjadi. Lantaran itu, apabila keadaan demikian berlaku, ia wajib dihilangkan. Kaedah tersebut juga membawa maksud sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya mestilah dihapuskan dan perkara yang merbahaya itu juga hendaklah dihilangkan sama (Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariri, 1998).

Kaedah ini diaplikasikan dalam pelbagai isu fiqh, dengan kata lain ia berkait rapat dengan menjaga kepentingan agama, jiwa raga, keturunan, harta dan maruah. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala kemudaratan perlu ditegah dan diharamkan, ia termasuk mudarat yang umum dan khusus. Di samping itu, pencegahan awal juga perlu dibuat untuk mengelakkan daripada kemudaratan sebagaimana kita menghapuskan kemudaratan yang telah berlaku dan mengawal daripada kemudaratan yang berulang-ulang (Abdul Manan Ismail, 2005).

Sumber pengambilan kaedah ini berdasarkan al-Quran dan hadis, antaranya ialah:

Dalil al-Quran:

Maksudnya: Sedang Allah tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan (al-Maidah 5:64)

Dalil al-Hadis:

Maksudnya: Tidak ada bahaya dan tidak membahayakan.

Kesimpulannya, kaedah ini sebenarnya menjelaskan bahawa tiap-tiap perkara yang boleh mendatangkan bahaya dan mudarat hendaklah dihapuskan. Bahkan, sebelum terjadinya kemudaratan, usaha-usaha pencegahan mestilah dilaksanakan selari dengan kaedah fiqh asas ini iaitu bahaya mesti dihapuskan.

PENGURUSAN AKADEMIK PASCA COVID-19 DI KOLEJ KOMUNITI TAPAH

Unit Akademik Kolej Komuniti Tapah diterajui oleh Timbalan Pengarah dan dibantu oleh Ketua Program serta disokong oleh 12 orang pensyarah. Kolej Komuniti Tapah menawarkan satu program sahaja iaitu Sijil Teknologi Senibina (STS). Secara umumnya Unit Akademik bertanggungjawab terhadap semua aktiviti berkaitan pengurusan dan perjalanan program-program akademik program STS di bawah kendalian Kolej Komuniti Tapah. Ia merangkumi perkhidmatan penyampaian PdP dan sokongan dalam perkara-perkara akademik.

Fungsi-fungsi pengurusan akademik Kolej Komuniti Tapah dapat dibahagikan kepada 4 cabang utama iaitu:


- i. Pelaksanaan PdP
- ii. Pelaksanaan LI
- iii. Pelaksanaan PSH
- iv. Aktiviti akademik pelajar

Setelah berlakunya penularan wabak Covid-19, Kolej Komuniti Tapah telah mengalami proses transisi kaedah pengurusan akademik di dalam 4 fungsi dia atas. Semua pengurusan 4 fungsi di atas telah dilaksanakan di atas talian dan bersemuka mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan berbanding sebelum ini. Di samping itu juga, pensyarah-pensyarah telah berada di dalam fasa menambah kemahiran dan kepakaran menggunakan teknologi supaya pengurusan akademik dapat dilaksanakan dengan efektif. Situasi ini juga dapat dilihat sebagai agen perubahan seiring dengan revolusi 4IR yang sering diuar-uarkan.

APLIKASI KAEDAH FIQH BAHAYA MESTI DIHAPUSKAN DALAM PENGURUSAN AKADEMIK PASCA COVID-19 DI KOLEJ KOMUNITI TAPAH

Setelah memahami definisi kaedah fiqh bahaya mesti dihapuskan dan mengetahui konsep pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah secara umum, penulis akan beralih kepada perbincangan aplikasi kaedah fiqh bahaya mesti dihapuskan dalam pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah agar masyarakat serta warga pendidik tahu, jelas serta faham akan signifikan proses transisi pengurusan akademik sekaligus memudahkan tugas pensyarah untuk mendidik dengan norma yang baharu.

Rajah 1: Pengurusan Akademik Kolej Komuniti Tapah



Sebelum itu, perlu difahami bahawa bahaya mesti dihapuskan merupakan kaedah fiqh yang asas. Di antara hukum *furu'* (cabang) yang terbentuk daripada kaedah ini ialah seseorang itu wajib menjaga dirinya daripada penyakit dan berubat apabila berpenyakit (Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin, 2000). Rentetan daripada ini, pihak KPT dan JPPKK telah menggubal garis panduan pelaksanaan operasi pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Malaysia supaya memberi masalah kepada warga kerja, pelajar dan masyarakat serta menolak kemudaratan. Kita dapat lihat garis panduan pengurusan akademik Kolej Komuniti Tapah menepati kaedah fiqh bahaya mesti dihapuskan dalam beberapa panduan seperti dalam rajah 1.

Pengurusan PdP

Dari segi pengurusan PdP seperti peranan Penasihat Akademik, rekod kehadiran, Rancangan Mengajar (*Lesson Plan*), pengurusan masa dan persediaan platform mengajar perlu dibuat secara atas talian.

Dari sudut penilaian pelajar, pemberian pentaksiran berterusan (PB) perlu dibuat secara atas talian. Begitu juga jaringan komunikasi seperti penerangan PB, kriteria pemarkahan dan pemberian rubrik mestilah secara dalam talian.

Di samping itu juga, sokongan dan bantuan juga wajar dititik berat dalam merealisasikan PdPDT yang melibatkan Unit Multimedia, Unit ICT dan Unit Latihan dan Perkembangan Staf dalam memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar dari semasa ke semasa tentang penggunaan aplikasi dalam talian. Justeru Penasihat Akademik dan pensyarah kursus bertanggungjawab meninjau tahap kemahiran pelajar dalam menggunakan teknologi PdPDT, membantu pelajar menyesuaikan diri dengan PdPDT dan perlu disesuaikan dengan masa, keupayaan rangkaian, peralatan dan kemahiran.

Ironinya, terdapat juga situasi atau kursus yang tidak dapat dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya terutamanya bagi pentaksiran amali atau projek bagi kursus berteraskan TVET. Oleh itu, JPPKK telah memberi kebenaran supaya PdP boleh dilaksanakan secara bersemuka dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh KPT seperti memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter, susun atur dalam Bilik Kuliah/Makmal/Bengkel mempunyai jarak 2 meter dan meletakkan tanda “X” sebagai penandaan jarak sosial. Selain itu, jumlah pelajar bagi satu sesi PdP tidak lebih daripada 50% kapasiti sebenar ruang pembelajaran.

Hal ini bagi mematuhi arahan penjarakan sosial bertujuan melindungi pensyarah dan pelajar daripada sebarang bahaya pandemik Covid-19 sekiranya ada dikalangan mereka positif Covid-19 yang boleh menjangkiti orang lain dengan mudah. Menolak kemudaratatan menurut kemampuan adalah perlu sebagaimana kaedah:

Kemudaratatan itu dibendung atau ditolak menurut sekadar mungkin (Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariri, 1998).

Ia bermaksud, kemudaratatan itu harus dihindarkan menurut batas-batas kemungkinan. Apa yang tersirat daripada kaedah itu ialah terdapatnya kewajipan untuk menghindarkan daripada berlaku atau terjadinya sesuatu kemudaratatan. Untuk itulah usaha-usaha untuk membendung atau menyekat supaya tidak berlakunya sesuatu kemudaratatan tersebut dengan segala usaha yang mungkin dan mampu dilakukan hendaklah diusahakan.

Pelaksanaan Latihan Industri

Pengurusan Latihan Industri (LI) di Kolej Komuniti Tapah melibatkan taklimat pelaksanaan LI, pemantauan LI, pembentangan dan laporan akhir LI. Menurut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh JPPKK, pemantauan LI, pembentangan dan serahan laporan akhir LI mestilah dilaksanakan di atas talian.

Justeru itu, Kolej Komuniti Tapah perlu memastikan pelaksanaan LI perlulah mencapai tahap hasil pembelajaran (CLO) yang ditetapkan dalam kurikulum yang sedang berkuatkuasa. Bagi kes-kes terencil yang melibatkan pelajar dan industri dalam pelaksanaan LI, Kolej Komuniti boleh menggunakan budi bicara masing-masing dalam membuat ketetapan dengan



mengambil kira isu keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan semua pihak. Para ulama usul fiqh telah mengambil kaedah hukum untuk menghalangi kemudaratkan yang lebih besar, maka dibolehkan melakukan kemudaratkan yang lebih kecil (Yusuf Abdullah al-Qardhawi, 2011).

Kaedah ini menggambarkan situasi jika pengurusan LI dilaksanakan secara bersemuka, kita perlu meyakini bahawa terdapat risiko mudarat penularan pandemik Covid-19 sekiranya salah seorang daripada industri, pensyarah atau pelajar telah positif Covid-19 dan boleh menjangkiti orang lain. Namun bagi situasi yang sangat perlu dan mendesak contohnya, bagi pelajar OKU yang tidak mampu untuk membuat pembentangan LI dan serahan laporan akhir secara dalam talian, dia dibenarkan untuk membuat pembentangan dan serahan laporan LI secara bersemuka bagi mengelakkan kemudaratkan lain iaitu gagal dalam kursus LI. Maka, dia telah melakukan kemudaratkan yang lebih kecil iaitu mendedahkan dirinya dan pensyarah terhadap risiko penularan Covid-19 sekiranya ada individu yang telah positif berbanding kemudaratkan yang lebih besar iaitu kegagalan masa hadapannya.

Pelaksanaan PSH

PSH adalah salah satu daripada cabang pengajian untuk individu mendapat manfaat daripada program yang disediakan oleh Kolej Komuniti. Antara kumpulan sasaran utama PSH ialah golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan warga emas yang mahu memberi sumbangan kepada Negara, menambah baik diri dan mempelbagaikan kemahiran. Oleh itu, jelas bahawa pelaksanaan program PSH di Kolej Komuniti melibatkan golongan masyarakat setempat.

Pihak JPPKK telah menyarankan supaya kursus PSH boleh dilaksanakan dalam dua kaedah. Pertama, kursus PSH dilaksanakan secara atas talian. Keputusan ini juga dibuat secara optimis dengan mengambil kira kebarangkalian kemudaratkan penularan penyakit di kalangan masyarakat. Kedua, kursus PSH dilaksanakan secara bersemuka dengan mematuhi arahan dan keperluan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Namun hakikat yang perlu diterima bahawa Kolej Komuniti merupakan penyedia TVET dan penawaran sesuatu program itu bersifat teknikal menyebabkan ianya tidak boleh dilaksanakan di atas talian. Maka, Kolej Komuniti dibenarkan untuk membuat kursus secara bersemuka dengan syarat perlu mematuhi arahan kerajaan selari dengan kaedah: *Apa sahaja yang memudaratkan kaum muslimin, wajib dihindarkan terhadap mereka*. Kaedah ini menyatakan bahawa taklif syarak itu hakikatnya ia disyariatkan demi untuk menolak kemudaratkan (Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin, 2000). Dapat disimpulkan bahawa sebarang kemudaratkan yang menimpa masyarakat Islam, ianya mestilah dihindari. Namun tanggungjawab menolak kemudaratkan ini bukan kepada muslim sahaja bahkan tanpa mengira agama dan bangsa selari dengan sifat islam itu sendiri iaitu rahmatan lil alamin.

Aktiviti Pelajar atas Talian

Kolej Komuniti Tapah telah menetapkan bahawa semua penganjuran aktiviti akademik pelajar berskala besar secara bersemuka perlu ditangguhkan tertakluk kepada arahan kerajaan dari semasa ke semasa. Namun begitu, ia boleh dilaksanakan secara atas talian. Begitu juga aktiviti akademik pelajar berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi ianya perlu dibuat melalui atas talian.

Langkah ini adalah signifikan bagi mencegah berlaku penularan Covid-19 selari dengan kaedah: *Mencegah kerosakan adalah diutamakan daripada mengambil kemaslahatan*.



Kaedah ini membawa maksud apabila bertembung di antara perkara yang membawa kemaslahatan dengan perkara yang membawa kerosakan atau bahaya, pelaksanaannya hendaklah diarahkan kepada mencegah kemudaratan (al-Syeikh Ahmad bin al-Syeikh Muhammad al-Zarqa', 1998). Di dalam situasi ini, perkara yang membawa kemaslahatan adalah pelaksanaan aktiviti akademik pelajar mengikut adat kebiasaan adalah secara kumpulan yang ramai. Namun perkara yang membawa kerosakan atau bahaya adalah risiko penularan Covid-19. Maka syarak menetapkan bahawa kita perlu membuat pencegahan daripada kemudaratan covid-19 dengan cara tidak berhimpun secara bersemuka dan bilangan peserta yang ramai. Oleh itu, berdasarkan pertimbangan kaedah ini, Kolej Komuniti Tapah menetapkan supaya aktiviti akademik pelajar di buat di atas talian seperti yang diarahkan oleh JPPKK.

KESIMPULAN

Pendidikan Tinggi di Malaysia pasca Covid-19 terdedah kepada dua situasi utama. Pertama, IPT semakin intim dengan teknologi dan pada masa yang sama, IPT semakin mengenal erti kemanusiaan. Keseimbangan teknologi dan kemanusiaan sangat penting ketika ini di mana ianya membantu dalam pengurusan akademik di IPT. Situasi ini menggambarkan proses transisi dari satu kebiasaan ke kebiasaan yang baharu. Pendekatan ini diamalkan dengan mengambil kira bahaya penularan jangkitan Covid-19 yang mempunyai kebarangkalian boleh berlaku di kalangan pensyarah, pelajar dan lain-lain.

Justeru itu, kaedah fiqh bahaya mesti dihapuskan merupakan satu kaedah yang telah diaplikasikan di dalam pengurusan akademik pasca Covid-19 di Kolej Komuniti Tapah demi menjaga kemaslahatan individu khususnya dan masyarakat amnya. Kaedah ini juga menunjukkan betapa agama Islam dan syariatnya itu begitu mengambil berat mengenai kepentingan manusia tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan serta menolak kemudaratan dan kerosakan yang berlaku serta yang bakal berlaku. Semua hukum yang telah diputuskan oleh syarak tidak lain dan tidak bukan hanyalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlaku kemudaratan yang menjadi salah satu antara tujuan utama mengapa syariat Islam didatangkan oleh Allah S.W.T ke atas muka bumi ini.

RUJUKAN

Abdul Manan Ismail. (2005) Kaedah-kaedah Fiqh: Satu Pengenalan Ringkas. Kajian Syariah dan Undang-undang – Siri 2 / 2005

Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali@Mat Zin. Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd. 2000

Al-Syeikh Ahmad bin al-Syeikh Muhammad al-Zarqa'. Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cet. 5. 1998

Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariri. al-Madkhal Ila al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kuliyyah. Amman: Dar 'Ammar. cet. 1. 1998

Nazmi Yaakub. 2020. Cegah Kemudaratan Diri, Orang Lain Dituntut Syarak. Diambil Dari <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/03/666076/cegah-kemudaratan-diri-orang-lain-dituntut-syarak>



Majlis Keselamatan Negara (2020), Garis Panduan Untuk Pembukaan Semula Perkhidmatan-perkhidmatan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 Kementerian Pengajian Tinggi

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (2020), Garis Panduan Pengurusan Pengoperasian Institusi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak Covid-19 bagi Politeknik dan Kolej Komuniti

Yusuf Abdullah al-Qardhawi. Fiqh Keutamaan (Fiqh Awlawiyyat. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd. 2011

CABARAN SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

Ili Safuraa Binti Abu Bakar
Kolej Komuniti Chenderoh, Perak
E-mail: ili_safuraa@yahoo.com

ABSTRAK

Tatkala badai ancaman COVID-19 kian reda, dunia sedang menghadapi era pasca-COVID-19, yang dalam tempoh masa singkat telah memberikan impak besar kepada pelbagai sektor di negara kita. Bukan sahaja dari segi peningkatan kadar pengangguran dan ketidakpastian ekonomi dunia, sektor-sektor lain turut merasai tempas pandemik yang di luar dugaan tersebut dengan sektor pendidikan tidak terkecuali. Dari perspektif pendidikan tinggi, ketika para pensyarah dan pelajar sedang melakukan adaptasi terhadap pembelajaran dalam talian, banyak norma baharu yang perlu diberikan perhatian khusus. Norma ini secara tidak langsung akan memberikan impak kepada pelan strategik setiap institusi pengajian tinggi di samping mengubah pacuan hala tuju sedia ada. Malah, tidak mustahil juga landskap sistem pendidikan tinggi terutamanya dari aspek pengajaran dan pembelajaran yang sedang dilaksanakan pada waktu ini, akan terus kekal bersama arus perubahan semasa untuk tempoh waktu yang panjang. Namun demikian, COVID-19 dilihat sebagai agen transformasi dan pemangkin kepada pelaksanaan pembelajaran secara maya secara radikal. Penangguhan kelas tidak sama sekali mengganggu proses pembelajaran kerana ia telah diganti dengan pembelajaran secara maya. Namun, situasi semasa di era yang serba mencabar ini menuntut semua pihak supaya bersikap terbuka, positif dan bersedia mengadaptasikan segala cabaran seiring dengan hasrat dan usaha kerajaan.

KATA KUNCI : *Covid-19, sektor pendidikan, cabaran*

PENGENALAN

Penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) (WHO, 2020) juga dikenali sebagai penyakit pernafasan akut 2019-nCoV, ialah satu penyakit berjangkit disebabkan oleh SARS-CoV-2 (novel koronavirus 2019), sebuah virus yang berkait rapat dengan virus SARS (Hui DS et al., 2020). Pada 11 Februari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengumumkan bahawa "COVID-19" menjadi nama rasmi penyakit ini. Ketua Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata "CO" bermaksud "corona" (korona), "VI" untuk "virus" dan "D" untuk "disease" (penyakit), sementara angka "19" bermaksud tahun penyakit tersebut wujud. Penyakit ini kali pertama dikenalpasti pada 31 Disember 2019. Cara utama jangkitan pada manusia adalah penularan manusia ke manusia, yang biasanya terjadi melalui titisan pernafasan dari individu yang dijangkiti apabila mereka bersin atau batuk. Penyakit ini mempunyai tempoh inkubasi antara 2 dan 14 hari (CDC, 2020). Penularan boleh dikurangkan dengan selalu mencuci tangan, mengamalkan kebersihan dengan baik, dan memakai topeng pembedahan (WHO, 2020)


Kes-kes pada awalnya dikenali di Wuhan, ibu negeri wilayah Hubei di China pada Disember 2019. Selepas itu, jangkitan ini telah dilaporkan di seluruh dunia. Sehingga 12 Julai 2020, bilangan kumulatif kes pandemik COVID-19 seluruh dunia ialah 12,844,410 dengan kadar kematian seramai 567,657. Negara Amerika Syarikat terus mencatatkan angka jangkitan tertinggi seramai 3,355,646 kes dengan 137,403 kematian.(WHO, 2020). Di Malaysia, sehingga 11 Julai 2020, bilangan kumulatif kes jangkitan ialah seramai 8704 dengan 122 kematian.

RESPON KERAJAAN

Kes pertama COVID-19 di Malaysia dilaporkan pada 25 Januari 2020 dengan jumlah 22 kes yang digolongkan sebagai gelombang pertama yang sudah sembuh dan discaj. Menurut kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 4 Mac, gelombang kedua dilaporkan bermula pada 27 Feb selepas 11 hari tiada kes baharu dicatat. Kluster Perhimpunan di Masjid Seri Petaling menjadi kluster terbesar kes COVID-19 dalam negara dengan mencatat angka kes seramai 3375 dan diisytiharkan berakhir oleh Ketua pengarah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah pada 11 Julai 2020 (Bernama, 2020).

Selaras dengan kebimbangan penularan kes COVID-19, pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi ucapan secara langsung di televisyen dan secara rasmi mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 pada 18 Mac 2020 (Tang, Ashley, 2020). Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan melibatkan 6 fasa iaitu; Fasa 1 : 18 Mac - 31 Mac 2020 ; Fasa 2 : 1 April -14 April 2020 ; Fasa 3 : 15 April - 28 April 2020; Fasa 4 : 29 April - 12 Mei 2020 ; Fasa 5 (PKPB) : 13 Mei - 9 Jun 2020 dan Fasa 6 (PKPP) : 10 Jun - 31 Ogos 2020.

Gambar 1: Imej mikroskop elektron SARS-CoV-2



Sumber: NIAID-RML, 2020

IMPLIKASI KESIHATAN

Mereka yang dijangkiti COVID-19 mungkin membawa penyakit atau mempunyai simptom seperti demam, batuk dan sesak nafas (CDC, 2020). Cirit birit atau simptom-simptom saluran pernafasan atas (contoh: bersin, hidung berair, sakit tekak) adalah kurang kerap (Wei XS et al., 2020). Kes boleh meningkat menjadi radang paru-paru teruk, kegagalan beberapa organ, dan

mengakibatkan kematian (CDC, 2020). Kira-kira 20-30% pesakit COVID-19 mengalami kegagalan hati akibat perubahan enzim hati (Xu L et al., 2020). Kanak-kanak yang dijangkiti COVID-19 menghadapi simptom yang sama seperti penyakit Kawasaki yang boleh mengakibatkan kematian (WHO, 2020).

IMPAK PANDEMIK COVID-19 KEPADA NEGARA

Sektor Ekonomi

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia diunjurkan menguncup di antara 0.1 peratus hingga 4.6 peratus tahun ini berikutan kesan buruk yang ditimbulkan wabak COVID-19 (Bank Dunia, 2020). Ahli Ekonomi Kanan Bank Dunia dalam Kewangan, Daya Saing dan Inovasi Amalan Global, Smita Kuriakose, berkata kesan terhadap ekonomi Malaysia itu dijangka besar berdasarkan kesan negatif COVID-19 ke atas pelaburan langsung asing (FDI), komoditi dan pelancongan selain kejutan domestik susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Malaysia adalah antara ekonomi yang amat berkaitan dengan rangkaian bekalan global (Astro Awani, 2020).

Sejak wabak COVID-19 bermula dan hingga 23 Mac 2020, berlakunya aliran keluar terbesar dari pasaran pesat membangun dengan rekod pada AS\$83 bilion, manakala FDI global diunjurkan susut sebanyak 30 hingga 40 peratus tahun ini. Dalam pada itu, 75 juta pekerjaan berdepan risiko pengangguran dalam sektor perjalanan dan pelancongan, dengan dua pertiga daripadanya adalah di Asia. Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan unjuran KDNK Malaysia bagi 2020 dianggarkan di antara -2 peratus hingga 0.5 peratus, berbanding pertumbuhan pada 4.3 peratus tahun lalu (Bernama, 2020).

Pensyarah Jabatan Ekonomi Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berpendapat COVID-19 memberi impak kepada ekonomi rakyat pada masa kini melalui tiga saluran iaitu (i) penurunan permintaan eksport, (ii) penurunan permintaan domestik dan (iii) kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Beliau percaya ketiga-tiga saluran ini memberi impak berbeza kepada rakyat bergantung kepada kumpulan pendapatan mereka, bandar atau luar bandar dan sektor pekerjaan formal atau informal (Astro Awani, 2020).

Sektor Pendidikan: Peralihan kepada pembelajaran secara maya

Sektor pendidikan negara menghadapi cabaran besar selepas pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia berkenaan arahan penutupan penuh semua peringkat pendidikan berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. Pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi tidak dibenarkan menghadiri kelas sejak pelaksanaan PKP. Mereka dinasihatkan berada di rumah dan meneruskan pembelajaran dalam talian. Cabaran buat para pendidik dan pihak institusi dan sekolah untuk memastikan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid dan pelajar. Turut timbul kekusaran dalam kalangan pelajar dan ibu bapa, adakah pembelajaran maya dapat memberi faedah yang sama seperti pembelajaran di dalam kelas. Pelbagai isu yang timbul akibat pembelajaran tidak formal ini seperti pelajar tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai bagi menyokong pembelajaran secara *online* (Astro Awani, 2020).

Selain itu, guru dan ibu bapa menghadapi kesukaran untuk memantau prestasi pelajar kerana tiada proses pembelajaran dua hala sebaliknya hanya membuat kerja di rumah. Tahap

kesiapsagaan dari segi kemahiran dan pengetahuan berkaitan kaedah pengajaran secara *online* di kalangan guru dan pendidik turut menjadi kebimbangan.

Namun demikian, COVID-19 dilihat sebagai agen transformasi dan pemangkin kepada pelaksanaan pembelajaran secara maya secara radikal. Penangguhan kelas tidak sama sekali mengganggu proses pembelajaran kerana ia telah diganti dengan pembelajaran secara maya. Ada pihak yang meragui keberkesanan pelaksanaan pembelajaran secara maya kerana faktor jurang digital, jurang mereka yang berada di bandar, kaya dan miskin. Ada yang mendakwa pembelajaran secara maya akan meninggalkan jauh masyarakat miskin daripada terus menikmati pembelajaran. Namun, hal ini boleh ditangani dengan baik melalui pelbagai pendekatan seperti menambah baik capaian internet dan berterusan. (Dr Mohd Izani, 2020). Seperti yang berlaku pada adik Veveonah Mosibin, pelajar Universiti Malaysia Sabah. Videonya memanjat pokok demi mendapatkan talian Internet untuk menjawab peperiksaan secara maya telah menjadi *viral* dan membuka mata banyak pihak terutama pihak UMS dan Rangkaian Intenet Tempatan TM untuk memperbaiki perkhidmatan mereka di kawasan luar bandar (Berita Harian, 2020).

Sektor Pendidikan dan Norma Baharu: Pematuhan Garis Panduan Pengurusan Operasi

Pihak sekolah dan institusi perlu memastikan pelajar mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara seperti amalan membasuh tangan yang betul dan memakai *hand sanitizer* serta mengekalkan jarak 1 meter dari semua orang yang berinteraksi. Hal ini mungkin menjadi cabaran besar kepada guru pra sekolah dan sekolah rendah kerana kanak-kanak lingkungan umur 4-6 tahun sukar dikawal. Namun, Malaysia menduduki tempat pertama berbanding negara lain yang mengubah sikap ke arah positif dalam aspek penjagaan kebersihan diri dalam situasi penularan COVID-19 (Berita Harian, 2020).

Prof Dr Mohamad Kadim Suardi yang merupakan Naib Canselor UNIMAS berpendapat penggunaan ruang-ruang kelas dan fasiliti pengajaran sedia ada perlu mematuhi peraturan jarak sosial dan kaedah kawalan yang lain. Keadaan ini akan menyebabkan ruang-ruang ini tidak dapat digunakan secara optimum (2020).

Sektor Pendidikan: Perubahan struktur kurikulum dan penyampaian

Pihak sekolah dan insitusi perlu merangka semula jadual waktu belajar bersesuaian dengan ruang kelas dan jumlah pelajar selaras dengan Garis Panduan Pembukaan Sektor Pendidikan oeh Majlis Keselamatan Negara. Ia mungkin menjadi cabaran buat sekolah 2 sesi dengan pelajar yang ramai atau yang mempunyai bilangan fasiliti terhad. Bagi institusi pendidikan tinggi, mereka perlu menyusun atur kedudukan dalam makmal dan bilik kuliah serta penjadualan semula kelas. Hal ini melibatkan tekanan dari segi peningkatan kos operasi (Prof Dr Mohamad Kadim Suardi, 2020).

PENUTUP

Di sebalik segala pelan dan strategi yang terpaksa diatur dalam mengharungi perubahan yang memaksa pihak sekolah dan institusi mencari kaedah baharu dalam sistem penyampaian, isu yang paling memberikan cabaran besar kepada sektor pendidikan iaitu tahap kesiapsagaan dan kesediaan pelajar, ibu bapa, masyarakat dan para pendidik yang masih bersikap konvensional dan skeptikal terhadap perubahan yang sedang dilakukan. Namun, situasi semasa di era yang

serba mencabar ini menuntut semua pihak supaya bersikap terbuka, positif dan bersedia mengadaptasikan segala cabaran seiring dengan hasrat dan usaha kerajaan.

RUJUKAN

Berita Harian. COVID-19 beri impak besar KDNK Malaysia - Bank Dunia. Retrived from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675645/COVID-19-beri-impak-besar-kdnk-malaysia-bank-dunia>

Bernamea. COVID-19: Kluster terbesar jemaah tabligh Seri Petaling tamat - KP Kesihatan. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1858600>

Bernamea. Pendidikan Tinggi Pasca-COVID-19: Antara Norma Baharu dan Hala Tuju. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1850425>

Bernamea. COVID-19: Lebih banyak kes baru dalam gelombang kedua. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/513584>

Corona virus pandemic 2019. Retrieved from <https://www.worldometers.info/coronavirus/Symptoms of Coronavirus>". U.S. Centers for Disease Control and Prevention (CDC). 13 May 2020. Retrieved from <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/index.html>

Wei XS, Wang X, Niu YR, Ye LL, Peng WB, Wang ZH, et al. (2020). "Clinical Characteristics of SARS-CoV-2 Infected Pneumonia with Diarrhea". SSRN 3546120.

Wikipedia. Corona virus disease 2019. Retrieved from https://en.wikipedia.org/wiki/Coronavirus_disease_2019

World Health Organization. (2019). Retrieved from <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/question-and-answers-hub/q-a-detail/q-a-coronaviruses#:~:text=symptoms>

Xu L, Liu J, Lu M, Yang D, Zheng X (2020). "Liver injury during highly pathogenic human coronavirus infections". *Liver International*. 40 (5): 998–1004.

YELLOW RICE IN THE MALAY CULTURE

Khairul Ashikhin bt Abdullah Suhami
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: ashikhinsuhami@gmail.com

Muhammad Nazihan Bin Jamaludin
Kolej Komuniti Sungai Petani

Zuriani bt Zulkaffli
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRACT

Traditional food are proven to be part of the ethnic, society and country's heritage. To the Malays, Pulut Kuning is one of the traditional food that are often prepared, practiced and associated with symbolism, custom and ritual for special occasions. The impact of modernization through various dimensions like education and lifestyles however are believed to have an impact to the beliefs and practices of Pulut Kuning in Malay feasts. This study qualitatively explains the impact of modernization (education, lifestyles) to the beliefs of Pulut Kuning as symbolism, ritual, custom and their level practices among the young generation. The understanding and the increasing knowledge on the Islamic teaching plays a major role in reducing the practices or the uses of Pulut Kuning in the superstitious and occult activities. Modernization through education and lifestyle on the other hand do not totally pushed away the norm or the beliefs and the practices of Pulut Kuning as symbol of gratitude, appreciation, thankful in Malay occasions and it is still relevant despite slightly lessening the practices among the young generation.

KEYWORD: *Symbolism, custom, ritual, Pulut Kuning, modernization and practices*

INTRODUCTION

According to Bar-on, (2000) food marks the social differences, boundaries, bonds and contradictions among society in the world. Conner & Armitage stated that food, preparation, and consumption not only define the social diversity but also symbolizing the identity of the society. Wallace and Wolf (1999) define symbol as the act of human being or all individual member of one society or social group (Wallace & Wolf, 1999). Symbol also demonstrate something more than just a gesture and sign (Wallace & Wolf, 1999. Crotty and Germov (2004) also stated that food also represent the class structure of individual or society. It also shows that different classes of society used food as a symbolic way to differentiate themselves through appreciation of etiquette and aesthetic factors. For example, the rich group of people may find themselves always having dinner at expensive hotel or restaurant, but for the poor having a fast-food meals considered a special treat on the special occasion such during birthday, or wedding anniversary.

Yellow rice also known as nasi kunyit or pulut kuning made of the glutinous rice that soaks in turmeric powder and boil or stem with coconut milk. This yellow rice usually is eaten accompanied by chicken or beef rendang, hard-boiled egg or salted fish. This glutinous cannot be eaten regularly because of highly contain of starch composition that will lead to disease such as diabetes and high blood pressure.

In Malaysia, yellow rice is widely known as it can easily be found. It is not only a dish for Malays but also for Indian, Chinese and Nyonya. In Nyonya culture, nasi kunyit (yellow rice) is consume with red coloured hard-boiled eggs and distributed among friends and relatives to celebrate one-month old baby. For Malays, we practice the use of yellow rice naturally and that differentiate us from other group. Pulut kuning is a custom in any ceremonies such as khatam quran, anniversary, birthday, cukur jambul, wedding, engagement and any occasion that shows the gratefulness (Nagata, 2012) It is a compulsory or a must to have pulut kuning as a dish. Some Malays prepared this food and they decided to send out little packets of pulut kuning and distribute or giving of alms to their neighbors.

PULUT KUNING' (YELLOW RICE) IN MALAY CULTURE

In Malay culture, pulut kuning is a custom that have been practice since the earlier generation. The custom had been passed through generations. The older generation served Pulut Kuning to show appreciation to the spiritual body since they believe the corps had been protected by the body. Pulut Kuning is usually found in Malay ceremonies. The yellow colour of rice symbolized the wealth and royalty. As the pulut kuning distributed among family and friend, it will send the message to them on the occasion that they are celebrating. In the other word, pulut kuning can be described as the symbol of occasion where the existence of pulut kuning is according to the feast or ceremony that they are celebrating on.

Beside as the symbol of the occasion, pulut kuning also always seen to be presented or served to the spiritual body. It is usually done by the Malay witch doctor or shaman also known as shaman or bomoh. This practiced due to Malays believe in traditional practitioner. These superstitious activities are still practice by Malay community but forbid by Islam.

PULUT KUNING AS A SYMBOL OF OCCASION

Pulut Kuning is popular among the Malay community as a symbol of gratefulness and happiness, thus it is not surprising, yellow rice become a must for the entire celebration such as in Malay wedding, doa selamat, majlis cukur jambul, khatam Quran, berkhatan and others. According to Jones (2010), people define event through food. Malay community believes that Pulut Kuning symbolizes unity and harmony, particularly on special occasions. Pulut kuning is one of the examples of food that represent wealth and prosper.

Pulut kuning in the Malay community also has a relationship in religious rituals in yesterday such as khatam quran. Malay community formerly believed that it can give many benefits such as strengthen the relationship among each other. Besides, pulut kuning served in Malay wedding symbolizes that the bridal is symbol of blessed and fertility. In other ceremony, pulut kuning usually served with chicken rendang to guests. The ceremony of mutual feeding



of pulut kuning is one of the traditions during the wedding. The bride and groom dress in elegant traditional costumes, sit in state, and feed each other yellow rice with henna painted hands.

For the Malays, the existence of pulut kuning is not just common rice. It is not only based on yellow colour but as special function in Malay society. Therefore, pulut kuning is only available for special occasions. Jones (2010) mention that, the absence of dish on the menu causes consternation. Pulut kuning represents a special ceremony and cannot be separated with the customs and beliefs of the Malay community.

‘PULUT KUNING’ AS A SYMBOL OF SPIRITUAL CULTURE

As mentioned above, pulut kuning is part of the spiritual culture in Malay community. It was practiced by the ancestors where they were believed on spiritual power. They believed that this entity had played an important role in their life as their guardian who taking cares of their land, corps, property and family. Is return, they need to serve pulut kuning as an appreciation. There was a special ceremony in presenting the pulut kuning. Usually, the pulut kuning is served with grilled chicken or ayam golek and hard-boiled egg.

This was also practiced by the Malay shaman or bomoh as a traditional practitioner. (Osman, 2009). Using the same context where the shaman or bomoh presenting the pulut kuning as a gift for the help given by the spirit. Presentation is almost the same as presenting it as an appreciation to the guardian. It is believe that pulut kuning and the spiritual activities cannot be separated.

Silat pulut (silat performance when the attacker follows the flow of the lock and escapes it while putting a lock on the opponent and both partners go from lock to lock until one is incapable of escaping or countering) named because of the pulut kuning that had been served in the middle of the battle area or ‘gelanggang’. This is also related to the spiritual activities where the supernatural is taking part in the spiritual ceremonies.

CONCLUSION

Food demonstrate the belief systems, religious and practices rules and complex ideologies of a particular person or character, or that of an entire community or culture that may not be explained explicitly in a text (Rosmaliza Muhammad et al., 2013). In addition, food also symbolize unique character and culture of distinctive culture. Plus, food also demonstrate the ability to unite difference culture in one society.

Pulut kuning or yellow rice is not ambiguous to the Malaysian culture where it is familiar to all the races in Malaysia. Each race had symbolic purposes on the existence of the yellow rice. In Malay culture, pulut kuning cannot be separated with the feast or ceremonies celebrated by Malays community. For example, in celebrating newborn baby, engagement, marriage and circumcision pulut kuning is a necessity. In Malay culture, the existence of pulut kuning is a compulsory in any special occasions. Usually, it prepared to show the gratefulness



and happiness. It also symbolized the wealth because of its yellow colour that shines like gold. Malay community is also presenting pulut kuning in spiritual activities such as in a traditional treatment. Bomoh served pulut kuning in order to communicate with the spiritual body. As a conclusion, pulut kuning symbolized the occasion and the spiritual activities relates in Malay culture in Malaysia.

REFERENCES

- Abdullah, F. (2009). Dari halaman rumah ke Dewan Merak Kayangan: Upacara perkahwinan Melayu bandar (From house yard to Merak Kayangan Hall: Wedding ceremonies in the city). *Sari.*, 27, 97-107.
- Anon. (1995). *Malaysia festive cuisine*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., Malaysia.
- Bar-On, O. (2006). *Food for thought: attachment and experience of food*. Proquest Digital Dissertations. (AAT 3194176)
- Conner, M., & Armitage, C. J. (2002). *The social psychology of food*. Philadelphia: Open University Press.
- Crotty, P., & Germov, J. (2004). Food and class. In J. Germov, & L. Williams (Eds.), *A sociology of food & nutrition: The social appetite* (2nd ed., pp. 241-262). Australia: Oxford University Press.
- Jones M.O (2010), Food choice, Symbolism, and Identity: Bread and Butter issues for folkloristic and Nutrition studies, *Journal of American Folklore*, 120 129-77 Spr 201
- Nagata J.A (2012), *Adat In The City: some perceptions and practices among urban Malays*.
- Osman, M.T (2009), *Patterns of supernatural premises underlying the institution of the bomoh in Malay culture*
- Wallace, R. A., & Wolf, A. (1999). *Contemporary sociological theory expanding the classical tradition* (5th ed.). New Jersey: Prentice Hall.

INSTRUMEN HIBAH MEMBANTU PENYELESAIAN KEPADA PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA UMAT ISLAM

Osman Fikri bin Awang Mina
Kolej Komuniti Batu Gajah
Email: osmanfikri@kkbtgajah.edu.my

Zamaruzaman bin Mohamad
Kolej Komuniti Batu Gajah

Mohd Rizal bin Aris
Kolej Komuniti Batu Gajah

ABSTRAK

Hibah adalah pemberian atau hadiah tanpa balasan atas dasar kasih sayang kepada ahli waris dan juga bukan ahli waris. Konsep hibah ini perlu difahami dalam konteks semasa berdasarkan undang-undang sedia ada yang sedang berkuatkuasa di dalam negara kita. Perlu difahami juga, pelaksanaan hibah bukanlah menafikan hukum faraid yang telah sekian lama ada. Hibah terbahagi kepada 2, iaitu hibah mutlak, hibah bersyarat. Di bawah hibah bersyarat juga, telah ada syarikat yang menyediakan instrument hibah takaful yang boleh disertai oleh umat islam dengan bayaran tertentu dan ada juga perkhidmatan menyediakan penulisan Hibah Amanah. Menjadikan pelaksanaan hibah dalam pengurusan harta pusaka semasa hidup merupakan salah satu tuntutan agama dalam menyelesaikan isu-isu harta pusaka umat islam hari ini. Kegagalan menguruskan harta pusaka semasa hidup telah menyebabkan harta umat Islam dibekukan. Menurut rekod yang dikeluarkan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli pada tahun 2016, harta pusaka yang tidak di tuntutan berjumlah hampir RM 60 billion dan majoritinya adalah harta umat islam. Kefahaman terhadap perbezaan di antara hibah, wasiat, wakaf dan faraid juga perlu di ambil berat supaya setiap tindakan dan pilihan yang dibuat adalah bersesuaian dengan keadaan dan keperluan masing-masing dan tidak merugikan mana-mana pihak yang berkepentingan pada harta pusaka tersebut.

KATA KUNCI: *Hibah, pusaka, undang-undang, harta, syarat*

PENGENALAN

Imam al-Bukhari, Muslim dan lain-lain meriwayatkan bahawa Sa'd bin Abi Waqqas RA menceritakan bahawa pada suatu ketika beliau telah jatuh sakit dan baginda Rasulullah SAW telah menziarahinya. Sa'd berkata kepada Rasulullah SAW:

“Sesungguhnya sakit yang menimpa saya kian teruk, dan saya adalah seorang yang berharta, dan tiada sesiapa yang mewarisi saya kecuali seorang anak perempuan. Adakah saya boleh menyedekahkan dua pertiga harta saya?” Jawab Rasulullah SAW: “Tidak”.

Sa'd berkata: "Dengan separuh?". Rasulullah menjawab: "Tidak". Kemudian Rasulullah SAW berkata: "Sepertiga, dan sepertiga itu pun banyak atau besar. Sesungguhnya jika kamu meninggalkan ahli waris kamu kaya-raya adalah lebih baik berbanding jika kamu meninggalkan mereka papa kedana meminta-minta pemberian manusia...".

Hadis di atas menjelaskan berkaitan perancangan harta melibatkan keadilan terhadap ahli waris supaya ahli waris mempunyai harta demi kelangsungan hidup di masa hadapan. Hibah merupakan salah satu cara dalam membantu menyelesaikan pembahagian harta pusaka kepada ahli waris selain dari faraid dan wasiat. Kelewatan serta kegagalan permohonan bagi menyelesaikan pembahagian harta pusaka suatu perkara yang patut diberi perhatian dalam masyarakat kita. Risiko kepada kegagalan penyelesaian harta pusaka yang terjadi sebenarnya telah mengundang pelbagai implikasi buruk dari sudut undang-undang, ekonomi, agama dan sosial. Melihat kepada beberapa kesan negatif yang bakal dihadapi akibat daripada kegagalan dan kelewatan pembahagian harta pusaka selepas kematian, perlu kepada masyarakat untuk mengatur perancangan awal bagi menguruskan harta terutamanya melalui instrumen hibah.

Menurut rekod yang dikeluarkan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, harta pusaka yang tidak di tuntutan berjumlah hampir RM 60 billion. Selain itu terdapat juga data yang cukup membimbangkan iaitu harta yang tidak dituntut menunjukkan jumlah yang cukup besar. Menurut Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Pengarah Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Universiti Sains Islam Malaysia, Data pengurusan harta tidak dituntut sehingga 2014, menunjukkan jumlah harta alih yang tidak dituntut adalah RM6.5 bilion (Bengkel Pindaan Akta Wang Tak Dituntut 1965, 2014), Tabung Haji (RM65 juta), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (RM188 juta) dan wang menunggu dituntut Amanah Raya Berhad (ARB) (RM250 juta). Menurut Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN) 2014, jumlah aset beku dan tidak dituntut pada 2009 adalah RM40 bilion, 2010 (RM41 bilion), 2011 (RM42 bilion), 2012 (RM52 bilion) dan 2013 (RM60 bilion). Trend peratusan harta tidak dituntut meningkat mendadak pada 2011 daripada dua peratus kepada 24 peratus pada 2012 (Nadia Hamid. 2017). Penulisan ini hanyalah berfokus kepada instrument hibah dalam perancangan harta bagi membantu menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka semasa pemilik harta masih hidup.

DEFINISI

Hibah bermaksud pemberian hak iaitu harta secara kasih sayang dan sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik; diberi semasa si pemberi masih hidup (Kamus Dewan Edisi Keempat). Hibah juga bermaksud suatu akad yang mengandungi pemberian hak milik oleh seseorang terhadap hartanya kepada orang lain pada masa hidupnya dengan tidak mengharapkan balasan. Sebagai contoh pemilik harta ingin membahagikan harta secara sama rata kepada anak-anak apabila meninggal dunia, maka cara yang terbaik adalah dengan membuat Surat Pengistiharan Hibah agar ia menjadi bukti yang sah dan kuat dan dapat mengelak anak-anak berebut terhadap harta tersebut (Ghazali Ibrahim, 2015).

Harta pusaka menurut Kamus Dewan, adalah harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal dunia, (untuk diwarisi oleh keluarganya). Menurut istilah Syara' harta pusaka ialah harta peninggalan orang yang telah meninggal dunia yang telah menjadi hak mutlak ahli warisnya untuk diagih-agihkan di kalangan mereka yang berhak. Harta pusaka juga bermaksud harta peninggalan si mati yang mengandungi harta alih dan harta tak alih. Harta



seperti wang tunai, syer, caruman KWSP, wang hibah takaful, kenderaan, perabot rumah, pakaian dan sebagainya dipanggil harta alih. Harta seperti tanah serta kepentingan atas tanah tersebut, rumah, lombong, sawah, telaga dan tasik adalah disebut sebagai harta tak alih.

JENIS-JENIS HIBAH

Hibah terbahagi kepada dua iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Di bawah hibah mutlak, ia berkuat kuasa serta-merta. Maka pemberian hibah mestilah dibuat secara mutlak, tanpa syarat, mahupun balasan. Hibah mutlak yang turut dikenali sebagai al-hibah almunjizah apabila telah memenuhi rukun dan syaratnya. Contoh sekiranya penukaran hak milik harta seperti rumah atau tanah telah dibuat, ia terus menjadi hak milik si penerima hibah dan penerima berhak membuat apa saja dengan haknya termasuk menjualnya. Dari sudut faraid pula, sekiranya penerima meninggal dunia, ia menjadi harta pusaka penerima untuk dibahagikan kepada ahli warisnya.

Hibah bersyarat pula penghibah meletakkan sesuatu syarat sampingan bersama-sama. Hibah bersyarat ini pula terbahagi kepada dua iaitu hibah ‘umra dan hibah ruqba. Imam Syafie memberi maksud hibah ‘umra berdasarkan lafaz “Aku ‘umrakan kamu rumah ini iaitu membolehkan kamu mendiami rumah ini sepanjang hidup atau hayat kamu” yakni berkaitan dengan hibah bersyarat bertempoh. Ini bermakna penerima hibah boleh memanfaatkan rumah tersebut selama mana penerima hibah dan/atau pemberi hibah masih hidup. Apabila berlaku kematian di salah satu pihak, akan diwarisi oleh ahli warisnya. Ijmak ulama termasuk imam Syafie mengatakan hibah ‘umra itu sah tetapi syaratnya batal kerana tempoh menduduki rumah tersebut telah menjadi milik penerima baru dan pemberi hibah sudah tidak layak kepada syarat tempoh tersebut.

Hibah ruqba pula menurut imam Syafie berdasarkan lafaz “Aku berikan kamu rumah ini maka sekiranya kamu mati sebelumku ia kembali kepadaku, (namun) jika aku mati sebelum kamu maka ia menjadi milikmu, maka masing-masing menjadikan rumah itu sebagai ruqba dengan menunggu mati salah seorang di antara mereka”. Berdasarkan lafaz sifah tersebut, ruqba adalah kembali kepada orang yang masih hidup dan itu adalah ruqba daripada kedua-dua pihak. Oleh itu hibah ruqba adalah sah dan memberi kesan kepada pindah milik kepada penerima. Walau bagaimanapun, syarat ruqba adalah batal dan dianggap sebagai tiada. Apabila penerima melakukan qabul dan qabd, harta akan menjadi milik penerima hibah selama hayatnya dan menjadi harta pusaka bagi ahli warisnya selepas dia mati tanpa mengambil kira kedudukan penghibah selepas daripada kontrak tersebut sama ada masih hidup ataupun telah mati (Noor Syahida, 2016).

Dibawah hibah bersyarat terdapat hibah takaful dan hibah amanah. Hibah takaful dikendalikan oleh syarikat takaful. Perlu difahami hibah takaful ini merupakan instrumen pengagihan manfaat takaful selepas kematian pencarum. Selepas Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 di wartakan, semua borang permohonan takaful diwajibkan untuk disertakan borang penamaan hibah, di samping borang penama yang sudah sedia ada sejak sekian lama. Hibah amanah pula merupakan suatu bentuk hadiah yang dibuat oleh pemberi amanah semasa hayatnya yang masih boleh menggunakannya walaupun selepas hibah amanah itu berkuat kuasa. Pembentukannya dikira lengkap apabila pemberi amanah (pemilik harta amanah) melantik seorang pemegang amanah atau dalam sesetengah keadaan, pemberi amanah itu mengisytiharkan dirinya sebagai pemegang amanah yang memegang harta itu sebagai amanah bagi pihak penerima amanah. Kesannya, harta amanah itu tidak lagi menjadi milik



harta pembuat amanah yang tidak boleh ditarik balik melainkan jika terdapat peruntukan kuasa pembatalan yang dibuat khusus ketika membuat amanah. Walau bagaimanapun, harta amanah tersebut akan kembali kepada pembuat amanah sekiranya penerima amanah mati sebelum kematian pembuat amanah (Alias Azhar, 2018).

OBJEKTIF PERANCANGAN HARTA PUSAKA

Kefahaman umat Islam pada hari ini, urusan harta pusaka bagi mereka boleh diselesaikan dengan cara faraid sahaja. Sedangkan hukum faraid adalah kaedah yang terakhir dalam penyelesaian kepada pembahagian harta pusaka. Banyak lagi kaedah perancangan yang boleh dilaksanakan oleh mereka semasa mereka masih hidup seperti hibah, wasiat, wakaf, sedekah, amanah dan lain-lain supaya harta pusaka yang bakal ditinggalkan itu tidak menjadi masalah kepada ahli waris dikemudian hari. Perancangan harta ini penting supaya apabila pemilik harta meninggal dunia, tidak berlaku pertelingkahan dan perebutan harta pusaka di antara ahli waris. Selain itu, dapat memberi bahagian kepada yang tersayang mengikut kemahuan kita tanpa mengabaikan mana-mana pihak yang sepatutnya berhak berdasarkan undang-undang dan hukum syarak.

Merancang harta dalam Islam bukan sahaja terhad pada kaedah dan tatacara menguruskan perbelanjaan individu atau keluarga bagi kepentingan hidup di dunia sahaja, bahkan merangkumi bagaimana cara seseorang menguruskan harta dengan cara membuat perancangan yang teratur untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Perancangan harta yang baik dan sempurna amat dititikberatkan bagi memastikan objektif perancangan harta tersebut tercapai antaranya kehendak dan keperluan individu serta perancangan masa depan keluarga dapat dilaksanakan untuk kepentingan dunia dan akhirat. Pada masa yang sama dapat memastikan harta bergerak cergas dan berkembang di dalam pelbagai sektor ekonomi dan menjana pendapatan kepada pihak yang berhak. Selain itu dapat memperluas skop peredaran kekayaan agar turut dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Perancangan harta juga akan melengkapkan lagi perancangan kewangan peribadi dan keluarga untuk masa hadapan.

MASALAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

Setiap manusia mengimpikan harta diurus dengan baik dan mudah demi kesejahteraan semua pihak di dunia mahupun di akhirat. Tetapi akibat dari kecuaiannya dan tiada ilmu dan kefahaman perancangan harta semasa hidup telah menyebabkan timbul pelbagai masalah apabila pemilik harta meninggal dunia. Antara masalah dikenal pasti adalah kesalahfahaman pewaris terhadap pembahagian harta pusaka sehingga berlaku pergaduhan di antara ahli waris. Malah ada juga pandangan serong masyarakat kononnya tidak wajar untuk mempercepatkan proses pembahagian harta untuk mengelakkan disalah tafsir sebagai tidak menghormati pemilik harta yang baru meninggal dunia. Pandangan sebegini telah menyekat proses pembahagian harta pusaka dibuat dengan segera apabila berlaku kematian. (Abdul Rashid, R. 2010). Masyarakat secara umum juga menganggap dan memahami hukum faraid sudah memadai dalam pembahagian harta pusaka sehingga mengabaikan alternatif lain dalam membahagikan harta tersebut semasa hidup. Ada juga berlaku di mana ahli waris semasa hidup tidak berani untuk mencadangkan kepada pemilik harta untuk membuat perancangan harta pusaka takut di anggap sebagai 'gila harta'.

Selain itu berlaku kekeliruan kepada ahli waris berkenaan di mana proses mengurus harta pusaka ini perlu dibuat. Secara umumnya pusaka boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu pusaka besar, pusaka kecil dan pusaka ringkas. Pembahagian harta pusaka kepada tiga jenis tersebut adalah berdasarkan kepada nilai harta yang ditinggalkan oleh si mati dan sama ada si mati ada meninggalkan wasiat atau tidak. Begitu juga, undang-undang yang diguna pakai dalam pentadbiran ketiga-tiga jenis harta pusaka itu adalah berbeza. Akibat dari pelbagai agensi yang perlu dirujuk dan undang-undang yang berbeza ini, menyebabkan masyarakat mengabaikan pembahagian harta pusaka sehingga harta pusaka dibeku dan tidak ekonomik untuk menjana pendapatan.

PENYELESAIAN KEPADA MASALAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA MELALUI INSTRUMEN HIBAH

Seseorang pemilik harta yang sah berhak memberikan hartanya kepada siapa yang dikehendaki semasa hayatnya. Hibah adalah satu akad yang sangat kuat untuk seseorang memberi harta kepada orang lain. Harta yang telah dihibahkan adalah menjadi hak milik penerima hibah. Waris yang lain tidak berhak untuk menuntut harta yang telah dihibahkan itu. Apabila seseorang meninggal dunia maka harta yang ditinggalkan akan dikategorikan sebagai harta pusaka. Jika simati mempunyai dokumen hibah, maka harta yang dihibahkan itu tidak tertakluk kepada pembahagian harta pusaka. Dengan adanya dokumen pengisytiharan hibah, maka pemindahan harta dapat dibuat dengan lebih pantas kerana harta yang telah dihibahkan tidak perlu melalui prosedur pentadbiran harta pusaka yang memakan masa yang panjang dan memerlukan kos yang tinggi. Ia juga dikenali sebagai hibah amanah. Penyediaan dokumen ini boleh dilaksanakan di syarikat amanah (trustee) seperti As-salihin Trustee Berhad atau Amanah Raya Berhad atau di hadapan peguam.

Melalui instrumen hibah amanah, pemilik harta dapat merancang hartanya dan boleh memberikan harta tersebut kepada orang yang disayangi walaupun bukan dari kalangan yang berhak menerima pusaknya. Sebagai contoh, pemilik harta mempunyai anak angkat yang tidak berhak mendapat bahagian pusaka di bawah hukum faraid. Dengan adanya dokumen hibah maka anak angkat akan dapat memiliki harta yang ditinggalkannya. Selain itu, suami juga dapat membuktikan kasih sayang dan keprihatinan terhadap isterinya dengan membuat hibah di mana isteri akan dapat memiliki harta dengan cepat dan dapat membantu isteri bagi menyara kehidupan dirinya dan anak-anaknya. Ibu bapa yang ingin membuat pembahagian harta selain daripada pembahagian menurut faraid atas sebab-sebab yang dibenarkan syara', misalnya kesusahan hidup seseorang anaknya berbanding anak-anaknya yang lain, atau bagi tujuan pewarisan perniagaan, maka hibah ketika hidup boleh dilakukan.

Hibah turut diadaptasikan sebagai konsep tambahan kepada produk-produk takaful yang dikenali pada hari ini dengan istilah hibah takaful dan diamalkan oleh kebanyakan pengendali takaful di negara kita. Menerusi kaedah cadangan hibah yang diaplikasikan oleh syarikat takaful, peserta takaful akan mengisi borang cadangan hibah dan meletakkan nama individu yang akan menjadi benefisiari kepada manfaat takaful beliau. Hibah tersebut hanya cadangan iaitu apabila berlaku kematian sebelum tempoh matang, tabung tabarru' akan menghibahkan kepada benefisiari yang dicadangkan. Sebagai contoh, Ahmad mencarum polisi takaful hibah dengan sebuah sayrikat takaful, apabila Ahmad meninggal dunia atau cacat kekal, manfaat hibah akan diberi kepada isteri beliau sebagai benefisiari. Manfaat hibah tersebut boleh digunakan untuk menebus bahagian faraid bagi ahli waris yang lain dan juga boleh menggunakannya dalam mengurus kos-kos pengurusan faraid jika ada.

Walaupun pendapat yang dikeluarkan oleh imam Syafie hibah bersyarat ini sah pada akad dan batal pada syarat, tetapi dari sudut pengamalan yang dilaksanakan di Malaysia boleh di lihat melalui kes di mahkamah Tinggi Syariah Rafizah Binti Ab Karim v Kamar Bin Ab Karim dan Empat Defendan Yang Lain (10100-044-0478-2011). Fakta kes ini ialah ibu plaintif iaitu Lamah Binti Sa'at telah meninggal dunia pada 15 Mei 2011. Plaintif dalam tuntutan menyatakan bahawa ketika hayat ibunya, beliau telah membuat hibah secara bertulis melalui dokumen pengisytiharan hibah pada 20 Januari 2011 dengan menyatakan di dalam dokumen tersebut bahawa harta yang dihibahkan menjadi kepunyaan penerima hibah iaitu plaintif setelah ibu plaintif meninggal dunia. Keputusan bagi kes ini adalah hakim memutuskan hibah yang berkonsepkan hibah ruqba yang berlaku antara pemberi hibah dan penerima hibah melalui dokumen pengisytiharan hibah adalah sah (Nurul Syuhadah, 2016).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pemilik harta hendaklah mengambil berat akan kepentingan perancangan harta ketika masih hidup. Perancangan yang teliti disertai dengan kefahaman yang baik terhadap harta yang dimiliki akan memudahkan semua pihak terutamanya ahli waris iaitu isteri, anak-anak, ibu bapa dan ahli waris yang lain. Pemilik harta dan ahli waris tambahlah kefahaman dengan banyak membaca dan merujuk pihak yang pakar dalam pengurusan harta supaya pembahagian harta adalah menurut apa yang digalakan oleh syarak. Kegagalan dalam merancang dan mengurus harta dengan baik akan menjadi musibah bukan sahaja kepada ahli waris tetapi juga membawa kerugian kepada agama, bangsa dan negara.

Walaupun kemudahan instrumen hibah mempunyai kebaikan tersendiri, pemilik harta juga tidak sepatutnya berlaku zalim dan mengabaikan ahli waris yang berhak berdasarkan hukum faraid. Sebaiknya jika ingin melaksanakan hibah semasa hidup, keutamaan adalah kepada ahli waris. Meninggalkan ahli waris dengan harta lebih utama dari membiarkan ahli waris tidak berharta. Jangan jadikan instrumen hibah untuk mengelak pembahagian faraid kepada yang berhak tetapi jadikan hibah ini memudahkan urusan faraid kepada ahli waris yang berhak.

RUJUKAN

- Abdul Rashid, R., & Yaakub, N. I. (2010b). Masalah kegagalan dan kelewatan pengagihan harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2), 1-18
- Azhar, A., Hussain, M. A., Badarulzaman, M. H., & Mohd Noor, F. (2014). Pengurusan harta dalam Islam: Perspektif hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 115–128.
- Ibrahim G. (2015). Pembahagian harta pusaka dan kepentingan wasiat. Batu Caves, Selangor: Mustread.
- Mohd Kamil Ahmad, J. T. (2017). Penggunaan Hibah Bersyarat (Berta'īq) Dalam Masalah Pembahagian Manfaat Takaful: Analisis Hukum. *Jurnal Syariah*, Jil. 25(Bil 1), 51-74
- Nadia Hamid. (2017). Kerenah birokrasi, kurang ilmu punca pusaka RM60b terbiar. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2017/07/292113/kerenah-birokrasi-kurang-ilmu-punca-pusaka-rm60b-terbiar>



- Noor Syahida Abdul Rahman, M. M. (2016). Hibah ‘Umra dan Ruqba dalam Al-Umm: Satu Analisis. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Jil. 3(Bil 2). 288-297
- Nurul Syuhadah Binti Azalan, N. L. (2016). Keputusan Hakim Syarie Dalam Kes-Kes Pengesahan Hibah Ruqba. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Jil. 2, 91-102.
- Nor Muhamad, N. H. (2017). Konsep Hibah Bersyarat Dan Aplikasinya Dalam Perancangan Harta. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Jil. 3(Bil 3.1). 32-41
- Wajis, N. R. B. N., Mutalib, L. B. A., Rahman, A. A., Sahid, M. M., Saleh, N. S. S. B. N., Rusli, M. H. B. M., ... & Saleh, M. A. B. M. A. (2018). Harta Tidak Dituntut: Punca Dan Kaedah Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Jil. 7, 12-141.

CABARAN PEMBELAJARAN BERKESAN: MEMILIH ATAU DIPILIH

Khairul Ashikhin bt Abdullah Suhami
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: ashikhinsuhami@gmail.com

Zafeera bt Zulkefli
Kolej Komuniti Kota Melaka

Ahmad Humaizi Bin Hussin
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Pensyarah kini berdepan dengan pelbagai cabaran bagi menyampaikan kaedah pembelajaran berkesan terhadap pelajar-pelajar Program Hotel dan Perlancongan yang tidak berminat dan ditawarkan program yang lain dari yang diminta tetapi masih tetap meneruskan pengajian atas alasan janji masuk kolej atau universiti. Untuk memastikan proses pembelajaran dapat dihayati dan disampaikan dengan berkesan, beberapa saranan untuk mengenalpasti minat serta kecenderungan pelajar-pelajarnya hendaklah dibuat bagi menentukan kaedah pembelajaran yang betul digunakan dalam penyebaran ilmu.

KATA KUNCI: *Cabaran, Pembelajaran, Berkesan*

PENGENALAN

Menurut Yasin, Said dan Saud (2007), pembelajaran berkesan merupakan satu usaha yang tersusun, sistematik, mengikut turutan serta mengoptimumkan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk mencapai kejayaan maksimum. Dalam sesi pembelajaran, pensyarah berjumpa dengan pelbagai latarbelakang pelajar bermula daripada yang sangat berminat hingga ke golongan pelajar yang tidak berminat langsung tapi dipaksa belajar atau terpaksa belajar. Bagi pelajar yang mempunyai kecenderungan yang tinggi serta minat yang mendalam, cabaran mengajar tetap ada tetapi tidaklah sehebat cabaran mengajar golongan pelajar yang silap memasuki program atas alasan tidak memohon untuk program tersebut tetapi ditawarkan dan menerima dengan alasan janji masuk kolej atau universiti.

PERBANDINGAN: UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN KOLEJ KOMUNITI

Dalam konteks pelajar-pelajar Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan Universiti Teknologi MARA (UiTM), cabaran bermula daripada proses pengambilan pelajar melalui empat program teras iaitu Pengurusan Pelancongan, Pengurusan Hotel, Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Seni Kulinari berbanding dengan kolej komuniti yang hanya menawarkan program pelancongan, operasi perhotelan dan kulinari. Adalah tidak wajar sekiranya membandingkan kolej komuniti dengan UiTM memandangkan terdapat jurang

perbezaan yang amat ketara dari segi pemilihan akademik dan kemahiran, namun cabaran pembelajaran yang dihadapi adalah sama dengan situasi UiTM memandangkan terdapat juga pelajar yang tidak berminat dengan program berkenaan tetapi mengikuti pembelajaran di kolej komuniti.

CARA PENGAMBILAN: DAHULU DAN SEKARANG

Sebelum ini, pengambilan pelajar baru bagi program-program Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM atau lebih terkenal dengan nama HotCat adalah melalui proses temuduga untuk memastikan calon-calon pelajar menepati semua syarat kelayakan akademik yang diperlukan serta memiliki kriteria-kriteria khusus untuk program yang ditawarkan. Sebagai contoh, untuk program Pengurusan Hotel, kebanyakan calon pelajar yang diterima masuk mesti memenuhi syarat asas kelayakan akademik dan juga mempunyai perwatakan yang menarik. Ini adalah disebabkan program Pengurusan Hotel menawarkan pekerjaan di bahagian hadapan hotel berbanding dengan Program Seni Kuliner yang tidak menetapkan kriteria perwatakan menarik kerana peluang pekerjaan setelah bergraduasi adalah di bahagian belakang hotel iaitu bahagian yang tidak berhubung terus dengan pelanggan. Tetapi, setelah diambil kira kos pentadbiran yang tinggi serta memerlukan masa yang panjang untuk menemuduga semua bakal pelajar di seluruh negara, sistem ini dimansuhkan setelah lebih dari 20 tahun dipraktikkan. Sekarang, sistem pengambilan pelajar melalui UPU mengikut sistem merit digunakan untuk pemilihan calon-calon pelajar ke semua program HotCat. Hasilnya, pelajar yang memasuki program di HotCat terdiri daripada dua golongan iaitu golongan yang memang betul-betul berminat untuk mengikuti program tersebut dan sebaliknya.

Ini amat berbeza dengan kolej komuniti yang menawarkan kemasukan pelajar hanya melalui UPU dan masih lagi menerima pelajar yang 'walk in' dengan syarat minima tanpa perlu melalui temuduga seperti UiTM. Walau bagaimanapun, situasi cabaran mengajar untuk memastikan pelajar berminat dengan program yang ditawarkan adalah hampir sama, Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan cabaran lebih tinggi dihadapi oleh pensyarah Kolej Komuniti kerana jurang akademik pelajar yang berbeza.

CARA MENDEPANI PERMASALAHAN PELAJAR

Menurut Shahrin, Azizi, Jamaluddin, Ahmad Johari dan Zurhana (2006) pelajar masa kini sentiasa menghadapi masalah pembelajaran dari segi teknik, strategi, cara, kaedah dan gaya pembelajaran. Oleh itu, bagi menggalas cabaran untuk mengajar golongan 'istimewa' ini, kami menggunakan lima teras faktor pembelajaran berkesan seperti yang diperkenalkan oleh Gurney (2007). Menurut Gurney (2007), terdapat lima faktor pembelajaran yang berkesan yang boleh digunakan sebagai garis panduan untuk pensyarah mengajar. Faktor pertama ialah meningkatkan pengetahuan serta tanggungjawab pensyarah untuk mengajar. Pensyarah digalakkan untuk mendalami bidang masing-masing untuk menambahkan pengetahuan bagi menarik minat pelajar. Bagi faktor kedua ialah dengan menggalakkan proses pembelajaran melalui aktiviti dalam kelas. Semua aktiviti dalam kelas hendaklah sentiasa diubahsuai seiring dengan keadaan yang kondusif dan dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk menyertainya. Faktor ketiga pula ialah melalui aktiviti penilaian yang menggalakkan proses pembelajaran melalui pengalaman. Untuk faktor ketiga ini, pensyarah digalakkan untuk membuat aktiviti pembelajaran melalui penilaian yang tidak hanya bertumpu pada kebolehan menjawab soalan



peperiksaan tetapi juga melalui penilaian sesama rakan pelajar dengan kaedah perbincangan dan lain-lain. Selain itu, bagi faktor keempat, pensyarah digalakkan untuk mendapatkan maklumbalas yang berkesan melalui proses pembelajaran di dalam kelas. Maklumbalas ini dapat membantu pensyarah mengetahui kekurangan dan tahap kefahaman pelajar-pelajar dalam kelasnya. Akhir sekali, iaitu faktor kelima ialah dengan mewujudkan interaksi yang berkesan antara pelajar dengan pensyarah melalui persekitaran yang merangsangkan proses pembelajaran. Persekitaran yang berkesan adalah penting untuk memupuk minat pelajar-pelajar terhadap bidang yang diceburi (Hassan, Asimiran, Rahman & Kamarudin, 2008).

Secara teorinya, lima faktor pembelajaran berkesan yang dicadangkan oleh Gurney (2007) memang dapat merangsang proses pembelajaran yang berkesan. Lima faktor tersebut adalah: 1. Pengetahuan guru, semangat dan tanggungjawab untuk belajar, 2. Aktiviti di dalam kelas yang menggalakkan pembelajaran, 3. Aktiviti penilaian yang menggalakkan pembelajaran melalui pengalaman, 4. Maklumbalas yang efektif yang menyumbang ke arah proses pembelajaran di dalam kelas, dan 5. Interaksi yang efektif antara pelajar dan pensyarah dapat mewujudkan suasana hormat menghormati, yang dapat menggalakkan proses pembelajaran melalui pengalaman. Namun, bagi pelajar-pelajar istimewa iaitu golongan yang tidak berminat langsung dan yang dimasukkan ke dalam program tanpa pilihan mereka seperti yang berlaku di fakulti pengurusan hotel dan pelancongan, lima faktor pembelajaran berkesan ini tidak mencukupi. Realitinya, pelajar yang tidak berminat dan silap memasuki program seperti di HotCat ini perlu diberi perhatian yang lebih daripada biasa. Kebanyakan pelajar yang tidak berminat ini masih berada dalam program kerana tidak mahu ketinggalan dengan dilabel sebagai pelajar lepasan sekolah yang bermasalah dan tidak diterima mana-mana institut pengajian tinggi dan sebagainya.

Bagi menangani dan mendepani cabaran mengajar golongan ini, kami menggunakan lima faktor yang telah diterangkan di atas dan mencadangkan sedikit penambahan. Sebagai contoh, untuk memberi pendedahan yang lebih mendalam tentang apakah industri hospitaliti, kami mencadangkan beberapa siri lawatan sambil belajar dibuat bersama pelajar HotCat. Peribahasa yang mengatakan 'tak kenal maka tak cinta' boleh diguna pakai untuk memberi pendedahan meluas tentang bidang hospitaliti. Lawatan ini boleh dilakukan dengan melawat hotel-hotel, restoran-restoran serta industri asas makanan yang lain untuk memberi pendedahan yang lebih mendalam kepada pelajar-pelajar. Disamping mendapat penerangan secara terperinci serta lebih mendalam, aktiviti ini dapat meluaskan pandangan pelajar terhadap industri yang mereka akan tempuhi.

Selain daripada itu, pendedahan tentang kerjaya dalam industri hospitaliti perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Ini boleh dilakukan dengan bekerjasama dengan alumni-alumni yang telah berjaya dalam industri. Alumni-alumni dijemput untuk memberi ceramah atau menerangkan potensi kerjaya dalam bidang hospitaliti. Dengan mendedahkan maklumat seperti jumlah pendapatan yang bakal diperolehi pasti sedikit sebanyak dapat memupuk minat pelajar-pelajar untuk menceburi kerjaya dalam bidang ini.

KESIMPULAN

Dalam menggalas cabaran untuk mendidik dan menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi serta dapat menyumbang kepada industri dan negara, kami sedar untuk mendidik

pelajar-pelajar meminati satu-satu bidang yang agak asing bagi mereka, kami perlu ada semangat membina insan yang tinggi. Dalam membentuk pelajar-pelajar ini secara tidak langsung telah memupuk sikap tidak mudah berputus asa dalam diri kami dan ini merupakan pengalaman yang amat bernilai sekali.

Disamping itu, sedikit cadangan untuk penambahbaikan bagi keperluan industri, kami mencadangkan agar sistem pengambilan pelajar yang berasaskan temuduga dan memenuhi kelayakan akademik yang ditetapkan perlu dilaksanakan semula bagi memastikan bakal calon-calon pelajar yang betul-betul berminat sahaja diambil untuk mengikuti pengajian di dalam jurusan Kulinari, Hotel dan Pelancongan ini. Selain daripada itu, peranan Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia penting dalam memperkenalkan dengan lebih meluas lagi bidang hospitaliti dan pelancongan ini di peringkat sekolah seluruh negara.

RUJUKAN

- Gurney, P. (2007) Five Factors for effective teaching. *New Zealand Journal of Teachers' Work*, Volume 4, Issue 2, 89-98.
- H. Shahrin, Y. Azizi, Jamaluddin, S. Ahmad Johari, dan M. Zurhana (2006). Orientasi pembelajaran di kalangan pelajar institute pengajian tinggi awam di Malaysia dan implikasi terhadap pencapaian akademik, *Jurnal Pendidikan*, 11, 46-62.
- Yasin, M.A-M., Said, H. and Saud, M.S. (2007). Karenah pengajaran dan pembelajaran pelajar dewasa, cadangan menangani keperluan dan meningkatkan pembelajaran: persepsi pensyarah. *Simposium Pengajaran dan Pembelajaran Universiti Teknologi MARA*, 28 – 29 November 2007, pp. 7-10
- Hassan, A., Asimiran, S., Rahman, F.A. and Kamarudin, N. (2008) Analyzing the application of national philosophy of education throughout learning process in higher education institution: the students' perspectives. *European Journal of Social Sciences*, vol. 7, no. 2, pp. 148-157

PENYELIDIKAN MEMBANTU PENYELESAIAN PERMASALAHAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI NEGARA

Khairul Ashikhin bt Abdullah Suhami
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: ashikhinsuhami@gmail.com

Nor Azuah Bt Abu Bakar
Kolej Komuniti Bandar Tenggara

Fakhriyah Husna bt Abdul Wafi
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Hospitaliti adalah salah satu cabang industri perkhidmatan yang terlibat secara langsung dalam memberi pelbagai perkhidmatan kepada pelanggan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Dari sudut bahasa, perkataan hospitaliti berasal daripada Bahasa Latin iaitu 'hospitare' yang bermaksud bersedia menerima tetamu. Ungkapan ini dalam konteks yang lebih besar merangkumi penyediaan keperluan asas dan perkhidmatan kepada tetamu atau pelancong seperti makanan, minuman, penginapan, kemudahan beriadah, perkhidmatan pelancongan dan perkara- perkara berkaitan. Melihat kepada kepelbagaian perkhidmatan dan kemudahan asas yang ditawarkan, maka banyaklah peluang pekerjaan yang telah dan akan ditawarkan dalam industri ini. Permasalahan di dalam industri perlancongan dan hospitaliti perlu dikenalpasti disamping memfokuskan kepada keupayaan graduan dan pensyarah dalam menyiapkan diri sebagai antara penyumbang tenaga dan penggerak industri ini. Selain itu, isu lambakan pekerja asing dalam sektor perlancongan dan hospitaliti juga menjadi fokus dalam artikel ini.

KATA KUNCI: *Penyelidikan, pelancongan, hospitaliti*

PENGENALAN

Hospitaliti adalah salah satu cabang industri perkhidmatan yang terlibat secara langsung dalam memberi pelbagai perkhidmatan kepada pelanggan. Dari sudut bahasa, perkataan hospitaliti berasal daripada Bahasa Latin iaitu 'hospitare' yang bermaksud bersedia menerima tetamu. Ungkapan ini dalam konteks yang lebih besar merangkumi penyediaan keperluan asas dan perkhidmatan kepada tetamu atau pelancong seperti makanan, minuman, penginapan, kemudahan beriadah, perkhidmatan pelancongan dan perkara- perkara yang berkaitan. Melihat kepada kepelbagaian perkhidmatan dan kemudahan asas yang ditawarkan, maka banyaklah peluang pekerjaan yang telah dan akan ditawarkan dalam industri ini.

ASET PENTING EKONOMI NEGARA

Dari sudut ekonomi, industri pelancongan dan hospitaliti merupakan salah satu aset yang terpenting dalam menjana sumber pendapatan negara samada melalui aktiviti-aktiviti pelancongan atau kemudahan-kemudahan yang digunakan oleh pelancong. Ini terbukti dari laporan statistik tahunan Kementerian Pelancongan Malaysia yang memperlihatkan peningkatan perbelanjaan pelancong-pelancong dinegara ini yang mana telah menjadikan industri pelancongan dan hospitaliti sebagai sumber pendapatan kedua negara. Bekas Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi berkata, sektor pelancongan negara berada di landasan terbaik apabila Malaysia berjaya mengekalkan rekod sebagai antara 10 negara yang mempunyai destinasi perlancongan terbaik dunia bagi tahun 2018 ((BERNAMA, 2019).

Namun begitu, industri perhotelan negara menghadapi cabaran getir dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Yap Lip Seng pada peringkat pertama, industri perhotelan telah menerima begitu banyak pembatalan tempahan bilik hotel hanya pada peringkat pertama pandemik Covid 19 iaitu pada Mac 2020 yang mencecah RM 75 juta. (Liza, 2020).

PERKEMBANGAN DAN ISU-ISU BERKAITAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Hasil dari perkembangan berterusan industri pelancongan dan hospitaliti, perancangan dan pembangunan bagi industri ini sentiasa diberi tumpuan oleh pihak- pihak yang bertanggungjawab. Lantaran itu, banyak pembangunan termasuklah pembangunan fizikal, perkhidmatan dan pengenalan produk- produk baru telah dan sedang dilakukan yang kesemuanya bertujuan menarik pelancong baik dari dalam dan luar negara. Hasilnya negara kita telah cukup dikenali bukan sahaja dirantau Asia, Eropah, Amerika Utara tetapi menjangkau ke rantau Amerika Latin dan Afrika Tengah. Namun demikian, masih banyak lagi isu-isu berkaitan dengan industri ini yang perlu ditangani oleh semua pihak. Antaranya, sejauh mana produk-produk pelancongan dan hospitaliti negara yang ditawarkan mendapat tempat terutama sekali dihati pelancong-pelancong luar negara.

Begitu juga dengan mutu dan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha produk pelancongan. Adakah ianya mencapai tahap kepuasan seperti yang diharapkan oleh pelancong. Pengambilan pekerja asing dalam industri juga menimbulkan pelbagai persoalan (Essays, UK. (November 2018). Adakah menggunakan perkhidmatan mereka menggambarkan imej hospitaliti negara? Malah terlalu banyak isu- isu penting berkaitan dengan industri ini yang masih tidak diketahui signifikannya. Ini termasuklah soal pemasaran, sumber manusia, makanan dan minuman, perkhidmatan dan lain- lain. Dalam kata lain, tidak banyak bukti atau laporan bertulis yang boleh dijadikan asas atau sandaran dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan yang timbul dalam industri ini.

Dalam soal ini, kita tidak boleh menyalahkan pihak- pihak yang tertentu sahaja tetapi perlu kepada sumbangan informasi yang berterusan dari badan yang terlibat secara langsung dengan industri perlancongan dan hospitaliti negara. Dalam banyak badan yang terlibat, institusi pengajian tinggi pelancongan dan hospitaliti dilihat boleh menyumbang secara terus kepada permasalahan industri melalui hasil kajian yang di jalankan.



PERANAN UNIVERSITI DAN KOLEJ

Atas dasar ini, universiti dan kolej yang menawarkan program perlancongan dan hospitaliti perlu memperkasakan penyelidikan untuk membantu perkembangan permasalahan industri ini. Selain dari melatih pelajar mendalami selok belok industri melalui latihan amali dan teori, ramai pensyarah mula menjadikan budaya kajian sebagai salah satu intipati penting dalam membantu perkembangan industri.

Lantaran itu, banyak isu- isu berkaitan dengan industri sedangkan dikaji selidik oleh pelajar fakulti dengan bantuan pensyarah. Diantara bidang kajian yang sedang dijalankan adalah meliputi aspek- aspek pelancongan sukan, pelancongan kesihatan, pengurusan acara, pengurusan strategik perhotelan, gastronomi, operasi restoran, pembuatan makanan, homestay dan lain-lain. Hasil dari penerapan budaya kajian di fakulti telah juga memberikan keyakinan kepada pelajar- pelajar antarabangsa untuk memilih fakulti dan UiTM ainya sebagai salah satu pusat lanjutan pengajian mereka. Ini dapat dilihat dari pertambahan mendadak bilangan pelajar antarabangsa terutama diperingkat sarjana dan ijazah kedoktoran. Pemilihan Uitm adalah kerana Uitm merupakan pelopor fakulti pengurusan pelancongan dan hospitaliti di Malaysia.

Setakat ini, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM secara berterusan mengeluarkan hasil kajian yang dikira berguna dan dapat menyumbang kepada kepentingan industri. Sebagai contoh, hasil penyelidikan yang dijalankan oleh seorang pelajar terhadap pengunjung- restoran di sekitar Shah Alam menunjukkan mutu perkhidmatan dan layanan yang diberikan oleh kakitangan restoran sama penting dengan jenis makanan dalam menarik minat pelanggan ke sesebuah restoran. (Maghzi et.al; 2011). Malah penutupan sesebuah restoran adalah berkait rapat dengan keupayaan pengusaha dalam mengekalkan mutu perkhidmatan (Maghzi et.al; 2011)

KESIMPULAN

Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab dengan industri disaran agar dapat membuat penelitian terhadap hasil- hasil kajian yang dilakukan agar industri pelancongan dan hospitaliti sentiasa relavan dalam menjana ekonomi negara kita. Disamping itu juga, hasil kajian yang dibuat bukan sahaja memberi manfaat kepada pertumbuhan daya pemikiran kritikal pelajar dan pensyarah, tetapi menjadi pemangkin kepada mereka untuk terus menyumbang kepada perkembangan industri. Dalam kata lain hasil kajian tidak hanya akan tinggal sebagai tulisan tanpa diterjemahkan kepada aplikasi.

RUJUKAN

- Berita Harian. (2020, Jun 5). BH Online. Retrieved from PENJANA terus bantu industri pelancongan:<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/696957/penjana-terus-bantu-industri-pelancongan>
- BERNAMA. (2019, April 23). Selangor Kini. Retrieved from Sektor pelancongan negara kekal prestasi membanggakan: <https://selangorkini.my/2019/04/sektor-pelancongan-negara-kekal-prestasi-membangakan/>



Liza, M. (2020, Mac 24). Sinar Harian. Retrieved from Industri perhotelan makin nazak, 2,041 pekerjadihentikan:<https://www.sinarharian.com.my/article/75240/KHAS/Koronavirus/Industri-perhotelan-makin-nazak-2041-pekerja-dihentikan>

Essays, UK. (November 2018). Analysis of the Hotel Industry in Malaysia. Retrieved from <https://ukdiss.com/examples/hotel-industry-in-malaysia.php?vref=1>.

Maghzi, A. et al., 2011. Brand Trust in Hotel Industry: Influence of Service Quality and Customer Satisfaction. In 2nd International Conference on Business, Economics and Tourism Management

Roy C.W (2013) Key Concept in Hospitality Management, TX 911.3 .M27 K475 2013, ISBN: 9781446200681.

KEPENTINGAN TELEFON PINTAR DAN KESANNYA

Farah Syahida Binti Mohd Kamal
Kolej Komuniti Chenderoh
farah.syahida.kk@1govuc.gov.my

Basuriah Binti Yunus
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Teknologi di hujung jari bukan sesuatu yang asing lagi di masa kini manakala telefon pintar pula merupakan peranti yang menghubungkan teknologi kepada manusia dan kini ianya telah menguasai global dengan berleluasa. Hampir setiap saat orang menggunakan teknologi ini dan ianya juga menyebabkan kita boleh menguasai dan mengawal hampir setiap perkara dengan mudah. Teknologi mendatangkan banyak kepentingan dan kebaikan dalam semua bidang namun setiap kebaikan pasti terselit kesan dan kekurangan jika berlebihan.

KATA KUNCI: *Telefon pintar, kepentingan dan kesan.*

PENGENALAN

Dalam era konvergensi ini, telefon pintar bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi malah menjadi satu keperluan bagi kebanyakan masyarakat seluruh dunia. Perkembangan teknologi telefon bimbit telah menghasilkan suatu alat multi-fungsi yang dipanggil telefon pintar. Dengan kewujudan telefon pintar yang menyediakan aplikasi menarik kepada pengguna, mereka bagaikan tidak dapat berpisah daripada menggunakan telefon pintar dalam apa jua aktiviti harian. Hal ini termasuklah menggunakannya semasa proses mengemas telefon yang membahayakan keselamatan pengguna. Namun kesedaran berkaitan bahaya menggunakan telefon pintar semasa mengemas amatlah kurang dalam kalangan pengguna.

Menurut kajian oleh Jyoti Ranjan Muduli (2014), gajet terbahagi kepada beberapa jenis iaitu telefon bimbit, komputer/laptop, telefon pintar dan internet. Telefon bimbit atau telefon bimbit adalah peranti yang boleh membuat dan menerima panggilan telefon melalui radio pautan sambil bergerak di sekitar kawasan geografi yang luas. Manakala komputer adalah alat peranti yang mempunyai tujuan umum yang boleh diprogramkan untuk beroperasi secara logik. Telefon pintar pula adalah jenis telefon mudah alih yang dibina di atas sistem operasi mudah alih dengan keupayaan pengkomputeran yang lebih maju dan merupakan kesinambungan daripada ciri telefon bimbit. Manakala internet adalah rangkaian besar yang menghubungkan komputer bersama di seluruh dunia menggunakan teknologi yang luas teknologi daripada wayar dan teknologi tanpa wayar (Shima dan Siti, 2018).

KEPENTINGAN TELEFON PINTAR

Perkembangan teknologi dalam pelbagai bidang sangat pantas tersebar di seluruh pelosok dunia. Umumnya masyarakat Malaysia khasnya golongan yang menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian dan golongan remaja telah menjadikan teknologi sebagai suatu keperluan dan bukan lagi kehendak. Penggunaan teknologi bukan sekadar untuk golongan yang sedang belajar atau sudah bekerja, malah menjadi fenomena biasa kepada semua golongan masyarakat. Teknologi berkembang melalui penggunaan perantinya seperti komputer, komputer riba, permainan video, televisyen, gajet-gajet seperti telefon tangan pintar contohnya Blackberry, iPhone, “tablets” contohnya iPad, Playbook dan Samsung Galaxy Tab telah menjadi kegunaan masyarakat. Bukan sekadar peranti, penggunaan internet dan laman web jaringan sosial seperti Facebook, Twitter, Myspace, Youtube, blog dan lain-lain lagi telah mewujudkan suatu fenomena yang luar biasa terhadap masyarakat di seluruh dunia. Seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi, penggunaan telefon pintar dan komputer riba untuk melayari internet merupakan sesuatu kemestian. Penyebaran teknologi internet yang tidak mengenal jarak, waktu, dan usia pengguna menyebabkan bukan hanya orang dewasa sahaja yang boleh menggunakan internet tapi kanak-kanak juga mampu secara langsung menggunakannya (Salmah dan Malisah, 2015).

Penggunaan telefon pintar dengan betul membawa pengaruh dan kesan yang baik kepada pengguna namun jika penggunaan yang berlebihan pula akan membawa kesan buruk dan negatif kepada penggunaannya. Menurut sebuah artikel oleh Joseph Tan (2020) menyatakan bahawa terdapat beberapa kesan positif dalam penggunaan gajet, antaranya kanak-kanak mempunyai kemahiran motor yang lebih baik, kemahiran kognitif kanak-kanak dipertingkatkan, pembelajaran lebih menyeronokkan untuk kanak-kanak, mendidik anak-anak muda dalam penggunaan teknologi dan kemahiran persaingan dalam diri anak-anak. Kemahiran motor adalah kemahiran yang dikaitkan dengan otot pergerakan kecil seperti bibir, jari, pergelangan tangan, lidah dan jari kaki. Jadi apabila kanak-kanak bermain permainan pada tablet atau mana-mana peranti lain, itu adalah satu senaman untuk jari dan tangan mereka. Ini adalah satu latihan yang sihat untuk kanak-kanak yang semakin membesar. Kemahiran kognitif adalah keupayaan untuk memproses maklumat, penaakulan, mengingati dan menghubungkan objek dengan objek lain. Kemahiran ini secara langsung berkaitan dengan ingatan, dan bahasa. Kini, teknologi hari ini dapat membantu perkembangan kognitif kanak-kanak dengan lebih cepat dan lebih baik. Teknologi telah terbukti sangat membantu dalam mendidik pelajar. Kanak-kanak boleh mengakses laman web pendidikan dan boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai topik yang diperlukan. Gajet adalah satu alat yang menyeronokkan untuk kanak-kanak semasa menggunakannya. Pembentangan visual, video pendidikan, program interaktif, tutorial belajar, kuiz dalam talian, teka-teki brainstorming dan pelbagai buku yang tersedia sepanjang masa di internet telah merevolusikan pendidikan dengan cara yang lebih baik. Boleh dikatakan hampir semua kanak-kanak suka bermain permainan video. Apabila bermain permainan dengan orang lain di seluruh dunia, saudara-mara atau rakan-rakan, mereka mendapatkan perasaan persaingan yang meningkatkan kemahiran bersaing dan mengurus diri mereka dalam persekitaran persaingan. Mereka suka permainan yang berbentuk puzzle atau drag and drop, atau permainan menembak yang mudah, itu membuatkan kanak-kanak seronok dan mereka memahami aspek mudah mengenai sebab dan akibat, aksi dan tindak balas. Peranti elektronik mempunyai banyak pilihan pembelajaran yang lebih maju untuk kanak-kanak dengan cara yang menyenangkan berbanding buku dan kaedah yang lama. Kanak-kanak belajar keadaan alat dan kaedah seni dengan sendirinya. Permainan pendidikan membantu kanak-kanak menghasilkan prestasi baik dalam pelajaran mereka.

KESAN TELEFON PINTAR

Umum tidak menyedari bahaya menggunakan peranti teknologi komunikasi khususnya telefon pintar ketika mengecas adalah membahayakan pengguna. Ini disebabkan kurangnya pendedahan berkenaan bahayanya malah perbuatan ini sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan kita. Pendedahan berkenaan bahaya penggunaan telefon pintar ketika sedang dicas perlu didedahkan secara meluas kepada masyarakat. Ini adalah kerana telah wujud kes kematian yang berpunca dari penggunaan telefon pintar semasa mengecas. Kebergantungan kepada internet dan teknologi komunikasi yang memerlukan penggunaan telefon pintar yang tinggi tidak dapat dielakkan dalam kehidupan masyarakat dalam arus pemodenan dan teknologi pada masa kini. Teknologi di hujung jari itu ungkapan yang sering kita dengar pada masa kini di mana sistem komunikasi internet dapat diakses walaupun dimana jua kita berada asalkan wujud sambungan data atau wifi. Kelekaan dalam melayari internet dan laman web jaringan sosial menyebabkan bateri telefon tangan pintar perlu dicas berulang kali. Namun demikian, menggunakan telefon pintar bukanlah satu langkah bijak yang patut diambil sekiranya sangat memerlukan penggunaannya.

Kes kematian berkaitan penggunaan telefon pintar telah berlaku sejak dari dulu lagi namun beberapa tahun kebelakangan ini kian bertambah. Menurut Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) Datuk Dr Marimuthu Nadason berkata pengguna perlu memberi perhatian serius kepada soal keselamatan dalam penggunaan telefon pintar di sebalik beberapa insiden yang dikaitkan dengan alat itu yang dilaporkan sebelum ini (Malay Mail, 2017). Selain memastikan pengecas dan bateri telefon pintar adalah tulen, pengguna turut perlu mengelak menggunakan telefon ketika di stesen minyak dan mengelakkan diri menggunakan telefon pintar dengan keterlaluan. Ramai yang tidak mengetahui bahawa tindakan mematikan telefon pintar ketika dicas juga boleh merehatkan alat itu buat sementara memandangkan ia kini tidak lagi menjadi alat perhubungan semata-mata malah digunakan untuk menonton filem, bermain “game,” melayari laman sosial dan sebagainya. Dalam kejadian di Yan Kedah, seorang pemandu bot berusia 27 tahun dilaporkan cedera pada tangan dan muka selepas telefon pintar miliknya yang sedang dicas tiba-tiba meletup (Malay Mail, 2017).

Kini pengguna bukan hanya bahaya apabila mengecas telefon pintar di soket tetapi melalui power bank juga. Power bank merupakan alat yang terdiri daripada satu kumpulan bateri boleh dicas berulang kali. Power bank amat terkenal kerana ianya boleh dibawa ke mana sahaja dan punca alternatif lain yang digunakan oleh pengguna untuk mengecas telefon pintar selain dari soket. Namun terdapat juga beberapa kes kemalangan yang dilaporkan berkaitan dengan power bank. Seorang jurukamera melecir di paha kiri apabila power bank yang diletakkan di dalam begnya secara tiba-tiba terbakar ketika membuat tugas di ibu Negara (Malay Mail, 2017). Selain dari itu kejadian terbaru insiden seorang remaja lelaki berusia 19 tahun yang dilaporkan maut dipercayai akibat terkena renjatan elektrik telefon pintar yang sedang dicas menggunakan “power bank” di Melaka. Mangsa dilaporkan ditemui mati oleh ibunya dalam keadaan terbaring sambil mengenakan fon telinga yang disambungkan pada telefon pintarnya dan dalam keadaan bercas pada sebuah power bank (Harian Metro, 2017).

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui Berita Harian telah membuktikan bahawa gajet tanpa wayar seperti tablet dan telefon bimbit merupakan risiko ejen kanser disebabkan oleh radiasi yang dihasilkan (Berita Harian, 2015). Radiasi yang dihasilkan mampu melumpuhkan sistem imunisasi kanak-kanak sekiranya mereka terdedah kepada radiasi yang


tinggi atau erti kata lain terlalu lama terdedah sejak bayi lagi. Menurutnya juga, gajet menyebabkan pengguna yang gemar bermain alat permainan video yang dipegang boleh mendatangkan masalah tulang belakang (Shima dan Siti, 2018).

Menurut Fatin (2020), kebanyakan orang dewasa memegang telefon bimbit mereka sekurang-kurangnya 4 jam sehari. Jika didarabkan dengan 7 hari, sebenarnya anda telah habiskan hampir 28 jam seminggu hanya dengan memegang telefon bimbit. Sebab itulah otot pada pergelangan tangan anda rasa sakit. Pergerakan yang tidak natural jika dilakukan berulang-ulang boleh menyebabkan tekanan pada pergelangan tangan. Malah, pergerakan tersebut bukan hanya memberi impak pada kawasan pergelangan tangan, tapi kadangkala sampai ke lengan kerana kesemua bahagian ini sebenarnya bersambung. Anda lebih berisiko untuk rasa sakit jika terlalu banyak menghabiskan masa memegang telefon bimbit untuk bermain game ataupun melayari media sosial. Selain itu, sakit ini juga akan jadi bertambah teruk jika anda kerap melakukan gerakan yang sama setiap hari. Sebagai contoh, jika anda banyak menaip ataupun menggunakan tablet ketika berkerja, anda akan rasa lebih sakit dan kesakitan ini mungkin akan mengganggu keselesaan anda melakukan aktiviti lain.

Dalam artikel yang ditulis oleh Muhammad Wa'iz (2020) yang disahkan Dr. Gabriel Tang Pei Yung, para penyelidik daripada Iowa State University menyatakan, berdasarkan kajian lepas, remaja mengalami kesukaran untuk melelapkan mata apabila mereka bermain dengan telefon sebelum tidur, dan kemungkinan kelakuan tersebut mungkin terus berlaku kepada individu dewasa. Kajian ini telah membuat penelitian terhadap data daripada sekitar 165,000 individu daripada National Health Interview Survey. Antara tahun 2013 hingga 2017, bilangan individu dewasa yang dilaporkan mengalami kesukaran tidur sekurang-kurangnya satu hari dalam seminggu meningkat kepada 1.43 peratus. Manakala bilangan individu dewasa yang menyatakan mereka sukar untuk tidur lena sekurang-kurangnya sehari dalam seminggu juga meningkat sebanyak 2.7 peratus. Menurut pengarang utama kajian terbabit, Garrett Hisler, mereka mengetahui melalui kajian lepas mereka bahawa terdapat korelasi atau perkaitan antara penggunaan telefon pintar dan ketidakcukupan tidur dalam kalangan remaja. Menurut Garrett lagi, sekiranya kita menggunakan telefon sebelum tidur atau menerima sebarang mesej atau pemberitahuan ketika sedang tidur, ia akan menyebabkan kita lebih sukar untuk terlelap atau kekal lena ketika tidur pada waktu malam.

Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam satu kenyataan media menyatakan, amalan menggunakan telefon pintar ketika sedang dicas boleh mendatangkan bahaya kerana berkemungkinan berlaku kerosakan pada alat pengecas yang digunakan seperti kebocoran elektrik. Amaran ini dikeluarkan berikutan kes seorang suri rumah yang dilaporkan telah mengalami renjatan elektrik semasa menggunakan telefon pintar ketika dicas sehingga mendatangkan maut. Berdasarkan siasatan awal, alat pengecas yang digunakan semasa kejadian telah mengalami kebakaran kecil berikutan penggunaan alat pengecas bukan dari pengeluar asal telefon pintar. Mengikut statistik ST sebanyak 853 kes kemalangan elektrik disiasat dari 2002 sehingga 30 Sept lepas dengan 425 kes daripadanya melibatkan kes maut. Pengilang, pengimpot, pembekal dan penjual diingatkan supaya hanya memasarkan alat pengecas yang mempunyai label SIRIM-ST atau pengecas tulen yang dibekalkan bersama telefon pintar yang mempunyai label SKMM. Pengguna juga dinasihatkan supaya membeli dan menggunakan alat pengecas yang hanya mempunyai label (Bernama, 2016)

Oleh yang demikian, pengguna haruslah mengamalkan langkah-langkah keselamatan untuk mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini. Pengguna perlu menggunakan bateri yang dikeluarkan daripada syarikat yang mendapat kelulusan dan piawaian keselamatan yang sepatutnya. Elakkan menggunakan bateri yang diklon atau tiruan. Biarlah kita membeli



dengan harga yang agak mahal asalkan ianya berkualiti dan terjamin. Pastikan telefon pintar dimatikan ketika mengecas sekiranya perlu pengecasan dalam tempoh yang agak lama. Sebaik sahaja bateri penuh, matikan kuasa untuk mengelakkan telefon dicas dalam tempoh yang lebih lama. Selain dari itu, hindari menerima panggilan telefon dalam tempoh yang agak lama kerana ianya akan menyebabkan telefon pintar panas dan meletup sekiranya terdapat sebarang masalah pada telefon pintar. Kajian juga menunjukkan telefon pintar mempunyai radiasi yang dapat merosakkan sel-sel dalam badan pengguna. Pengguna-pengguna telefon pintar dinasihatkan supaya tidak menggunakan telefon pintar ketika sedang dicas kerana boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna sendiri. Maka elakkan menerima sebarang panggilan ketika telefon sedang dicas sama ada pada soket atau power bank sekalipun.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, setiap aktiviti yang kita lakukan laksanakanlah secara bersederhana agar ianya seimbang dan kita mendapat manfaat daripadanya dan dikhuatiri jika ianya dilaksanakan secara berlebihan, ia akan membawa mudarat terhadap diri kita. Maka dalam konteks penggunaan telefon pintar ini kita perlulah berpada-pada semasa menggunakannya dalam kehidupan seharian agar kebaikan dan kelebihan teknologi telefon tersebut yang kita perolehi. Jadilah pengguna yang pintar semasa menggunakan telefon pintar.

RUJUKAN

Bernama (Oktober 2016). Jangan guna telefon bimbit semasa dicas - Suruhanjaya Tenaga, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-guna-telefon-bimbit-semasa-dicas-suruhanjaya-tenaga-119060>

Faizatul Farlin Farush Khan. (2015), Baik, mudarat gajet atas pilihan, 9 September, Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/node/76176>.

Fatin Zahra (Julai 2020). <https://hellodoktor.com/ms/gaya-hidup-sihat/tips-kesihatan/sakit-pergelangan-tangan-main-handphone/>

Harian Metro (2017). Ajal direnjat 'power bank'. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/05/232861/ajal-direnjat-powerbank>

Malay Mail (2017). <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/jangan-keterlaluan-guna-telefon-bimbit-kata-fomca>

Muhammad Wa'iz (Jun 2020). <https://hellodoktor.com/ms/keibubapaan/tips-keibubapaan/gajet-membantu-atau-merosakkan-perkembangan-anak-anda/>

Salmah Omar dan Malisah Latip (2015), Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak. <https://www.researchgate.net/publication/306256070>

Shima Dyana Binti Mohd Fazree Siti Marziah Zakaria (2018), Kesan Penggunaan Gajet Kepada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Prasekolah, Jurnal Wacana Sarjana Vol. 2(4) Dis 2018: 1-6: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/gajet-kesan-pada-anak-1.408959>.

Utusan (2014). Gajet Ibarat Pengasuh Kedua.

http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140102/ke_01/Gajet-ibarat-pengasuh-kedua.

PAMA (Mac, 2013). Anak Kemaruk Televisyen dan Gajet.

<http://pama.karangkraf.com/kanak-kanak/anak-kemaruk-televisyen-gajet-1.141722>

PENGIRAAN KADAR PENGGUNAAN ELEKTRIK SECARA PRORATA SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Rozana Binti Ahmad Hanip
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: rozanahanip25@gmail.com

Sabarina Binti Basharuddin
Kolej Komuniti Chenderoh

Mohamad Haslan Bin Samsudin
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Isu bil elektrik yang dikatakan meningkat secara mendadak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula diperkatakan di media sosial. Pelbagai spekulasi dan pandangan berkaitan isu ini mula menimbulkan keresahan di kalangan pengguna apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) menggunakan kaedah prorata. Proses pengiraan bil secara prorata telah diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga dan telah digunakan oleh syarikat-syarikat utiliti lain di serata dunia. Kaedah prorata digunakan untuk bacaan meter yang melebihi 31 hari mengikut kadar tarif blok penggunaan elektrik bagi mengelakkan cas berlebihan dikenakan.

KATA KUNCI: *Prorata, tariff elektrik, TNB, bacaan bil elektrik*

PENGENALAN

Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) 2020 merujuk kepada tindakan pencegahan oleh kerajaan persekutuan Malaysia terhadap kes pandemik koronavirus (COVID-19) yang telah dilaksanakan pada ketika itu. Pada 16 Mac 2020 jam 10 malam waktu Malaysia, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi ucapan secara langsung di televisyen dan secara rasmi mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Berkuat kuasa pada 18 Mac, Malaysia secara rasmi melaksanakan langkah kawalan pergerakan. Pada 25 Mac, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui siaran langsung kebangsaan mengumumkan bahawa perintah kawalan itu dilanjutkan sehingga 14 April. Walau bagaimanapun, terdapat pertimbangan kawalan pergerakan lebih lanjut sehingga akhir April atau Mei kerana jumlah kes di Malaysia dijangka meningkat pada pertengahan April, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pada 8 April, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memberitahu kementerian kesihatan sedang mengadakan perbincangan dengan kabinet negara mengenai kemungkinan lanjutan PKP, dengan keputusan tempoh PKP yang diumumkan tidak lewat daripada hari Jumaat. (wikipedia, 9 Julai 2020). TNB ketika itu telah

membebankan sementara perkhidmatan bacaan meter di rumah kediaman dan menggunakan kaedah prorata dalam pengiraan bil elektrik. Kenaikan mendadak caj elektrik oleh TNB menimbulkan kemarahan di kalangan orang ramai, dan ramai daripada mereka menggunakan media sosial untuk meluahkan rasa tidak puas hati. Bagaimanapun, TNB menafikan mengenakan caj tambahan kepada pengguna bagi bil yang dikira semasa PKP selepas semua aktiviti membaca meter dihentikan bermula 20 Mac sehingga 14 Mei akibat PKP. Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Shamsul Anuar Nasarah sebelum ini berkata TNB telah menjelaskan mengenai kaedah mengira bil elektrik semasa PKP dan mekanisme itu juga telah disemak serta dipersetujui oleh Suruhanjaya Tenaga yang hadir dalam pertemuan tersebut. (Malaysiakini, 25 Jun 2020).

PEMBACAAN BIL SEMASA TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Semasa Tempoh Tempoh Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak Covid 19, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengumumkan penangguhan pengeluaran bil elektrik bercetak. Pembacaan meter secara fizikal oleh kakitangan TNB telah ditangguhkan buat sementara waktu ini (Tenaga Nasional Berhad, 2020).

Oleh kerana pembacaan meter merupakan sebahagian daripada proses pengebilan, TNB telah memaklumkan bahawa bil pengguna yang akan datang akan dianggarkan berdasarkan bil bulanan terdahulu. TNB turut menyatakan pembacaan meter secara fizikal akan kembali seperti biasa selepas selesai tempoh Perintah Kawalan Pergerakan kelak.

PERBEZAAN PENGIRAAN MENGGUNAKA KAEDAH PRORATA DENGAN BIL SEMASA

Pada 18 Mac 2020 operasi bacaan meter oleh TNB telah dibehentikan untuk seketika apabila PKP mula dilaksanakan untuk tempoh 3 bulan iaitu Mac, April dan Mei. Operasi mula kembali seperti biasa bermula 15 Mei 2020. Perbezaan adalah seperti jadual 1.

KADAR TARIF

Kadar tarif adalah ketetapan bayaran yang ditentukan oleh tenaga nasional berhad (TNB). Ia ditetapkan berbeza mengikut jenis penggunaan. Bagi tempat kediaman kadar tarif yang digunakan ialah kadar tarif A iaitu tarif domestik (kediaman).

PENGIRAAN SECARA PRORATA

Pengguna kediaman dengan bil sebenar setelah menerima bil anggaran pada bulan sebelumnya yang melibatkan bacaan meter melebihi 31 hari. TNB akan menggunakan cara pengiraan secara prorata berdasarkan bilangan hari pembilan. Kaedah pengiraan prorata akan digunakan dengan menggunakan faktor purata bagi setiap blok tarif yang akan memberi kesan yang sama dengan prinsip pelarasan bil anggaran. Contoh kaedah pengiraan faktor prorata merujuk kepada Jadual 2.




	KAEDAH BIL SEMASA	KAEDAH PRORATA
Tempoh Masa	Bawah 31 hari	Melebihi 31 hari
Faktor Prorata	Tiada Prorata kerana hanya melibatkan tempoh sebulan	Melebihi 1 bergantung kepada tempoh pembilan iaitu tempoh hari bacaan meter dihentikan sehingga bacaan meter disambung semula
Bayaran bil elektrik mengikut penggunaan kWh	Penggunaan kWh untuk tempoh sebulan: Blok pertama : 200 kWh Blok kedua : 100 kWh Blok ketiga : 300 kWh	Penggunaan kWh untuk tempoh 2 bulan perlu di darabkan dengan 2 kerana penggunaannya adalah untuk 2 bulan. Maka kadar Tarif bagi blok adalah lebih daripada penggunaan untuk sebulan: Blok pertama : 400 kWh Blok kedua : 200 kWh Blok ketiga : 600 kWh Oleh kerana itu pengguna akan dapati bil elektrik adalah sama untuk tempoh sebulan disebabkan kadar blok penggunaan tenaga kWh bertambah.

Jadual 1 : Perbezaan kaedah prorata dengan bil semasa

PENGIRAAN PRORATA UNTUK BLOK TARIF 200 kWh PERTAMA, 100kWh KEDUA DAN 300 kWh KETIGA

Merujuk kepada jadual 3 kadar blok tarif elektrik domestik bagi semenanjung Malaysia bagi blok pertama adalah bermula daripada 0 hingga 200 kWh, blok kedua bermula 201 hingga 300 kWh dan blok ketiga bermula 301 hingga 600 kWh bagi penggunaan elektrik di rumah kediaman. Contoh pengiraan adalah seperti berikut merujuk kepada bil elektrik pada jadual 4.



Jadual 2 : Kaedah pengiraan faktor prorata

TARIF ELEKTRIK DOMESTIK SEMENANJUNG MALAYSIA

Penggunaan elektrik (kWj)	Kadar tariff (RM)	Unit penggunaan elektrik (kWj)
1-200	0.218	200
201-300	0.334	100
301-600	0.516	300
601-900	0.546	300

Jadual 3 : Tarif Elektrik Domestik Semenanjung Malaysia

Tempoh Bil	: 08.03.2020 - 06.05.2020 (60 Hari)	Faktor Prorata		
Tariff	: A - Kediaman	2.00000		
Jenis Bacaan	: Bacaan Sebenar			
Blok Tarif (kWh)	Kegunaan (kWh)	Kadar (RM)	Amaun (RM)	
200	400.00	0.2180	87.20	
100	200.00	0.3340	66.80	
300	633.00	0.5160	326.63	
Jumlah	1,233.00		480.63	
Keterangan	Tidak Kena ST	Kena ST	Jumlah	
Kegunaan kWh	kWh	1,233.00	0.00	1,233.00
Kegunaan	RM	480.63	0.00	480.63
2% Diskaun Rangsangan Ekonomi	RM	-5.77	0.00	-5.77
Jumlah Bil Anggaran Terdahulu	RM	-227.56	-1.58	-229.14
Kegunaan Bulan Semasa	RM	247.30	-1.58	245.72
Service Tax (6%)	RM			-0.09
KWTBB (1.6%)	RM			7.60
Caj Semasa	RM			253.23

Jadual 4: Contoh bil elektrik dalam tempoh perintah kawalan pergerakan


Tempoh pembilan: 8/03/2020 – 06/05/2020 (60 hari)

Jumlah Kegunaan 60 hari: 1233 kWh

Faktor Prorata = 2 (Rujuk pengiraan dalam Jadual 1)

Blok Purata = Faktor Purata x Blok Tarif

Amaun = Blok Purata x Kadar Tarif



Jadual 5 : Cara pengiraan bil semasa PKP

KESIMPULAN

Masyarakat dapat memahami dengan lebih jelas bagaimana pengiraan kadar penggunaan elektrik secara prorata sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan dilakukan. Ini dapat membantu masyarakat untuk menjadi pengguna yang bijak dalam memahami sesuatu isu semasa. Semoga artikel ini dapat membantu tahap kesedaran masyarakat tentang tarif, pengiraan dan penggunaan elektrik di rumah dan bagaimana kaedah prorata digunakan.

RUJUKAN

Soal Jawab Tenaga Nasional. (2020) <https://www.tnb.com.my/faq/bm-pengebilan/>

Electrical Education Malaysia - EEM. (2018)

<https://www.facebook.com/414204949119042/photos/p.414208825785321/414208825785321/?type=1&theater>

Bil Elektrik anda melambung, di mana silapnya. (2020).

<https://bm.soyacincau.com/2020/06/10/bil-elektrik-anda-melambung-di-mana-silapnya/>

Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Perintah_Kawalan_Pergerakan_Malaysia_2020

Lelaki bengang bil elektrik melambung hampir 4 kali ganda. (2020).

<https://www.malaysiakini.com/news/531717>

HALA TUJU TVET DI MALAYSIA

Mohd Fauze bin Abd Aziz
Kolej Komuniti Tapah
Email:fauze@kktapah.edu.my

ABSTRAK

Bidang Technical and Vocational Education and Training (TVET) bukanlah bidang baru dalam negara kita. TVET hanyalah terma yang dipopularkan sahaja. Penduduk Malaysia sudah lama terdedah dengan bidang teknikal ini. Dari ilmu pertukangan, bertani dan pelbagai lagi. Sejarah menunjukkan TVET di Malaysia telah melalui pelbagai perkembangan selari dengan keperluan industri itu sendiri. Kini dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), negara haruslah mempersiapkan dengan sistem pendidikan yang berkualiti walaupun terdapat banyak kekangan dan cabaran.

KATA KUNCI: TVET, cabaran, persepsi

PENGENALAN

Pekerjaan masyarakat Malaysia sebelum merdeka lebih kepada bidang pertanian. Ekonomi Malaysia pada asalnya bergantung kepada sumber getah dan bijih timah. Harga komoditi getah dan bijih timah yang tidak begitu stabil menyebabkan negara terpaksa melangkah ke sektor perindustrian. Bidang *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) merupakan bidang penting untuk memacu Malaysia supaya menjadi negara yang pada asalnya bergantung kepada sektor pertanian ke sektor perindustrian. Hari ini Malaysia antara pembekal utama dunia komponen semikonduktor, barang elektrik, panel suria dan teknologi maklumat berasaskan ICT. (Wikipedia, 2018). Jadi sistem pendidikan negara haruslah berkemampuan mengeluarkan tenaga kerja mahir atau separa mahir yang amat diperlukan untuk memenuhi kehendak industri kini.

MAKSUD TVET

TVET merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET adalah pendidikan dan latihan terhadap amalan industri (pendidik2u, 2019). Menurut Forum Ekonomi Dunia, kira-kira 65% kanak-kanak di sekolah rendah kini pada masa hadapan mungkin akan bekerja dalam pekerjaan yang tidak wujud pada masa sekarang (emag.live, 2019). Ini terbukti dengan kerjaya sebagai youtuber dan instafamous yang tidak wujud pada zaman 90-an. Zaman semakin berubah dengan begitu pantas sekali. Kini, individu yang mahir dalam ilmu kemahiran dijangka dapat bertahan dalam kehidupan yang serba mencabar.

Tujuan TVET diperkenalkan adalah bagi mempersiapkan remaja untuk sedia berkerja selari dengan permintaan industri lalu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Bidang TVET haruslah menyediakan modal insan berkemahiran yang selari dengan kehendak



industri, terutama untuk menyokong peralihan sektor ekonomi ke arah aktiviti berasaskan pengetahuan khususnya untuk mempersiapkan negara menghadapi Revolusi Industri 4.0 kelak.

SEJARAH TVET

Sedia maklum bahawa TVET adalah terma rasmi sahaja. Sebelum ini pendidikan teknikal dan vokasional telah diamalkan oleh kebanyakan negara. Terma TVET digunakan secara rasmi semasa Kongress Dunia anjuran UNESCO-UNEVOC di Seoul, Korea Selatan. Pusat TVET telah ditubuhkan di Bonn, German untuk membantu negara-negara menaiktaraf kualiti dalam bidang TVET. Pelbagai negara telah menjalankan bidang TVET mengikut acuan masing-masing.

SEJARAH TVET DI MALAYSIA

Pada tahun 1905 British telah membuka Sekolah Teknik Treacher khasnya untuk melatih pekerja untuk bekerja di Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur dan Keretapi Tanah Melayu. Pada tahun 1918, Suruhanjaya Pendidikan Teknik dan Industri telah dilihat sebagai titik penting dalam dalam bidang TVET negara. Di zaman perindustrian 4.0 ini, keperluan untuk pendidikan TVET yang berkualiti dilihat satu keperluan penting agar Malaysia dapat turut bersaing dengan negara lain (Sharin, 2009).

Pada tahun 1964, Jabatan Pendidikan Teknikal (JPTek) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia ditubuhkan untuk mengambil tanggungjawab menentukan halatuju pendidikan teknikal dan vokasional negara. Pendidikan Politeknik mula diperkenalkan di Malaysia melalui Pelan Colombo pada tahun 1969 dengan penubuhan politeknik pertama iaitu Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Pendidikan TVET di Malaysia terbahagi kepada peringkat rendah dan tinggi. Peringkat rendah selalunya bermula seawal umur 13 tahun di pendidikan menengah iaitu di Kolej Vokasional (Sekolah Teknik). Peringkat tinggi adalah pelajar lepasan SPM jika melanjutkan pengajian ke politeknik, kolej komuniti dan institut latihan kemahiran awam (ILKA) atau swasta.

Pada awal tahun 90-an, bidang ini tidak begitu popular dengan hanya sekolah teknik dan vokasional yang menyediakan latihan teknikal dan vokasional. Kini sekolah menengah biasa juga turut menyediakan mata pelajaran vokasional (MPV) bagi memupuk minat awal kepada pelajar untuk menceburi bidang ini selepas SPM kelak. Terdapat lebih 1200 pusat latihan TVET termasuk seliaan kerajaan dan swasta dengan 120,000 pelatih direkodkan. Ini menunjukkan bidang TVET semakin menjadi pilihan di kalangan pelajar lepasan sekolah.

CONTOH AMALAN TVET TERBAIK

Negara German dilihat antara yang mengamalkan bidang TVET yang berkualiti. Kekuatan industri German adalah kerana sistem pendidikannya yang berkualiti dan galakan menceburi untuk bidang teknikal. Di German pelajar seawal umur 15-16 tahun sudah didedahkan dengan pendidikan vokasional (bbc.com, 2012). Di sana pelajar dapat menjadi perintis dari salah satu dari 356 pekerjaan sebagai contoh mempelajari untuk bekerja sebagai pembantu doktor. Yang paling penting, di sana bidang TVET tidak dilihat sebagai bidang pilihan terakhir berbeza dengan Malaysia yang masih mengutamakan bidang akademik walaupun banyak graduan kita



masih banyak mengganggu akibat memandang bidang akademik sahaja sebagai penentu kerjaya kelak.

Sistem serampang dua mata dilihat telah berjaya merubah sistem pendidikan di German. Dua ciri utama sistem itu adalah program latihan berasaskan industri yang dimana pelajar masih memperoleh pendidikan umum menengah atas dalam mata pelajaran teras (seperti matematik dan bahasa Jerman) dan teori pengetahuan dalam pekerjaan latihan mereka. Kedua sistem ini disokong oleh kerajaan dan dibantu oleh firma-firma industri di sana. Di sana semua pihak berkepentingan membantu menjayakan bidang TVET.

CABARAN TVET DI MALAYSIA

Bidang TVET di Malaysia sukar untuk berkembang ke arah yang lebih baik kerana tadbir urus tidak diselaraskan, penyelarasan pelaksanaan pembekal latihan daripada pelbagai kementerian, bidang teknologi tidak diiktiraf serta badan akreditasi yang tidak diselaraskan (Hassan, 2019). Ini kerana adanya 7 kementerian yang memberi pendidikan TVET dengan modul, akreditasi dan teknologi yang berbeza. Jawatankuasa Pemerksaan TVET pada awal tahun 2019 dilihat sebagai langkah baik kerajaan dalam menilai kembali bidang TVET di Malaysia tetapi sayangnya semakin menyepi akibat keadaan politik Malaysia yang masih terumbang-ambing. Badan akreditasi setiap kementerian juga berbeza. Terdapat 2 agensi yang mengawal kualiti bidang TVET di Malaysia iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Ini akan menyebabkan akan terdapat perbezaan yang akan menyebabkan ibu bapa dan pelajar keliru.

Persepsi ibubapa dan pelajar juga perlu di ubah kerana kebanyakan mereka masih berpandangan bidang kelas kedua. Persepsi ini haruslah segera diubah. Pandangan ibu bapa memainkan peranan dalam hala tuju masa depan anak-anak mereka. Jika ibu bapa menanamkan persepsi yang baik terhadap bidang TVET kepada anak-anak mereka, isu pengambilan pelatih ke pusat latihan TVET akan dapat diselesaikan.

Kawalan kualiti bidang TVET juga dilihat longgar kerana terdapat begitu banyak pusat latihan ditubuhkan samaada dibawah kerajaan atau swasta. Kerajaan seharusnya bertegas dan mempunyai kata putus dalam siapa yang bertanggungjawab dalam menerajui bidang TVET ini. Dengan adanya 7 kementerian yang masing-masing mempunyai standard yang berbeza akan menyebabkan bidang TVET menjadi kucar-kacir kelak.

Kerajaan juga haruslah menyediakan ruang pekerjaan yang lebih banyak dalam pelbagai bidang TVET agar selari dengan jumlah graduan lepasan bidang ini. Kebergantungan kepada tenaga kerja asing dalam beberapa sektor industri juga menampakkan kekurangan bidang pendidikan TVET negara.

Disebabkan perkembangan teknologi yang begitu pesat, silibus pendidikan TVET perlulah sentiasa dikaji agar pelajar kita didedahkan dengan teknologi-teknologi baru. Kajian terhadap silibus bukanlah benda yang mudah. Ia memerlukan kerjasama industri dan pakar-pakar akademik untuk duduk semeja bagi membincangkan hal ini.

HALA TUJU TVET DI MALAYSIA

Pendidikan TVET di Malaysia masih mencari acuan yang terbaik dalam melahirkan tenaga kerja yang berkamhiran. Kerajaan masih mencuba pelbagai rangka tindakan dari negara-negara yang telah berjaya seperti Jepun dan Singapura. Tidak dinafikan sistem TVET di Malaysia telah berjaya melahirkan ramai tenaga kerja mahir dan separa mahir. Perubahan sistem TVET perlu diberi perhatian khusus kerajaan. Tidak mustahil TVET di Malaysia bakal menjadi bidang pilihan tetapi minat perlu ditanam seawal mungkin. Semua pihak perlu berani membuat perubahan. Ibu-bapa perlu tanamkan minat kepada anak-anak. Guru-guru perlu sentiasa memberi panduan dan galakan agar bidang ini sentiasa menjadi pilihan pelajar kelak.

Kerajaan haruslah menyediakan akses yang lebih luas kepada para remaja untuk menceburi bidang ini. Berdasarkan statistik tahun 2019 dari laporan analisa keputusan SPM 2019 peratus calon yang layak menerima sijil SPM adalah 337,773 calon dari 416,416 calon (Malaysia, 2020). Ini menunjukkan terdapat 78,643 calon yang gagal SPM. Kemanakah hala tuju pelajar-pelajar tersebut. Jika dilihat kebanyakan pusat latihan TVET mempunyai syarat minimum untuk masuk iaitu lulus SPM. Calon pelajar yang gagal SPM ini bukanlah manusia yang gagal, cuma kurang bernasib baik dalam bidang akademik. Isu kekurangan pelatih bidang TVET masih menjadi masalah utama kebanyakan pusat latih. Contohnya, pelatih ke kolej komuniti dilihat masih rendah berbanding ruang yang disediakan. Akses dan peluang telah disediakan oleh kerajaan, tetapi ke manakah pelajar kita pergi.

Masih ramai pelajar yang berpendapat bahawa tidak perlu mengambing pengajian kerana peluang kerja terhad selepas belajar. Isu gaji yang rendah. Jadi pelajar sangat tidak bermotivasi untuk menyambung pengajian selepas SPM. Peluang pekerjaan dengan kelulusan SPM juga masih banyak, jadi tiada keperluan untuk mereka menyambung pengajian.

KESIMPULAN

Diharapkan pendidikan TVET di Malaysia dapat berkembang ke arah yang lebih baik dan lebih berkualiti. Pendidikan TVET di Malaysia haruslah mengikut acuan kita sendiri. Ketepikan perbezaan politik untuk memperkasakan bidang ini. Kita semua berperanan untuk menjadikan bidang ini untuk menjadi bidang pilihan khasnya untuk generasi muda kini. Mereka tidak boleh dipersalahkan jika kurang bermotivasi untuk menceburi bidang ini. Para ibu bapa haruslah lebih cakna isu anak-anak mereka. Peluang telah diberikan, antara mahu atau tidak sahaja untuk mengambilnya.

Isu pendidikan seharusnya menjadi penekanan kerajaan dalam sesebuah negara. Perbezaan politik haruslah diketepikan dahulu dalam mencari penyelesaian masalah ini. Isu TVET dalam negara sudah lama diketahui. Pelbagai mesyuarat dan perbincangan telah diadakan tetapi masih belum berjaya mencari jawapannya. Mampukah kita membawa bidang TVET ini ke arah yang lebih gemilang. Kita hanya mampu berharap.

RUJUKAN

- bbc.com*. (2012, Ogos 16). Retrieved from <https://www.bbc.com/news/business-18868704>
emag.live. (2019, November 29). Retrieved from <https://emag.live/perkembangan-industri-4-0-di-malaysia-hari-ini/>



- Hassan, P. M. (2019, April 15). *bharian.com.my*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/04/553135/jenamakan-tvet-dengan-acuan-kita>
- Malaysia, L. P. (2020). *Laporan Analisis Keputusan SPM 2019*. KPM.
- pendidik2u*. (2019, Oktober 5). Retrieved from *pendidik2u*: <https://www.pendidik2u.my/apa-itu-tvet/>
- Sharin, K. A. (2009). *SEJARAH PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL*. <http://faqihufiddin.blogspot.com/2009/02/sejarah-perkembangan-pendidikan-teknik.html>.
- Wikipedia*. (2018, November 1). Retrieved from https://ms.wikipedia.org/wiki/Sejarah_ekonomi_di_Malaysia

PEMBUDAYAAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SECARA BERETIKA DAN PENILAIAN MAKLUMAT DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Roslina Binti Awang Nik
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: roslina@kkche.edu.my

ABSTRAK

Melalui proses globalisasi, penyebaran maklumat pada masa kini semakin pantas, tiada lagi sempadan geografi dan waktu. Lambakkan segala macam berita dan informasi, daripada bersifat teks hinggalah kepada bersifat visual seperti video dan audio begitu mudah diperolehi hanya dihujung jari sahaja. Internet menjadi salurannya dan media sosial pula sebagai platform menyampaikan segala yang berlaku. Melalui media sosial segala bentuk pemikiran dan idea mampu mempengaruhi corak pandangan, gaya hidup serta norma dan budaya masyarakat. Pemikiran masyarakat yang pelbagai memerlukan kematangan dalam berfikir serta keupayaan menapis perkara yang baik dan buruk, benar atau palsu sesuatu maklumat tersebut perlu ditapis dengan berhati-hati. Media sosial mampu menjadi platform yang penting dan berkesan dalam membina masyarakat yang beretika jika digunakan dengan betul dan bertanggungjawab.

KATA KUNCI : *Media sosial, penilaian maklumat, masyarakat, globalisasi, budaya*

PENGENALAN

Perkataan pembudayaan itu wujud dari perkataan akarnya iaitu budaya. Budaya didefinisikan sebagai kemajuan jasmani dan rohani manusia serta juga kemajuan fikirannya menerusi latihan dan pengalaman. Manakala menurut kamus dewan edisi keempat, perkataan pembudayaan adalah satu proses atau cara membudayakan sesuatu pemikiran, ilmu dan sebagainya kepada sesuatu masyarakat. Saya suka mengambil contoh negara Jepun dalam menerangkan lagi maksud pembudayaan ini. Seperti yang kita semua sedia maklum, Jepun merupakan kuasa perindustrian yang terulung di benua Asia dan antara beberapa negara yang termasyhur dalam sektor perindustrian di peringkat dunia. Bagaimana ini boleh berlaku kepada negara yang tidak mempunyai bahan mineral? Jepun tidak mempunyai minyak, bijih timah dan lain-lain bahan galian tetapi, dengan pembudayaan yang mereka lakukan seawal tahun 1862 melalui 'Pemulihan Meiji'. Hari ini mereka bukan sahaja mengubah gaya hidup, ekonomi malahan genetik. Semua ini takkan berlaku jika tanpa proses pembudayaan. Sepanjang abad ke 21, dunia disajikan dengan proses globalisasi yang tiada batasnya. Menurut kamus dewan, globalisasi didefinisikan sebagai fenomena yang menjadikan dunia menjadi kecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Cendekiawan barat pula mentafsirkan globalisasi sebagai satu proses kehidupan yang serba luas dan infiniti merangkumi segala aspek kehidupan seperti politik, sosial dan ekonomi yang boleh dirasai

oleh semua manusia di dunia ini. Dunia bukan sahaja tidak bersempadan geografi tetapi pengaruh globalisasi menjangkau sempadan ekonomi, teknologi, bahasa, budaya, ideologi, politik dan dari segenap aspek kehidupan sesebuah masyarakat. Globalisasi juga merujuk kepada perpindahan nilai, terutamanya cara berfikir dan gaya bertindak dari satu daerah dunia kepada daerah dunia yang lain. Hakikatnya globalisasi ini sudah wujud sebelum istilah globalisasi diperkenalkan lagi. Fenomena globalisasi boleh dikiasikan sebagai tsunami yang melanda dunia.

Menurut buku Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial Dalam Sektor Awam terbitan MAMPU, media sosial ialah merujuk kepada sejenis saluran komunikasi dalam talian yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan mudah secara bebas, berkongsi dan membincangkan maklumat dengan menggunakan gabungan multimedia yang terdiri daripada teks, gambar, video dan audio. Media sosial masa kini menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan remaja, dewasa mahupun pemimpin memilih untuk menggunakannya. Orang ramai lebih mudah berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia di alam maya, dan seterusnya dapat berkomunikasi dengan rakan sekolah atau rakan kampung yang telah lama tidak berjumpa. Ianya menggantikan alat perhubungan konservatif seperti surat yang memerlukan masa yang lama untuk sampai kepada penerima. Selain itu, media sosial juga boleh digunakan sebagai tempat perhubungan pemimpin dan masyarakat, perniaga dengan pengeluar produk dan pembeli. Penggunaan laman media sosial sangat memudahkan kehidupan masyarakat jika ianya digunakan dengan bijak dan berdisiplin.

Menurut kajian, facebook merupakan media sosial yang paling aktif di negara kita, diikuti oleh instagram dan juga twitter. Sejarah laman web Facebook (www.facebook.com) bermula pada 4 Februari 2004. Laman web yang telah mencetus satu fenomena dalam kalangan pengguna internet ini diasaskan oleh Mark Zuckerberg. Sementara itu, dalam satu analisis yang diperoleh daripada sebuah laman web yang menganalisis statistik penggunaan facebook (<http://www.facebakers.com>) menunjukkan bahawa jumlah rakyat Malaysia yang aktif menggunakan facebook ialah seramai 17.52 juta orang, 67% daripadanya adalah pengguna tegar yang akan sentiasa masuk dan menggunakan facebook secara harian. Tidak dinafikan media sosial adalah satu hub pemasaran yang terbaik pada masa ini. Usahawan yang ingin berjaya dengan lebih pantas mestilah menjadikan media sosial sebagai platform mempromosikan jualan dan membolehkan pengguna mendapatkan barangan yang mereka perlukan secara atas talian (online). Masyarakat perlu bijak membahagikan masa, tahu membezakan waktu bekerja dengan waktu membeli-belah secara atas talian. Budaya masyarakat media sosial hari ini semakin mudah hingga di mana-mana dan bila-bila masa sahaja boleh membeli-belah dan bersosial. Jangan sampai terlalu asyik melayan media sosial sehingga masa kerja terabai, kerja yang diberi tidak dapat disiapkan pada waktu yang sepatutnya. Perlu diingatkan, media sosial seperti blog, facebook, youtube dan twitter tidak sekadar menjadi ruangan sembang kosong atau hanya untuk meluangkan masa lapang. Media komunikasi ini turut menjadi satu cara ataupun medium yang digunakan semasa bekerja. Kita sebagai pengguna yang bekerjaya perlulah jujur semasa bekerja dengan pandai menilai dan memanfaatkan kemudahan yang disediakan. Hargailah masa bekerja kerana keberkatan rezeki kita dikira oleh Allah s.w.t.

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN ETIKA PENGGUNANYA

Fenomena yang sedang melanda dunia, tidak terkecuali juga negara kecil seperti Malaysia yang semakin maju dengan kemudahan telekomunikasi. Budaya membaca dikalangan masyarakat juga semakin berkurang. Perpustakaan kini hanya dikunjungi oleh pelajar-pelajar universiti yang masih memerlukan rujukan untuk membuat tesis dan tugas-tugas, tetapi bilangannya juga tidak menggalakkan. Pelajar-pelajar di universiti juga lebih suka mendapatkan bahan rujukan daripada “Mr.Google” yang mereka boleh dapatkan dengan cepat dan mudah. Tidak semua maklumat yang diberikan oleh “Mr.Google” boleh dipercayai kerana kesahihan sumber tidak dapat dipastikan. Pengguna mestilah bijak menilai dan menapis maklumat yang dicapai supaya maklumat yang disampaikan tepat dan benar. Jika maklumat yang diterima tidak dinilai dan ditapis terlebih dahulu, takut nanti kita juga menjadi salah seorang penyumbang kepada berita palsu yang mungkin memberikan kesan negatif kepada seseorang ataupun negara. Firman Allah s.w.t. “Hai orang-orang yang beriman! Kalau datang kepada kamu orang fasik membawa berita, periksalah dengan saksama supaya kamu tidak mencelakakan suatu kaum dengan tidak diketahui, kemudian kamu menyesal atas perbuatan itu” (Ayat 6 : Surah Al-Hujurat). Allah telah berfirman kepada manusia di dalam kitabNya, setiap berita yang diterima mestilah dikaji dan diselidik dahulu kesahihannya sebelum kita membuat keputusan, di mana takut nanti keputusan yang diambil akan menyebabkan kita menyesal di kemudian hari.

Sejak perkembangan media sosial, kita dapati banyak blog telah muncul dan kebanyakan penulisan yang dibuat adalah tidak berdasarkan fakta yang tepat. Penulisan-penulisan blog sejak kebelakangan ini telah memberi kesan kurang sihat terhadap perpaduan negara, kita perlu sedar bahawa keselamatan negara telah terbuka dengan pelbagai ancaman. Meningkatkan ketelusan (transparency) tentang pemerintah, dan ia turut membuka ruang kepada rakyat Malaysia bagi membincangkan isu-isu politik sama ada penyokong kerajaan atau pembangkang. Kita juga dapat melihat kadar celik politik masih rendah di kalangan masyarakat negara kita kerana perbincangan di laman sesawang itu hanya tertumpu pada hal-hal peribadi, fitnah antara satu pihak dan pihak yang lain serta memanipulasikan fakta yang betul. Media sosial turut menjadi saluran alternatif maklumat dalam mempromosikan nilai demokratik, ramai pengguna yang kurang berhati-hati apabila melemparkan tuduhan atau pendapat ada kalanya menggunakan kata-kata yang kesat tanpa mempedulikan perasaan orang lain. Kita juga dapat melihat bahawa pelayar media sosial turut mempunyai pengetahuan sejarah yang minima kerana kita jarang melihat perbincangan atau pendapat yang agak rasional di media sosial dan blog-blog. Pelayar media sosial ataupun masyarakat perlu bijak dengan menyemak kesahihan sesuatu informasi yang tersebar di media sosial dan jangan mudah viralkan informasi-informasi tersebut bagi mencegah kemungkaran yang lebih besar. Masyarakat perlu meningkatkan kesedaran kebertanggungjawaban dan bertindak berdasarkan undang-undang, jika merasakan informasi yang tersebar di media sosial adalah tidak betul dan menjatuhkan maruah seseorang, buatlah aduan kepada pihak berkuasa atau melakukan demonstrasi secara aman supaya wujud suasana positif dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Media sosial dan masyarakat tidak dapat dipisahkan lagi pada masa ini. Namun untuk menjaga kepentingan masyarakat serta keselamatan negara di dalam dunia globalisasi ini, masyarakat haruslah mematuhi undang-undang dan prosedur yang telah ditetapkan untuk menggunakan laman media sosial. Masyarakat juga perlu mengetahui etika yang luhur supaya tidak melanggar batasan yang digariskan agar dapat membentuk sahsiah yang baik. Media sosial sebenarnya boleh memberi impak yang positif kepada masyarakat, jika medium itu digunakan sebaiknya. Namun, impak media sosial akan menjadi negatif sekiranya berlaku

penyelewengan terhadap penggunaannya. Keadaan masyarakat kita yang semakin menjauhi media massa amat membimbangkan. Ini kerana bahan rujukan utama masyarakat global hari ini adalah media sosial di mana sumber-sumber ini tidak dapat dikenalpasti kesahihannya. Masyarakat yang sukakan gaya hidup yang cepat dan mudah inilah yang menyebabkan mereka menjadikan media sosial sebagai sumber rujukan utama kerana ianya mudah dicapai di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Perkara yang amat membimbangkan pada masa ini, di mana laman media sosial telah disalahgunakan sebagai tempat untuk menyebarkan fitnah dan menyebarkan berita-berita yang tidak ada kesahihannya sehinggakan menimbulkan kekacauan, berita palsu dan lemparan fitnah. Nilai amanah dalam diri kakitangan sama ada sektor awam ataupun swasta sudah hilang. Kes-kes kebocoran maklumat juga semakin berleluasa. Sebagai seorang pekerja yang beramanah, mestilah tahu bukan semua perkara boleh dikongsi bersama orang lain, ada sesetengah perkara yang perlu untuk dirahsiakan. Jika perkara sulit turut dikongsi di laman sosial, boleh memberikan kesan yang negatif dan keburukkan kepada syarikat, agensi atau kerajaan.

Kesan perkembangan media sosial secara umumnya telah membawa perubahan kepada sistem pendidikan di seluruh dunia tidak terkecuali juga di Malaysia. Menurut Alvin Toffler (1983), perubahan ini dikatakan sebagai 'gelombang ketiga' merupakan suatu perubahan kepada tamadun dunia. Sebagai contoh perkembangan teknologi komputer dan seterusnya perkembangan ICT (Information Communication and Technology) telah banyak mempengaruhi sistem pendidikan kini. Oleh yang demikian, Matnor Daim (1997) menyatakan bahawa pembelajaran abad ke 21 akan banyak bergantung kepada teknologi maklumat khususnya penggunaan komputer. Perubahan ini secara langsung melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran dan pentadbiran pendidikan. Strategi pembelajaran menggunakan komputer dan internet dalam pendidikan menunjukkan banyak peningkatan dari segi pengetahuan, kecekapan dan kemahiran. Menurut Tylor (1980) banyak kajian-kajian berasaskan komputer dan multimedia dan internet yang disebut sebagai pembelajaran berasaskan komputer meninggalkan kesan positif terhadap proses pembelajaran. Namun demikian, secara realitinya proses pembelajaran di pusat pengajian tinggi tidak memanfaatkan sumber pembelajaran melalui internet dan pusat sumber elektronik secara optima, kerana dalam proses pembelajaran di pusat pengajian tinggi masih ada kecenderungan pembelajaran berpusat kepada pensyarah (teacher centered), textbook centered dan monomedia. Sebenarnya pendidikan di pusat pendidikan tinggi merupakan synthetic science, kerana konsep, generalisasi dan temuan-temuan penelitian ditentukan atau diobservasi melalui fakta yang terjadi. Informasi fakta tentang kehidupan sosial atau masalah-masalah yang terjadi dalam masyarakat dapat diperolehi dalam penerokaan (exposure) media massa, kerana media massa diyakini dapat menggambarkan realiti sosial berbagai aspek kehidupan. Walaupun perkembangan media sosial dan teknologi maklumat memang memainkan peranan yang besar dalam sistem pendidikan masa kini, namun bahan-bahan rujukan ilmiah seperti buku, jurnal, majalah dan media massa yang lain masih memberikan peranan yang besar terutamanya tentang kesahihan maklumat yang dapat dipastikan sumbernya dengan jelas.

Penggunaan media sosial bagaimanapun tidak semestinya dikaitkan dengan aktiviti yang negatif semata-mata kerana terdapat juga aplikasi media sosial yang bersesuaian untuk aktiviti bercorak akademik yang dapat mendatangkan kebaikan. Namun begitu, pada peringkat usia pelajar-pelajar sekolah menengah, agak sukar untuk mereka mengerti bagaimana media sosial seperti facebook boleh dimanfaatkan bagi tujuan akademik. Secara

umumnya penggunaan media sosial adalah sangat berpengaruh terhadap sikap penggunanya yang boleh mendatangkan kesan negatif. Pengguna yang dikategorikan sebagai ketagih dalam facebook atau media sosial lain, akan menyebabkan berlaku penurunan produktiviti kerja, prestasi pendidikan dan kepincangan dalam kehidupan bersosial. Manakala dalam konteks akademik, pelajar yang melayari laman facebook secara berlebihan dan meluangkan masa melayari laman sosial tersebut lebih lama berbanding dengan menumpukan masa dalam pelajaran. Terdapat banyak kajian berhubung media sosial mendapati pelajar-pelajar sekolah yang gemar melayari media sosial khususnya facebook adalah untuk mendapatkan hiburan dengan cara bersembang di rangkaian sosial atau chat, memuat turun lagu, klip video, gambar dan bermain game. Kajian juga mendapati remaja di negara ini cenderung untuk melayari sesuatu media sosial tertentu seperti friendster dan facebook kerana mempunyai perasaan memiliki sense of belonging yang kuat (Adham Shadan, 2010). Menurut Rozinah Jamaludin (2007), pelajar sekolah sering terlibat dalam isu ketagihan media internet disebabkan oleh ketiadaan disiplin dalam diri pelajar, pengurusan masa yang tidak teratur dan tiada kawalan daripada keluarga atau orang lain yang lebih dewasa.

Beberapa strategi dan cadangan telah dikaji dalam menangani ketagihan masyarakat terutamanya pelajar sekolah mengakses laman media sosial. Dalam usaha membudayakan penggunaan media sosial di dalam dunia globalisasi ini, kita tidak boleh menyekat masyarakat daripada menggunakan media sosial terutamanya facebook tetapi perlu mengambil langkah mengawal dan memantau kegiatan terutamanya pelajar, supaya mereka tidak terpengaruh dengan anasir-anasir negatif sehingga melalaikan mereka seterusnya merosakkan akhlak. Peranan ibu bapa dalam menangani masalah ini adalah sangat penting. Ibu bapa boleh mendidik dan mendisiplinkan anak-anak mereka dengan memantau kegiatan anak-anak mereka di rumah. Bagi seseorang individu itu pula, mereka perlulah mendisiplinkan diri mereka dalam menentukan masa yang sesuai dan tentukan berapa lama untuk melihat facebook dalam sehari. Menurut Mohammad Aziz Shah (2013), walaupun agak sukar untuk mengatasi masalah ketagih facebook ini namun jika kita boleh mendisiplinkan diri untuk kuarantinkan masa facebook dan fokus kepada aktiviti lain yang lebih berfaedah itu adalah lebih baik. Sesungguhnya kita patut sedar bahawa media sosial ini umpama umpan untuk kita membuang masa daripada dunia yang sebenar dan membunuh masa manusia setiap hari. Seperti dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud “ Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan saling menasihati dalam kebenaran, dan saling menasihati dalam kesabaran.”(Surah Al-‘Ashr).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, jika sesuatu budaya yang baik itu dapat diterapkan di dalam sesuatu masyarakat, kita akan dapat lihat kesannya bukan secara tiba-tiba tetapi mungkin 10 atau 20 tahun akan datang. Generasi sekaranglah yang akan membentuk generasi akan datang, jika berjaya kita hari ini maka cemerlanglah generasi kita pada masa depan. Menjadi pengguna yang bijak dan berdisiplin serta bermanfaat kepada media sosial, tidak menyalahgunakan kemudahan teknologi serta menjadikan ianya hanya untuk mengisi masa terluang serta menjadikan media sosial sebagai rujukan dengan bijak dengan mengenalpasti kesahihan sumbernya. Kehidupan di dunia yang semakin singkat ini eloklah kita menjadi sebuah masyarakat yang bermoral dan bermaklumat, bukannya masyarakat yang sering mencari dan menyebarkan kesalahan orang lain. Sebagai ibu bapa kitalah contoh kepada anak-anak. Lebihkanlah masa mendampingi dan mendengar luahan hati anak-anak kerana merekalah masa

depan kita, jangan sampai media sosial merapatkan hubungan yang jauh tetapi menjauhkan orang yang berada hampir dengan kita. Kita perlu menunjukkan teladan yang baik atau memimpin usaha bagaimana untuk menjadikan media sosial sebagai tempat perbincangan yang membina, samada di facebook, twitter atau jaringan sosial yang lain. Dalam usaha membudayakan masyarakat berhemah dalam penggunaan media sosial, sudah pasti akan ada kumpulan kecil yang akan memperjuangkan ideologi dan sikap ekstrim, tetapi ia tidak sepatutnya menjadi penghalang bagi kita menyuarakan pandangan bersifat sederhana serta wasatiyyah.

RUJUKAN

- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johardy Ibrahim (2010, Jun 6). Facebook hampiri angka 500 juta pengguna. Utusan Malaysia. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my>.
- Borhan Abu Samah. (2010, Febuari 27). Facebook punca masalah sosial kalangan remaja Indonesia. Utusan Malaysia. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my>
- Adham Shadan. (2008, Ogos 3). Friendster atau Facebook?. Kosmo. Diakses daripada <http://www.kosmo.com.my>.
- Adham Shdan. (2010). 18 SMS Sehari. Kosmos. Diakses daripada <http://www.kosmos.com.my>
- Rozinah Jamaludin .(2007). Internet dalam pendidikan. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Arief Achmad . (2004). Pemanfaatan Internet sebagai Sumber Pembelajaran IPS. Bandung: SMAN 21 Bandung.
- Matnor Daim. (1997). Ucapan utama pendidikan Malaysia di Abad ke 21, Persidangan Discovery Malaysia 1997. Shah Alam : 3-5 Jun 1997.
- Taylor, R. (1980). The Computer In The Scholl, Tutor, Tool, Tutee. London:teacher College Press.
- Toffler, A. (1983). Previews & Premises: An Interview With True Author Of Future Shock And The Third Wave Previews And Premises. New York:W.Morrow
- Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial dalam Sektor Awam(2015). Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia(MAMPU).
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, (2013). Startegi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah:Satu Kajian Kes:100-101

KAEDAH PENGAJARAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT

Saniah binti Mohamed Shahid
Kolej Komuniti Sungai Siput
Email: saniahm.shahid@gmail.com

Mohd Rashidi bin Omar
Kolej Komuniti Chenderoh

Azuwin binti Abd. Rahim
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa mengalami perubahan selaras dengan hasrat negara bagi melahirkan generasi yang bersedia menghadapi cabaran baru dalam era globalisasi. Tugas seorang pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga melahirkan pelajar yang holistik, berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran. Islam telah membekalkan struktur kaedah pengajaran yang komprehensif, sempurna dan menyeluruh. Kaedah pengajaran Islam ialah daripada struktur penurunan al Quran serta dicontohi daripada perlakuan Rasulullah s.a.w. Ia merupakan kaedah yang paling ulung serta amat dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membentuk peribadi yang serba lengkap dan sempurna. Sehubungan itu, kajian ini akan menghuraikan beberapa kaedah pengajaran beserta contoh berdasarkan al-Quran al-Karim. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Pengumpulan data dilakukan menggunakan metode dokumentasi melalui penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan dan lain-lain. Hasil kajian ini hanya menerangkan beberapa kaedah pengajaran sahaja berdasarkan al Quran al Karim dan tokoh Barat iaitu kaedah inkuiri, refleksi, pandang dengar, pengembaraan dan latih tubi . Hakikatnya terdapat banyak lagi kaedah-kaedah pengajaran dirakamkan di dalam al Quran yang sebenarnya kaedah tersebut telahpun digunakan dan diamalkan oleh para pendidik masa kini mengikut kaedah-kaedah yang diperkenalkan oleh cendekiawan pendidikan di Barat.

KATA KUNCI: *Kaedah Pengajaran, al Quran dan barat.*

PENGENALAN

Kejayaan pendidikan Rasulullah s.a.w selain berkait rapat dengan kebijaksanaan baginda sendiri, kejayaan itu juga berkait rapat dengan dirinya sebagai utusan Allah S.W.T. Faktor ini menjadikan metodologi dan teknik yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w dengan berpandukan wahyu al Quran (Kamarul Azmi, 2007). Hal ini jelas dinyatakan dalam firman Allah S.W.T dalam surah an Najm yang bermaksud :

“Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada al Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya”. (An Najm :3-4)

Sokongan wahyu yang dijelaskan oleh Allah S.W.T ini membawa maksud bahawa pendidikan Rasulullah s.a.w kepada para sahabatnya merupakan pendidikan yang dipimpin sendiri oleh Allah S.W.T. Oleh sebab itu Allah mencipta sekalian alam termasuk manusia, sudah tentu Dia Maha mengetahui teknik yang terbaik untuk mendidik umatnya.

Justeru itu, baginda mempunyai bahan pengajaran yang lengkap yang sedikit pun tidak ada kekurangan. Hal ini disebabkan oleh wahyu tersebut datang daripada Allah S.W.T. Al Quran ialah kitab Allah yang tidak sedikitpun mempunyai kekurangan dan keraguan.

Firman Allah S.W.T dalam surah Al An'am :

“Tiadalah kami alpakan suatu pun dalam al Kitab”. (Al An'am, 6 : 31)

Islam telah membekalkan struktur kaedah pengajaran yang komprehensif, sempurna dan menyeluruh. Kaedah pengajaran Islam ialah daripada struktur penurunan al Quran serta dicontohi daripada perlakuan Rasulullah s.a.w. Ia merupakan kaedah yang paling ulung serta amat dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membentuk peribadi yang serba lengkap dan sempurna.

Kaedah pengajaran yang disebut di dalam al Quran ini juga dapat dilihat gunapakai dalam pendidikan awam yang diadaptasi mengikut cara barat yang dipanggil teknik pengajaran moden di dalam pendidikan. Teknik-teknik ini berjaya memberi kefahaman yang jelas kepada anak-anak (M. Vijaya, 2019). Banyak model pengajaran yang berlandaskan proses pengajaran dikaji dan dibina oleh pakar-pakar pendidik bertujuan menghasilkan proses pengajaran yang berkesan (Rohizani, Shahabuddin & Zohir, 2007). Antara persamaan yang dilihat iaitu melalui model pemprosesan maklumat, model tingkah laku, model sahsiah dan model sosial. Sehubungan penulisan ilmiah ini akan menghuraikan beberapa kaedah pengajaran beserta contoh berdasarkan al-Quran al-Karim.

KAEDAH PENGAJARAN BERDASARKAN AL QURAN DAN PERSEPSI BARAT

Menurut Ghazali Basri (2018), kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dengan pendidikan sekular secara dasarnya tidak mempunyai perbezaan kerana kedua-duanya melihat keberkesanan sebagai matlamat utamanya. Faktor perubahan yang berlaku dengan cepat terutama dalam teknologi komunikasi dan ICT, sudah pasti akan berlaku pelbagai adaptasi kaedah lama dengan keadaan semasa.

Islam yang bersifat fleksibel (murunah) dan terbuka ia menerima apa sahaja kaedah yang baik asalkan tidak bertentangan dengan nilai Islam. Namun demikian disebabkan sifat pendidikan Islam ditunjangi oleh pendidikan asasnya iaitu 'ulum al Quran dan 'ulum al-Hadith, maka sudah pasti penekanan yang akan diberikan amat berlainan dengan sistem pendidikan sekular.

Manakala kaedah cara pengajaran barat ini sentiasa berubah mengikut perkembangan pendidikan dari semasa ke semasa selagi mana ianya berkesan untuk mencapai hasil pembelajaran (Rohizani, Shahabuddin & Zohir, 2007).

Terdapat banyak kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam al-Quran al-Karim bahkan kebanyakan kaedah-kaedah tersebut telahpun digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran masa kini seperti berikut :

Kaedah Inkuiri (at -Tahqiq)

Kaedah inkuiri dalam pengertian yang luas merupakan salah satu kaedah yang sangat dianjurkan. Al-Quran menekankan penggunaan akal ke tahap maksimum bagi memperoleh, memahami serta mengaplikasikan setiap maklumat bersifat ilmu bagi tujuan kehidupan manusia (Ghazali Basri, 2017).

Menurut Keselmen (2003) pembelajaran berasaskan inkuiri adalah satu strategi untuk mendidik di mana pelajar mengikuti kaedah dan menggunakan amalan yang sama dengan saintis yang profesional untuk mendapatkan pengetahuan.

Berfikir secara analisis dan sintesis termasuk dalam kaedah inkuiri. Ianya dilakukan secara individu iaitu tidak melibatkan dialog dalam soal-jawab: ada soalan dan ada jawapan. Berfikir secara analisis dan sintesis memerlukan latihan sejak di peringkat persekolahan lagi. Oleh itu, matapelajaran mantik (logik) diperlukan untuk kemahiran ini. Fakta ini disokong oleh Pedaste, Mäeots, Leijen, & Sarapuu (2012) yang mendefinisikan ianya adalah satu proses merumus hipotesis dan menguji dengan melakukan eksperimen dan/atau membuat pemerhatian.

Kaedah bertanya juga dapat memberi keyakinan yang lebih mendalam dan boleh menenangkan fikiran. Keraguan akan terhindar apabila jawapan yang meyakinkan diberikan. Peristiwa ini dirakamkan dalam al-Quran apabila Nabi Ibrahim a.s sendiri bertanya kepada Allah supaya menunjukkan Allah menghidupkan “yang mati”, lalu Allah berkata kepada Ibrahim:

Terjemahannya: Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata: “Ya Tuhanku, perlihatkan padaku bagaimana Engkau menghidupkan orang mati” Allah berfirman: “Belum yakinkah kamu?”. Ibrahim menjawab: “Aku telah meyakini, akan tetapi agar hatiku tetap mantap (dengan imanku)”. Allah berfirman: (Kalau demikian) ambillah empat ekor burung lalu cincanglah semuanya olehmu, (Allah berfirman): “lalu letakkan di atas tiap-tiap satu bukit satu bahagian dari bahagian-bahagian itu, kemudian panggillah mereka, niscaya mereka datang kepadamu dengan segera”. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (al Baqarah: 260)

Daripada maksud ayat di atas, kesimpulan yang dapat dibuat adalah menerusi pertanyaan Nabi Ibrahim secara jujur meluahkan perasaan hatinya yang sekian lama tidak tenang kerana ingin tahu sehingga Allah sendiri memberikan jawapannya. Kaedah ini dilihat sebagai satu cara menggunakan kemahiran menganalisa dalam menyelesaikan masalah (Pedaste & Sarapuu, 2006).

Kaedah Refleksi (al-Mulahazat az Zatih)

Merujuk kepada satu peristiwa ketika Nabi Muhammad s.a.w membaca surah Ali Imran dari ayat 190 - 191:

Yang bermaksud: “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): Ya Tuhan kami, tiadalah



Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari seksa api neraka". (Ali Imran: 190-191)

Baginda menangis sepanjang malam kerana begitu terkesan serta insaf akan kebesaran Allah S.W.T yang menciptakan alam semesta. Baginda amat terkesan apabila menyebut perkataan ulul albab seperti yang terkandung dalam ayat 190. Perkataan ulul albab ini berasal lubb yang bermaksud teras atau inti kepada sesuatu. Ini bererti orang yang bergelar ulul albab adalah orang yang benar-benar memahami dan menghayati sesuatu sampai kepada hakikat iaitu bukan setakat luaran. Oleh kerana Nabi benar-benar memahami perkataan tersebut, keadaan demikian menyebabkan Nabi tidak dapat menahan diri lalu menangis. Sewajarnya Nabi berbuat demikian untuk memberi reaksi yang betul bagi menzahirkan kesan jiwa yang mendalam tentang kekerdilan diri di hadapan Allah Taala apabila membaca ayat-ayat yang berbentuk alami (kawniyyat).

Kaedah ini menyerupai teori belajar sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura (1977), pembelajaran manusia berlaku dengan cara memerhatikan orang lain melakukan sesuatu.

Kaedah Pandang Dengar (Wasail al-Idoh)

Kaedah ini dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam peristiwa Israk dan Mikraj sebagaimana firmanNya dalam surah al Israk ayat pertama yang bermaksud :

"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".

Kesimpulan daripada ayat tersebut, Rasulullah telah dibawa berjalan dari Mekah ke Baitul Maqdis pada satu malam, diperlihatkan dan didedahkan kepada pelbagai peristiwa dan kejadian sepanjang pengembaraannya. Peristiwa-peristiwa yang diperlihatkan itu berkait rapat dengan ilmu dan pendidikan yang boleh melahirkan insan yang beriman dan bertakwa. Justeru itu, Baginda bukan sahaja diisrak dan dimikrajkan, bahkan diperlihatkan pelbagai peristiwa menerusi penyaksian pancainderanya yang diinterpretasikan semula oleh malaikat Jibril, dengan kata lain pengembaraan yang merangkumi kisah-kisah serta gambaran yang menjelaskan kisah tersebut agar dapat menguatkan lagi daya ingatan dan keyakinan Rasulullah s.a.w.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dikembangkan seperti itu boleh dinamakan sebagai kaedah pandang dan dengar (audio visual) dan kaedah pengembaraan (rehlah). Hasil daripada dua kaedah yang disepadukan tersebut sungguh berkesan dalam pengukuhan ilmu dan pembentukan peribadi umat pada zaman Rasulullah s.a.w.

Teori sama yang diperkenalkan oleh Gagne (1975) dalam bukunya dan telah diterangkan secara terperinci oleh Rohizani, Shahabuddin & Zohir (2007), apabila rangsangan maklumat diterima dari persekitaran luar masuk melalui sistem saraf deria manusia, ia kemudian disimpan dalam stor ingatan jangka masa panjang dan selepas itu bertindak balas melalui sistem saraf.

Kaedah Pengembaraan dan Lawatan (Rehlah)

Firman Allah S.W.T dalam surah Fathir yang bermaksud :

“Dan sebagai buktinya): tidakkah orang-orang (yang tidak mahu beriman) itu telah mengembara di muka bumi, lalu mereka menyaksikan bagaimana kesudahan orang-orang kafir yang terdahulu dari mereka, sedang orang-orang itu lebih kekuatannya dari mereka? Dan (sudah tetap) bahawa kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan atau dihalangi oleh sesuatupun sama ada di langit atau di bumi; sesungguhnya Ia adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa”. (Fathir : 44)

Kaedah pengembaraan atau lawatan yang ditunjuk oleh al Quran dan diamalkan oleh Rasulullah dalam mendapatkan ilmu pengetahuan serta pendidikan, telahpun diteladani oleh pendidik-pendidik Islam kemudiannya. Mereka menganggap mempelajari ilmu pengetahuan melalui kaedah tersebut adalah berkesan, terutama tentang pembelajaran ilmu hadis sejarah, bahasa dan kesusasteraan.

Kaedah pengembaraan ini bersesuaian dengan konsep pengajaran berasaskan pengalaman peribadi setiap manusia oleh Lev Semenovich Vygotsky yang dipanggil model sosial seperti yang diperincikan oleh Rohizani, Shahabuddin & Zohir (2007)

Kaedah Latih Tubi (al-Mulazamah)

Dalam Islam, kaedah latih tubi telah digunakan oleh malaikat Jibril sewaktu mengajar Rasulullah s.a.w membaca ayat dalam surah al Alaq yang bermaksud :

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk),Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”. (al Alaq 1-5)

Baginda diajar membaca berulang kali. Kali pertama Rasulullah menjawab tidak tahu, sehingga kali yang ketiga baharulah baginda dapat membacanya. Membaca berulang kali merupakan prinsip utama dalam latih tubi, iaitu corak pengajaran bagi memberikan kemahiran dan kecekapan dalam pengajaran yang melibatkan lisan. Demikian juga kemahiran pergerakan otot. Kaedah ini digunakan dengan meluas dari zaman ke zaman dan masih lagi relevan sehingga ke hari ini. Kaedah latih tubi merupakan strategi dalam kaedah konvensional yang sering digunakan oleh guru di sekolah (Azrin, 2015). Contohnya, membaca al Quran diajar dengan kaedah latih tubi .

KESIMPULAN

Pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran sentiasa berubah dengan pelbagai kaedah pedagogi dan andragogi terutamanya dari barat diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Malangnya teknik dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran menurut perspektif Islam kurang ditonjolkan dalam sistem pendidikan.

Justeru itu, penulisan ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terdapat dalam al Quran di samping dikaitkan kaedah yang diperkenalkan oleh Barat. Antaranya kaedah inkuiri berdasarkan surah Ibrahim ayat 260, kaedah refleksi berdasarkan surah Ali Imran ayat 190 hingga 191, kaedah pandang dan dengar (audio visual) berdasarkan surah al Isra’ ayat pertama, kaedah pengembaraan dan lawatan berpandukan surah Fatir ayat 44, kaedah latih tubi berpandukan surah al Alaq ayat satu hingga lima.



Pada hakikatnya banyak lagi kaedah pengajaran yang terdapat di dalam al Quran yang yang perlu dikaji dan dikeluarkan daripada sumber yang agung ini. Begitu juga teknik pengajaran dan pembelajaran yang diperkenalkan oleh para pengkaji dan cendekiawan sekarang. Kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam penulisan ini adalah sebahagian daripada kaedah yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan daripada buku, artikel jurnal dan sebagainya.

Mudah-mudahan penulisan ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga pendidik dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mengikut strategi dan teknik pengajaran dalam al Quran dan teknik Nabi Muhammad s.a.w dalam mendidik para sahabat dan umatnya.

RUJUKAN

- Al Quran dan Terjemahannya. (2007). Kuala Lumpur. Pustaka Darul Iman Sdn Bhd.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah (2015). Rasulullah Pendidik Terulung : 40 Teknik Rasulullah & Mengajar. Terjemahan Dr Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: Al Azhar Media.
- Abdullah Ishak, Dr, (1989). Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: al Rahmaniah.
- Ahmad Mohd. Salleh (2011). Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Khailani Mohamed (2003). Pengurusan Pendidikan di Sekolah : Huraian Menurut Perspektif Islam. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Al Abrasyi, Mohd Atthiyah (-). Ruh At-Tarbiyyah Wa al-Ta'lim. Kaherah : Isa al-Babi al Halabi Wa Syurakahu.
- Al Nu'my, Abdullah Amin (1994). Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al Qabisi (Terjemahan). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Albert Bandura (1977). Social Learning Theory. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Azmil Hashim, Kamarul Azmi Hasmi (2016). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd, Khairulaniza, Siti Khadijah & Nurhidayah (2013). Mendorong Pelajar Corot dengan Teknik Nabi Muhammad. Kuala Lumpur, Buku Pandai Publications.
- Azrina Sazali (2015) Sejauh Manakah Kaedah Latih Tubi Masih Relevan Dalam Pendidikan Matematik?. <http://cikgunona.blogspot.com>
- Ghazali Basri (2017). Pendidikan Islam : Huraian Konsep dan Aplikasi. Selangor :IDE Research Centre Sdn Bhd.
- Ghazali Darusalam (2001). Pedagogi Pendidikan Islam. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Hasan Langgulung. (1986). Pengenalan Tamadun Islam dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibnu Mandhur, Jamal Al Din Muhammad Ibn Mukram.(1990). Lisan al Arab. Jilid 1-15. Beirut. Dar Sadir.
- Ismail Noor (2004) Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W Pengurusan Altruistik Model Ikutan Sepanjang Masa. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Kamarudin Hj Husin (2003). Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi. Subang Jaya. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Abdul Aziz (2004). Pedagogi Asas Pendidikan. Kuala Lumpur. Kayazano Enterprise.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan. (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keselman A. (2003) Supporting Inquiry Learning by Promoting Normative Understanding of Multivariable Causality. *Journal of Research in Science Teaching*, Vol 40, Isu 9 mukasurat 898-921
- Maria Chong, Samsilah dan Tajularipin. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi : Satu Anjakan Paradigma. Univerisiti Putra Malaysia.
- Noor Aini Ahmad (2018). Pengajaran dan Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noor Hisham Mat Dawi (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran.
- Pedaste M., Sarapuu T. (2006) Developing an Effective Support System For Inquiry Learning In A Web-Based Environment. *Journal of Computer Assisted Learning*, Vol 22, Isu 1 mukasurat 47-62.
- Pedaste, M., Mäeots, M., Leijen, Ä., & Sarapuu, S. (2012) Improving Students' Inquiry Skills Through Reflection and Self-Regulation Scaffolds. *Technology, Instruction, Cognition and Learning*. Vol 9, Isu 1-2, mukasurat 81–95.
- Robert Mills Gagne (1975) *Essentials of Learning for Instruction*. University of Wisconsin Madison. Dryen Press
- Rohizani Yaakub, Shahabuddin Hashim, Mohd. Zohir Ahmad (2007) *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Universiti Sains Malaysia. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Vijayalakshmi Murugesan (2019). *Modern Teaching Techniques in Education*. Bharathiar University. Conference Paper.
- Zaidatul Akmaliah, Habibah Ellias (1190). *Strategi Pengajaran Kemahiran Hidup Perdagangan dan Keusahawanan KBSM*. Shah Alam. Fajar Bakti Sdn Bhd.

FIQH AL-TARBIAH: ANALISIS RINGKAS NARATIF SIRAH NABAWIYYAH DALAM KONTEKS PENDIDIKAN ISLAM

Mohd Rashidi bin Omar
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: mohd.rashidi@kkche.edu.my

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Saniah binti Mohamed Shahid
Kolej Komuniti Sungai Siput

ABSTRAK

Acuan Fiqh Tarbiah dalam dimensi sirah merupakan suatu asas pendidikan yang berlandaskan sunnah dan sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w. Pendidikan daripada sirah nabawiyyah adalah suatu unsur yang sangat signifikan dalam kurikulum, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di pelbagai peringkat pengajian untuk melahirkan umat Islam yang cemerlang sebagaimana kegemilangan umat Islam terdahulu. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Pengumpulan data dilakukan menggunakan metode dokumentasi melalui penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan dan lain-lain. Hasil kajian ini menunjukkan pelaksanaan fiqh tarbiah berteraskan sirah nabawiyyah terhadap individu, keluarga dan masyarakat perlu dibugarkan kembali dalam kehidupan seharian. Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan lagi bahawa, sirah nabawiyyah sangat penting untuk dipelajari, dihayati dan diamalkan. Sebagai seorang Muslim yang beriman dengan Allah s.w.t dan Rasul-Nya, kita sepatutnya menjadikan sirah perjalanan hidup baginda s.a.w sebagai ikutan dan petunjuk dalam setiap perkara dalam hidup ini demi meningkatkan rasa takwa dan memperolehi keberkatan di dunia dan akhirat.

KATA KUNCI: *Fiqh Tarbiah, Pendidikan, Sirah Nabawiyyah*

PENGENALAN

Fiqh Tarbiah atau Fiqh Pendidikan atau Fiqh of Education adalah suatu ilmu fekah yang mengkaji suatu kefahaman atau hukum hakam yang terperinci berkaitan pendidikan dalam sesebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Terminologi fiqh ini merupakan cabang baharu dalam perbendaharaan ilmu fiqh. Tidak dinafikan fiqh ini khusus bagi mengatasi kepincangan pendidikan umat Islam yang hidup dalam konteks negara tunggal dari negara-negara di dunia yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya. Sudah semestinya terlalu banyak cabaran yang pelik dan unik yang hanya berlaku di negara ini seperti Malaysia memerlukan suatu kerangka penyelesaian yang relevan berlandaskan kepada perbincangan kefahaman yang lebih segar dan lebih kontemporari mengikut Falsafah Pendidikan Negara (FPK) serta Falsafah Pendidikan Islam (FPI) demi kemaslahatan bersama. Hakikatnya, fiqh tarbiah juga bukan sekadar wacana perundangan atau peraturan atau perbincangan



pendidikan semata-mata bahkan perkara ini menjadi suatu kajian yang memerlukan muzakarah (perbicangan) atau pendapat yang realistik bagi memenuhi semua aspek pendidikan termasuk dalam skop dakwah yang luas dan terbuka di samping kontemporari kepada seluruh kaum di Malaysia khususnya umat Islam di sini.

Setengah perkara berkaitan pendidikan mungkin lekas sensitif jika dipandang dari perspektif yang kolot atau kefahaman yang dangkal tanpa mengambil kira sudut maqasid syariah (halatuju) dan manhaj (cara) dakwah yang luas. Walau bagaimanapun, bagi mendepani segala isu mendatang, kita memerlukan kebijaksanaan para sarjana Muslim kontemporari atau moden yang bertauliah, berkredibiliti dan berkebolehan untuk menelusuri dan memberikan pandangan yang logik, tuntas serta holistik bukannya kompleks atau menyusahkan bagi memberikan suatu pendedahan pengetahuan terhadap matlamat negara yang bersifat berkepelbagaian kaum seperti Malaysia ini (Muhammad Zulazizi, 2018).

Menurut Kamarul Azmi (2007), penghayatan terhadap ajaran Islam akan lebih mudah difahami apabila kita mengetahui sejarah kehidupan pembawa ajaran Islam itu sendiri iaitu Rasulullah s.a.w, para sahabat dan ulama ulung Islam. Melalui pengkajian sirah, kita dapat menghayati kehebatan Rasulullah s.a.w dan ketokohnya, mengenali tokoh sahabat dan ulama Islam. Keadaan ini seterusnya menggalakan umat Islam mencintai mereka, meneladani sifat dan akhlak mereka yang terpuji, mengasimilasikan cara kehidupan mereka serta mengamalkan segala ajaran yang dibawa oleh mereka.

Menurut Ahmad Sanusi Azmi (2018), perkataan fiqh memberi erti faham (idrak). Sirah pula adalah himpunan riwayat berkaitan kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. Manakala Fiqh Sirah bermaksud suatu ilmu untuk memahami dan meneroka perjuangan kehidupan Rasulullah s.a.w serta aspek aplikasinya terhadap kehidupan realiti.

Menurut Tengku Ibrahim Helmi Tengku Mohammad (2016), Sirah Nabawiyah berasal daripada kalimah Arab iaitu as-Sirah an-Nabawiyah. As-Sirah daripada segi sudut bahasa bermaksud sunnah, jalan, perbuatan dan sejarah yang berlaku ke atas diri seorang manusia atau selainnya. Manakala as-Sirah an-Nabawiyah dan al-Kutub as-Sirah, diambil daripada perkataan as-Sirah dengan makna: perjalanan kehidupan, termasuk di dalamnya berbagai-bagai peristiwa misalnya peperangan dan lain-lain. Dikatakan, “aku telah membaca sirah si fulan, bererti, kisah atau riwayat hidupnya”. Sirah Nabawiyah mencakupi tiga elemen iaitu:

- i. Sejarah kehidupan Nabi Muhammad s.a.w yang bermula sejak kelahirannya sehinggalah kepada kewafatannya.
- ii. Sejarah kehidupan para sahabat Nabi Muhammad s.a.w. Mereka ini dikatakan telah berjuang bersama baginda s.a.w dan membenarkan apa yang telah dijanjikan Allah s.w.t ke atas mereka.
- iii. Sejarah penyebaran Islam bermula sejak turunnya wahyu pertama (Surah al-Alaq) di gua Hira' yang telah disampaikan oleh malaikat Jibril a.s kepada baginda s.a.w, sehinggalah tersebarunya Islam ke seluruh jazirah Arab, dan kemudiannya sejarah manusia yang tertarik untuk menganut Islam secara beramai-ramai.

PELAKSANAAN FIQH TARBIAH BERLANDASKAN SIRAH NABAWIYAH

Riwayat kehidupan Nabi Muhammad s.a.w mempamerkan kepada seluruh manusia suatu contoh teladan yang terbaik. Baginda s.a.w bukan sahaja seorang pemuda Quraisy yang waras,



bijaksana, malah memiliki keperibadian yang dipercayai dalam kalangan keluarga dan sahabat. Baginda s.a.w merupakan seorang manusia yang lemah lembut dan bersopan santun dalam menyeru umat manusia ke jalan Allah. Seorang pejuang yang mengorbankan sepenuh usaha dan tenaga demi menyampaikan seruan Allah. Seorang ketua negara yang mengemudi bahtera pemerintahan dengan cekap dan pintar. Seorang suami yang halus pergaulannya, seorang bapa yang teliti dan bijak dalam menyempurnakan kewajipan terhadap anak serta isteri. Baginda s.a.w juga seorang panglima perang yang agung, cergas, penuh dengan taktik strategi persediaannya dan seorang muslim yang waras lagi bijak membahagikan dedikasinya kepada Allah, keluarga dan sahabat handai.

Tidak syak lagi bahawa, mempelajari sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w adalah seperti memahami sudut kemanusiaan. Oleh yang demikian, pelaksanaan fiqh tarbiyah berlandaskan sirah nabawiyyah perlu diperkukuhkan kembali terhadap individu, keluarga dan masyarakat.

Pelaksanaan Fiqh Tarbiyah Berteraskan Sirah Nabawiyyah Terhadap Individu

Antara pelaksanaan fiqh tarbiyah yang berteraskan sirah Nabi Muhammad s.a.w yang boleh dilaksanakan kepada setiap individu muslim ialah seperti:

Berusaha menyemai sifat mahabbah tentang Nabi Muhammad s.a.w dalam diri setiap individu muslim agar mengamalkan sunnah-sunnahnya selama 24 jam sehari semalam.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2018), mencintai Rasulullah s.a.w adalah termasuk dalam keimanan dan kemanisan iman. Hal ini bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad s.a.w sebagaimana yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a yang bermaksud:

“Tiga perkara jikalau sesiapa memilikinya, maka dia akan merasai kemanisan iman, seseorang yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya antara yang paling dicintainya, tidak mencintai seseorang melainkan kerana-Nya dan membenci untuk kembali kekufuran sepertimana dia tidak suka untuk dimasukkan ke dalam neraka.”

Mengenali baginda s.a.w membuatkan ramai manusia jatuh hati kepadanya. Setiap perbuatan sunnahnya menyenangkan hati orang yang mengamalkannya. Perbuatan orang yang mengamalnya, menjadi penyejuk mata bagi orang yang memandang. Biarpun sudah 1500 tahun baginda s.a.w sudah meninggalkan umatnya, sunnahnya tetap menjadi amalan seolah-olah dirinya masih hidup dalam kalangan umat.

Setiap orang ingin melakukan segala perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Tidak kira sama ada orang itu ialah Islam ataupun tidak. Begitu juga dengan para sahabat yang berlumba-lumba dalam mencontohi apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. waima perkara tersebut sekecil-kecil perkara.

Pada zaman kontemporari ini, terdapat banyak sumber bacaan yang menghimpunkan sunnah Rasulullah s.a.w, setiap masa bermula dari bangun tidur sehingga kembali tidur pada waktu malam. Selain itu, terdapat juga buku dilengkapi dengan amalan pada setiap hari dan waktu-waktu tertentu. Ini memudahkan para pembaca untuk mencari rujukan bagi setiap amalan Rasulullah s.a.w. dalam masa 24 jam. Turut dilampirkan ciri-ciri fizikal dan mukjizat Rasulullah s.a.w. bagi menambahkan rasa taa’jub (kagum) kepada baginda s.a.w. Antara buku yang menarik yang dicadangkan oleh penulis kepada pembaca ialah buku yang berjudul “Amalan 24 jam dalam kehidupan Rasulullah s.a.w” yang disusun oleh Zulkarnain Dollah (2015).



Dengan menghidupkan sunnah Nabi Muhammad s.a.w bermula dari bangun tidur sehingga kembali tidur, kehidupan seseorang muslim itu akan berasa tenang dan mendapat pahala melalui setiap amalan Nabi yang diamalkan setiap hari selama 24 jam.

Pelaksanaan Fiqh Tarbiah Berteraskan Sirah Nabawiyyah Terhadap Keluarga

Abdullah Nasih Ulwan (2017) menjelaskan berkaitan keperluan pendidikan iman oleh setiap ibu bapa dalam sesebuah institusi keluarga. Mereka wajib menerapkannya ke dalam jiwa anak-anak mereka sejak kecil dengan pendekatan dan pendidikan iman serta berasaskan ajaran-ajaran Islam supaya ia terikat dengan agama Islam lebih-lebih lagi berkaitan akidah dan ibadat, atau berhubung rapat dengan perkara metodologi dan peraturan. Selepas anak-anak diberikan tunjuk ajar dan didikan ini, maka mereka tidak mengetahui selain Islam ialah agama serta al-Quran sebagai imam dan Rasulullah s.a.w sebagai pemimpin serta contoh teladan.

Kefahaman pendidikan mengenai iman yang bersifat kamil yang diilhamkan daripada pesanan-pesanan Rasulullah s.a.w serta ajarannya bagi mengajarkan anak-anak tentang perkara keimanan, rukun-rukun Islam dan hukum-hukum syariat.

Berikut adalah sebahagian ajaran dan pesanan Nabi Muhammad s.a.w untuk membentuk keluarga yang beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t:

Perintah Allah memulakan hidup anak itu dengan mendengar kalimah “ La Ilaha Illa Allah”

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

Bukalah (ajarkanlah) anak-anak kamu kalimat pertama dengan “ La Ilaha Illa Allah” (tiada tuhan melainkan Allah) (Riwayat al-Hakim)

Pesanan Nabi ini bertujuan menjadikan kalimah tauhid (keesaan Allah serta syiar kemasukan agama Islam, bunyi pertama yang sampai kepada pendengaran kanak-kanak itu dan menjadikannya kata-kata yang pertama yang akan diucapkan dengan fasih dan juga menjadikannya sebagai kata-kata serta sebutan yang akan diingati selama-lamanya.

Memberikan pengenalan kepada anak-anak berkaitan hukum halal dan haram dari masa ia mula berfikiran.

Dari apa yang telah ditakhrij oleh Ibnu Jarir dan Ibnu al Munzir dari hadis Ibnu Abbas r.a yang berkata; *“Amalkan ketaatan kepada Allah, bertakwalah (takutilah) melakukan larangan-larangan Allah, perintahkanlah anak-anak kamu mentati suruhan Allah dan mengelakkan laranganNya, Sesungguhnya semuanya merupakan pelindung dari api neraka”.*

Hadis menjelaskan tentang kanak-kanak perlu difahamkan tentang perintah-perintah Allah s.w.t semenjak ianya mencelikkan matanya dari kecil lagi. Melatih mereka mematuhi serta mengelak dan menjauhi laranganNya. Jika kanak-kanak itu memahami hukum-hukum halal dan haram sejak ia berakal dan berhubung rapat dari kecil lagi dengan hukum-hukum syariat, pasti ia tidak akan mengenali lain dari agama Islam sebagai syariat dan metodologi.

Memerintahkan anak-anak melakukan ibadat apabila berumur tujuh tahun.

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :



Perintahkan anak-anak kamu bersembahyang semasa mereka berumur tujuh tahun, jika mereka tidak melakukannya sampai umur sepuluh tahun, pukullah mereka, juga pisahkan di antara mereka (lelaki dan perempuan) dari tempat tidur. (Riwayat al Hakim dan Abu Daud)

Terdapat juga perkara-perkara lain yang boleh diukur dengan sembahyang seperti puasa dengan melatih kanak-kanak itu berpuasa beberapa hari jika kanak-kanak itu tahan, dan membiasakannya melakukan haji jika bapanya berkemampuan.

Mengasuh anak-anak supaya mengasihi Rasulullah s.a.w serta keluarganya dan membaca al Quran al Karim

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

Didiklah anak-anak kamu supaya mempunyai tiga sifat (tabiat). Pertama kasih kepada Nabi kamu, kedua kasih kepada keluarganya dan ketiga membaca al Quran. Sesungguhnya pembawa (penghafaz/pembaca) al Quran akan mendapat lindungan arasy Allah pada hari yang tidak ada lindungan (dari azab sengsara) kecuali lindunganNya bersama-sama para NabiNya, serta orang-orang yang dipilih. (Riwayat at Tabrani)

Pecahan dari ini ialah mengajar mereka kisah-kisah peperangan Rasulullah s.a.w, sirah-sirah (sejarah hidup) para sahabat yang mulia, peribadi pemimpin-pemimpin agung dan peperangan-peperangan yang disebut dalam sejarah.

Pendekatan Fiqh Tarbiah Berpandukan Sirah Nabawiyah Terhadap Masyarakat

Pelbagai isu keruntuhan akhlak yang melanda masyarakat Islam kini berpunca kurangnya mereka terhadap kefahaman agama dan didedahkan dengan program-program hiburan yang melampau.

Antara pendekatan pendidikan melalui sirah nabawiyah boleh dilaksanakan dalam masyarakat kita ini adalah membentuk suasana dan persekitaran yang solehah dengan menghayati sirah perjalanan hidup Rasulullah s.a.w yang menjadi ikutan sepanjang zaman dan menghidupkan program-program menambahkan kecintaan kepada Rasulullah.

Antaranya ialah :

Penghayatan Sirah Memberi Kesan Maknawi Dalam Masyarakat

Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri (2014) menyatakan bahawa dengan kebijaksanaan dan kepintaran Rasulullah s.a.w. telah mengorak langkah membina asas-asas masyarakat baharu. Fenomena ini memberikan kesan yang mendalam yang terpamer melalui keperibadian mulia para sahabat Nabi Muhammad s.a.w.

Baginda sering mengajar, mendidik dan membersihkan jiwa mereka serta menggalakkan mereka berbudi pekerti mulia. Baginda mendidik mereka dengan adab kasih sayang, persaudaraan, sifat mulia, tekun beribadah dan mentaati pemerintah.

Seorang lelaki pernah bertanya kepada baginda:

Apakah ajaran yang terbaik? Jawab baginda: Kamu memberi makan dan mengucapkan salam kepada orang yang kamu kenal atau tidak kenal."

Baginda pernah bersabda :

"Tidak akan masuk syurga orang yang jirannya berasa tidak selamat dengan kejahatannya"



Sabda Rasulullah s.a.w :

“Orang Islam itu ialah apabila orang Islam lain berasa selamat daripada keburukan lidah dan tangannya.”

Sabda Rasulullah s.a.w :

“Bukanlah orang mukmin jika ia mengenyangkan dirinya sedangkan jiran sebelahnya dalam kelaparan”.

Baginda menjadikan kerja membuang gangguan di jalan sebagai satu sedekah dan menghitungnya termasuk salah satu cabang keimanan. Baginda menggalakkan mereka menafkahkan harta dan menerangkan kelebihan-kelebihan yang boleh menarik hati.

Baginda bersabda :

“Sedekah itu dapat menghapuskan kesalahan sebagaimana air yang memadamkan api.”

Sabda baginda lagi :

‘Peliharalah dirimu dari neraka walau dengan bersedekah daripada belahan buah kurma. Jika kamu tidak mendapatinya, maka dengan tutur kata yang baik.’

Rasulullah s.a.w sangat menggalakkan umatnya menahan diri daripada meminta-minta. Baginda menyebutkan beberapa kelebihan bagi orang yang bersabar dengan apa yang ada. Baginda menganggap meminta-minta itu adalah satu keaiban yang menjatuhkan air muka peminta, melainkan jika peminta itu seorang benar-benar terdesak.

Di samping itu juga, Nabi Muhammad s.a.w sendiri memiliki sifat zahir dan batin yang menunjukkan kesempurnaan, berbakat, berperibadi mulia, berakhlak mulia dan baik tindak tanduk. Ini menjadikan hati manusia cenderung kepadanya dan mereka sanggup berkorban mempertahankannya. Tiada sepatah perkataan yang diucapkannya melainkan para sahabatnya akan bersegera menjunjung perintahnya. Tiada sebarang arahan atau bimbingan yang ditunjukkannya melainkan mereka akan berlumba-lumba untuk mempraktikkannya.

Dengan cara inilah Baginda s.a.w berupaya membentuk masyarakat baharu di Madinah. Masyarakat yang paling hebat dan terhormat yang pernah dirakamkan dalam sejarah. Dengan cara ini jugalah baginda berupaya menyelesaikan masalah-masalah masyarakat dengan penyelesaian yang membuatkan manusia dapat berada dalam keadaan selesa setelah suatu masa dahulu mereka berada dalam keadaan atau suasana yang penuh kegelapan.

Melalui faktor inilah, maka sempurnalah ciri-ciri masyarakat baharu yang sanggup berhadapan dengan apa sahaja aliran zaman sehingga berjaya menolak aliran-aliran yang negatif dan mengubah perjalanan sejarah dan masa.

KESIMPULAN

Menurut Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti, dalam Mohd Radzi bin Mohd Zin (2010) ketika menyampaikan syarahannya bertajuk “Aplikasi Fiqh Sirah dalam Realiti Semasa” di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur pada tahun 2010 menyatakan beberapa perkara penting tentang aplikasi fiqh sirah dalam realiti semasa seperti berikut :

- i. Pendekatan memahami sirah itu perlu diberi nafas baru agar ia memberi kesan kepada pengkaji dan pembacanya. Pada zaman silam, orang Muslim apabila diberitahu tentang sesuatu peristiwa dalam sirah, ia terus terkesan dalam diri mereka. Dan apabila dibacakan sirah timbul rasa kecintaan dan terus berubah yakni mencontohi sebagai mana yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Namun, kini keadaannya tidak begitu. Kajian sirah tidak banyak memberi kesan kepada orang yang mengkajinya.
- ii. Sirah itu mengandungi pelbagai aspek menyeluruh Nabi Muhammad s.a.w yang menyentuh kehidupan baginda sebagai seorang suami, pemimpin, guru dan sebagainya. Justeru itu, adalah penting bagi setiap kita mengamal dan menghayati sirah nabi dalam diri masing-masing terlebih dahulu sebelum menyebarkannya kepada orang lain.
- iii. Dr Muhammad Said Ramadan al Buti tidak bersetuju dengan pandangan sesetengah pihak yang mengaitkan perlunya ubah dan perubahan dalam fiqh sirah. Sebab itu, beliau juga tidak suka menggunakan perkataan perubahan kerana ia mungkin membawa kepada pemahaman mengubah hukum Islam kepada hukum lain. Ini adalah kerana Islam itu adalah tetap dan tidak berubah yang sepatutnya sama-sama kita menjaga agama suci ini tidak membiarkan iadiubah.
- iv. Kekangan mengaplikasi fiqh sirah seperti kekangan politik dan undang-undang sebenarnya datang daripada dalaman dan luaran. Kekangan luar ini akan mengambil masa untuk diatasi kerana siapa yang menjadi kekangan itu perlu dikenal pasti. Manakala kekangan dalaman akan dapat diatasi apabila mewujudkan rasa cinta pada Rasulullah daripada segi akhlak. Apabila berlaku demikian, maka sirah itu boleh terus diaplikasi.
- v. Kekangan luaran pula, sepatutnya kita mengajak golongan ini sama-sama menimbulkan kasih sayang pada Nabi s.a.w selain bekerjasama dengan para pemimpin yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fiqh sirah. Cuma cabaran luaran ini tidak akan dapat diatasi jika metod Rasulullah s.aw itu tidak dilaksanakan dalam diri terlebih dahulu.

Kesimpulannya, sirah nabawiyyah tidak dapat dinafikan lagi akan kepentingan untuk dipelajari, dihayati dan diamalkan. Sebagai seorang Muslim yang beriman dengan Allah dan RasulNya, kita sepatutnya menjadikan sirah perjalanan hidup baginda s.a.w sebagai ikutan dan petunjuk dalam setiap perkara dalam hidup ini. Selain itu, amat tidak patut sekiranya kita mengambil berat akan riwayat hidup tokoh lain lebih daripada kekasih kita, baginda Muhammad s.a.w, kerana pada diri baginda itu pasti ada teladan dan ikutan yang mesti kita ikuti dan contohi. Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud :

“Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah s.a.w itu suri teladan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah s.w.t dan (kedatangan) hari kiamat dan Dia banyak menyebut nama Allah”.

Mudah-mudahan penulisan ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua untuk lebih menghayati dan mencontohi keperibadian junjungan mulia Nabi Muhammad s..a.w dalam kehidupan kita seharian berpandukan sirah nabawiyyah.

RUJUKAN

- Al Quran dan Terjemahannya. (2007). Kuala Lumpur. Pustaka Darul Iman Sdn Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan (2017). Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam. Jilid 1. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)Sains Islam Malaysia Nilai.
- Ahmad Sanusi Azmi. (2018). Keperluan Fiqh Sirah Dalam Menangani Isu Kontemporari , Universiti Sains Islam Malaysia Nilai.
- Ebit Lew (2018). Tangisan Umat , Selangor: Transform Publication.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab Halim Tamuri. (2007). Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2010). Bagaimana Islam Memimpin Masyarakat Majmuk. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2018, Disember 15). Keperluan Memahami Fiqh Tarbiah. Diambil daripada: <https://iluvislam.com/keperluan-memahami-fiqh-tarbiah/>
- Mohd Radzi Mohd Zin (2010). Bicara Agama : Kepentingan Fiqh Sirah. Selangor: Utusan Melayu (M) Bhd terbitan 21/12/2010.
- Mohd Khairul Nizam. (2012). Motivasi Gaya Rasulullah. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Muhammad Sa'id Ramadan Al Buti. (2000). Fiqh Sirah 1. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Prof. Dr. Zaid bin Abdul Karim az-Zaid, Fiqh as-Sirah: Dar at-Tadmuriyyah.
- Syeikh Al Sayyid Muhammad Al Sayyid Alawi (2005). Bidaah Menurut Ulama Salaf. Penterjemah Dr Mohd Fakhrudin Abdul Mukti. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn Bhd.
- Tengku Ibrahim Helmi Tengku Mohammad (2016). Sirah Nabawiyah : Definisi dan Kepentingan Mempelajarinya Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulkifli Mohamad Al Bakri (2018). Bayan Linnas : Penjelasan Isu-Isu Semasa. Selangor: Karya Bestari, Grup Buku Karangraf Sdn Bhd.
- Zulkifli Mohamad Al Bakri (2014). Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur: Negara Sejahtera Rahmat Untuk Semua. Negeri Sembilan : Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.



SOROTAN KES KERACUNAN MAKANAN YANG MEMBAWA MAUT DI MALAYSIA. BILA AKAN BERAKHIR?

Mohamad Hapiz Abdul Rahman
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: hapizrahman@gmail.com

Muhammad Syafiq bin Mohamed Sahar
Kolej Komuniti Kuantan

ABSTRAK

Keracunan makanan berlaku disebabkan seseorang itu makan makanan yang telah tercemar. Kebanyakan kes keracunan makanan dikaitkan dengan amalan pengendalian makanan yang tidak selamat. Saban tahun kes-kes keracunan makanan yang menyebabkan kematian semakin banyak berlaku di Malaysia. Antara kes-kes yang mendapat perhatian adalah kes Ayam Masak Merah di Sungai Petani pada tahun 2013, kes Laksa di Baling pada tahun 2018, Keracunan Metanol di beberapa negeri di Malaysia pada tahun 2018, dan kes Puding Buih di Terengganu semasa Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 pada tahun 2020. Beberapa solusi telah digariskan meminimumkan kes keracunan makanan di Malaysia seperti penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, penyeliaan pengendali makanan di kantin sekolah dengan lebih ketat melalui pelantikan pegawai khas, dan promosi berterusan berkaitan kesedaran keselamatan makanan di platform media sosial. Kerjasama daripada semua pihak terutamanya pengendali makanan disifatkan amat perlu bagi mengekang kes keracunan makanan di Malaysia daripada terus meningkat.

KATA KUNCI: *Keracunan makanan, Malaysia, Solusi*

APAKAH KERACUNAN MAKANAN?

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan keracunan makanan sebagai penyakit bawaan makanan yang disebabkan oleh pencemaran makanan yang berlaku pada mana-mana peringkat semasa pengeluaran sehinggalah makanan tersebut dimakan (WHO, 2020). Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia (2015) pula mentakrifkan keracunan makanan sebagai apa jua penyakit yang disebabkan oleh pengambilan makanan atau minuman yang tercemar. Menurut AL-Mamun, Chowdhury, Biswas, & Absar (2018) pula keracunan makanan adalah penyakit yang terjadi disebabkan oleh makan makanan yang telah rosak dan tercemar oleh mikroorganisma ataupun bahan beracun, dan boleh berlaku di mana-mana peringkat semasa proses pengeluaran makanan sehinggalah makanan tersebut siap untuk dimakan. Secara terperinci, keracunan makanan dapatlah ditakrifkan sebagai penyakit yang disebabkan oleh makanan yang telah tercemar sama ada oleh mikroorganisma penyebab keracunan makanan (Bakteria seperti Salmonella, Listeria, atau E. coli, Virus seperti norovirus atau hepatitis A), bahan kimia (sabun pencuci, racun serangga, aditif makanan) dan bahan fizikal seperti kuku, jarum, dan dawai kokot. Dalam takrifan keselamatan makanan, ketiga-tiga punca ini dikenali sebagai bahaya biologi, bahaya kimia, dan bahaya fizikal.




PUNCA KERACUNAN MAKANAN

Ketiga-tiga bahaya di atas banyak berlaku disebabkan oleh amalan pengendalian makanan yang tidak selamat. Beberapa contoh amalan pengendalian makanan yang tidak baik adalah seperti makanan yang tidak dimasak dengan sempurna, daging, ayam, dan ikan tidak disimpan pada suhu yang betul, pelaksanaan proses nyahbeku yang salah, makanan dalam tin yang terdedah pada suhu bilik selepas dibuka, buah-buahan dan sayur-sayuran yang tidak dicuci dengan baik, makanan tercemar semasa dimasak atau dibungkus, pencemaran silang, dan amalan kebersihan pengendali makanan yang tidak baik. (WHO , 2020). Sementara itu, Bryan (1988) salah seorang penyelidik perintis dalam amalan keselamatan makanan telah menggariskan lapan amalan yang tidak baik dalam pengendalian makanan yang menjerumus kepada peningkatan kes keracunan makanan. Lapan amalan tidak baik tersebut adalah: 1. Tidak menyejukkan makanan dengan betul, 2. Makanan tidak dimasak atau dipanaskan dengan betul, 3. Pengendali makanan yang tidak mengamalkan aspek kebersihan diri di rumah dan di tempat kerja, 4. Makanan yang disediakan terlalu awal sebelum dihidangkan (sehari atau lebih), 5. Makanan mentah atau tercemar bercampur dengan makanan telah dimasak, 6. Makanan yang dibiarkan pada suhu yang membolehkan bakteria membiak (5 darjah Celsius sehingga 60 darjah Celsius), 7. Makanan yang telah dimasak tidak dipanaskan pada suhu yang boleh membunuh bakteria, dan 8. Pencemaran silang yang berlaku sama ada membabitkan makanan yang telah dimasak dengan makanan yang belum dimasak, melalui pekerja, atau peralatan yang tidak dicuci dengan bersih.

Makanan sememangnya boleh tercemar pada mana-mana peringkat pengeluaran makanan. Peringkat pengeluaran makanan termasuklah semasa penanaman, penuaian, pengangkutan, penyembelihan, pembelian oleh pengguna, proses penyediaan, memasak, dan penyimpanan (MyHealth for Life, 2019). Secara ringkasnya, proses ini dikenali sebagai "*from farm to table*" atau dari ladang sehinggalah ke meja makan. Oleh itu setiap aspek dalam pengeluaran makanan tidak boleh dipandang remeh dan perlu diberi perhatian oleh setiap pekerja yang mengendalikan makanan bagi mencegah kes keracunan makanan daripada berlaku.

STATISTIK YANG MEMBIMBANGKAN

Saban tahun kita disajikan dengan banyak kes keracunan makanan sehingga ada yang menyebabkan kematian. Peningkatan kes-kes keracunan makanan ini adalah amat membimbangkan. Contohnya, pada tahun 2019 berlaku peningkatan sebanyak 23.69 peratus iaitu 401 episod kes kepada 496 episod kes pada tahun 2018 (Razis, 2020). Kes-kes keracunan makanan ini melibatkan pelbagai golongan masyarakat, namun antara golongan yang paling terdedah adalah pelajar sekolah. Buktinya, pada tahun 2016, iaitu statistik yang hanya diambil sehingga 16 April telah menunjukkan bahawa 60 episod kes keracunan makanan telah berlaku di sekolah seluruh negara yang telah melibatkan 2,325 kes ((Hisham, 2016).



Graf 1: Statistik kes keracunan makanan di Malaysia daripada tahun 2000- 2013 per 100,000 populasi. Sumber (A'aishah & Norrani (2015)).

Graf 1 merumuskan statistik kes keracunan makanan di Malaysia per 100,000 populasi. Graf ini menunjukkan daripada tahun 2000-2005, statistik keracunan makanan telah menurun daripada 34.94 peratus kes pada tahun 2000 kepada 17.76 peratus kes pada tahun 2005. Walaubagaimanapun, statistik kes keracunan makanan telah meningkat dengan mendadak daripada tahun 2005 sehingga 2008. Daripada 17.76 peratus kes pada tahun 2005, kes keracunan makanan telah meningkat pada aras tertinggi sepanjang 13 tahun iaitu 62.47 peratus kes pada tahun 2008. Lima tahun berikutnya, statistik kes keracunan di Malaysia adalah tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah, iaitu 36.17 peratus kes pada tahun 2009, 43.28 peratus kes pada tahun 2010, 57.06 peratus kes pada tahun 2011, 44.93 peratus kes pada tahun 2012 dan 49.79 peratus kes pada tahun 2013. Berdasarkan graf di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kes keracunan makanan di Malaysia adalah bersifat “tidak dapat dijangka” dan langkah pencegahan terutamanya daripada pengendali makanan adalah amat penting bagi membendung kes daripada terus meningkat.

SOROTON KES KERACUNAN MAKANAN YANG MEMBAWA MAUT DI MALAYSIA (2013-2020)

Statistik keracunan makanan di Malaysia sentiasa menunjukkan trend yang berubah-ubah. Namun begitu, apa yang membimbangkan adalah trend yang berubah-ubah ini disertai dengan kes-kes keracunan makanan berskala besar yang melibatkan kehilangan nyawa. Sazili (2019) melaporkan, bekas Menteri Kesihatan Malaysia, Dr Dzulkefli Ahmad mengatakan bahawa seiring dengan penghasilan makanan kini yang kian kompleks kawalan keselamatan makanan juga semakin mencabar.

Ayam Masak Merah Penyebab Empat Kematian (Tahun 2013)

Satu kes epik berkaitan keracunan makanan di Malaysia yang menyebabkan kematian adalah kes yang berlaku pada tahun 2013 di Sungai Petani Kedah. Hidangan ayam masak merah yang dihidangkan dalam majlis kenduri kahwin di Kampung Huma, Tanjung Dawai, Kedah telah dicemari bakteria Salmonella, menyebabkan empat kematian dan lebih 270 orang mengalami keracunan makanan (Majid, 2013). Tragedi ayam masak merah di sebuah kenduri yang

berlangsung di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia benar-benar membuka minda rakyat Malaysia tentang bahaya keracunan makanan yang boleh membawa maut (Kementerian Kesihatan Malaysia , 2013). Siasatan telah mengenalpasti punca kes adalah ayam yang tercemar disebabkan cara penyimpanan yang salah. Ayam yang digunakan untuk majlis perkahwinan tidak disimpan dengan baik dan telah terbiar pada suhu bilik semalaman, sebelum dimasak pada hari kenduri dan dihidangkan pada tetamu ((Majid, 2013).

Kes Laksa, Baling Kedah (Tahun 2018)

Kes keracunan makanan yang berpunca daripada memakan laksa yang dibeli di sebuah premis di Kupang, Baling Kedah ini hangat diperkatakan kerana melibatkan 83 mangsa dan 2 kematian daripada tiga negeri berbeza iaitu Perak, Kedah dan Selangor (Noor Hisham Abdullah , 2018), (Bernama, 2018). Fakta kes ini membuktikan bahawa kes keracunan makanan atau penyakit bawaan makanan mampu merentas sempadan negeri dan berpotensi menjadi satu wabak yang besar. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menyatakan bahawa berdasarkan hasil siasatan dan keputusan makmal lengkap yang diperolehi pada 21 Oktober 2018, kes ini disebabkan oleh bakteria *Salmonella enterica serovar Weltevreden*. yang telah dikesan dalam sampel klinikal pesakit dan sampel mi laksa yang daripada kedai tersebut. (Noor Hisham Abdullah , 2018). Pelbagai spekulasi timbul berkenaan kes ini kerana ianya telah tular di media sosial seperti Facebook, dan Twitter. Namun fakta dan laporan telah menyatakan dengan jelas bahawa kes keracunan makanan ini berkemungkinan disebabkan oleh proses penyediaan dan penyimpanan mi laksa yang tidak bersih ditambah dengan suhu penyediaan mi laksa semasa pemprosesan dan suhu pemanasan semula mi laksa sebelum dimakan tidak mencukupi untuk menyahkuman (Noor Hisham Abdullah , 2018).

Keracunan Arak Tiruan Ragut 21 Nyawa (Tahun 2018)

Pada September 2018, negara sekali lagi dikejutkan dengan kes keracunan makanan yang melibatkan kehilangan 21 nyawa. Dalang kes ini adalah keracunan methanol yang disebabkan oleh arak tiruan. Bermula dari 15 September sehingga 20 September 2018 kes ini telah melibatkan 69 orang mangsa warganegara Bangladesh, Myanmar, Nepal, dan Indonesia. Kes ini telah meragut 21 nyawa dan melibatkan tiga negeri berbeza iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Perak (Fong, 2018) (Abdullah, 2018). Jenama minuman yang dikenal pasti berkenaan kes ini adalah Grand Royal Whisky, Mandalay Whisky, Joker Whisky dan bir berjenama Kingfisher dan Volcano (Abdullah, 2018).

Puding Buih Beracun (Tahun 2020)

Semasa negara dilanda wabak Covid-19 dan berada dibawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masyarakat Malaysia dikejutkan dengan kes keracunan makanan disebabkan oleh puding buih. Kes ini telah melibatkan 77 orang mangsa dan mengorbankan satu nyawa (Zolkiply, 2020). Puding buih merupakan sejenis pencuci mulut yang bahan utamanya adalah putih telur yang dipukul sehingga kembang (*meringue*). Putih telur yang dipukul ini tidak dimasak dan hanya dicampur bersama campuran agar-agar yang suam. Oleh sebab itu, sedikit kesalahan dan kecuaiian dalam penyediaan makanan ini berisiko untuk mengundang keracunan makanan. Umpamanya, penggunaan telur yang telah luput tarikh, pencemaran silang, penyimpanan yang tidak sempurna dan sebagainya. Dalam kes ini telur tamat tempoh yang digunakan untuk mengadun puding buih dikatakan sebagai punca utama berlakunya kes keracunan makanan ini (Bakar, 2020). Pengendali makanan dalam kes ini merupakan seorang

peniaga yang menjalankan perniagaan atas talian dari rumah dan mengiklankan perniagaannya melalui laman sosial seperti facebook. (Bakar, 2020).

SOLUSI

Kes keracunan makanan yang berlaku di Malaysia seakan tiada penghujungnya. Saban tahun, bilangan kes yang melibatkan kematian semakin menjadi-jadi. Kerajaan sememangnya telah menjalankan pelbagai usaha bagi membendung penularan kes keracunan makanan. Namun usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini ibarat “mencurahkan air ke daun keladi” sekiranya segala usaha ini tidak mendapat sambutan dan kerjasama masyarakat terutamanya pengendali makanan itu sendiri. Melalui Akta Makanan 1983, kerajaan telah menggariskan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan yang harus dipatuhi oleh pengendali makanan. Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 ini perlu dihayati dan difahami sepenuhnya oleh pengendali makanan untuk mengelakkan pemilik premis makanan di kompaun sepuluh ribu ringgit. Namun begitu, disebalik peningkatan kes saban tahun, adakah denda di bawah Peraturan 397 Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No.4) 2017 masih tidak mencukupi dan perlu dinaikkan?

Selain itu, oleh kerana kes keracunan makanan banyak berlaku dan melibatkan pelajar-pelajar sekolah, usaha perlu terus dijalankan bagi mengawal selia setiap penguasaha makanan di kantin-kantin sekolah. Mungkin pihak kerajaan wajar menimbangkan idea bagi mewujudkan jawatan tetap penyelia kantin di setiap sekolah atau setiap daerah. Penyelia kantin ini bertanggungjawab dalam pelbagai aspek perkhidmatan makanan di sekolah seperti memantau penguasaha kantin dari aspek penyediaan makanan, menyediakan menu sihat bagi pelajar, memastikan kebersihan kantin dan sebagainya. Usaha ini telah sekian lama dilakukan di negara maju seperti di Jepun, namun di Malaysia pengusaha-pengusaha kantin masih lagi bergelut untuk menyediakan makanan sihat dan selamat kepada para pelajar. Alangkah malangnya sekiranya suatu hari nanti ada pelajar sekolah di Malaysia terkorban disebabkan keracunan makanan setelah makan makanan di kantin sekolah.

Mengambil kira tahap kepatuhan dan disiplin rakyat Malaysia yang tinggi semasa Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan wabak Covid-19 (Bernama, 2020), rakyat Malaysia sememangnya patuh kepada dasar dan undang-undang. Namun begitu, bak kata pepatah “enak lauk dikunyah-kunyah, enak kata diulang-ulang”, penguatkuasaan yang tegas dan peringatan yang berulang-ulang di media sosial seperti Facebook, Instagram, Tik-Tok dan sebagainya dilihat akan memberi hasil sekiranya dibuat dengan strategi yang mampan. Bak kata pepatah Melayu lagi “masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak”. Strategi yang mampan perlu diusahakan seiring dengan perkembangan zaman.

KESIMPULAN

Semua pihak perlu memberi kerjasama yang sewajarnya bagi memastikan penularan kes keracunan makanan di Malaysia dapat dikurangkan pada tahap yang paling minimum. Pencapaian tersebut adalah tidak mustahil jika seluruh rakyat Malaysia bekerjasama bagi menjayakannya. Namun begitu, segala usaha yang dilakukan akan berbalik semula kepada pengendali makanan. Persoalan yang perlu dijawab dan dirungkaikan adalah: adakah pengendali makanan di Malaysia sedar bahawa satu kesilapan mudah yang mereka lakukan semasa menyediakan makanan boleh menyebabkan nyawa orang yang tidak bersalah



melayang? Kesimpulannya, pengendali makanan sepatutnya sedar tanggungjawab mereka adalah besar bagi menyediakan makanan yang selamat kepada para pengguna, dan bagi pengguna pula pilihan sememangnya berada di tangan mereka sendiri.

RUJUKAN

- AL-Mamun, M., Chowdhury, T., Biswas, B., & Absar, N. (2018). Food Poisoning and Intoxication: A Global. *Food Safety and Preservation, Modern Biological Approaches to Improving Consumer Health*, 307-352.
doi:<https://doi.org/10.1016/B978-0-12-814956-0.00011-1>
- Abdullah, N. H. (2018, September 20). *From the Desk of the Director-General of Health Malaysia*. Retrieved from Kenyataan Akhbar KPK 20 September 2018 – Perkembangan Terkini Kejadian Keracunan Metanol di Malaysia:
<https://kpkkesihatan.com/2018/09/20/kenyataan-akhbar-kpk-20-september-2018-perkembangan-terkini-kejadian-keracunan-metanol-di-malaysia/?fbclid=IwAR09cRJTt8DHqqNfrKtaOg7tv9eJUTEbVJiiVkZiUbcgWLkjaA8nAE-BkXA>
- Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan . (2015). *Moh Klik! Kelab Laman Interaktif Keselamatan Makanan*. Retrieved from Keracunan Makanan:
<http://mohklik.moh.gov.my/index.php/mohklik/informasi/keracunan-makanan>
- Bakar, B. (2020, Mei 31). *BH Online*. Retrieved from Telur tamat tempoh punca kes keracunan puding buih:
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/694744/telur-tamat-tempoh-punca-kes-keracunan-puding-buih>
- Bernama. (2018, Oktober 22). *Astro Awani*. Retrieved from Keracunan laksa: KKM sahkan bakteria sebagai punca : <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/keracunan-laksa-kkm-sahkan-bakteria-sebagai-punca-188866>
- Bernama. (2020, Mei 8). *BH Online*. Retrieved from Tahap kepatuhan tinggi, rakyat faham tujuan PKP - Ismail Sabri:
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686450/tahap-kepatuhan-tinggi-rakyat-faham-tujuan-pkp-ismail-sabri>
- Fong, L. F. (2018, September 19). *MStar*. Retrieved from Kematian keracunan metanol meningkat kepada 21 orang:
<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/09/19/keracunan-metanol>
- Hisham, A. N. (2016, April 28). *From the Desk of the Director-General of Health Malaysia*. Retrieved from Kenyataan Akhbar KPK 28 April 2016: Kejadian Keracunan Makanan di Sekolah Seluruh Malaysia:
<https://kpkkesihatan.com/2016/04/28/kenyataan-akhbar-kpk-28-april-2016-kejadian-keracunan-makanan-di-sekolah-seluruh-malaysia/>
- Kementerian Kesihatan Malaysia . (2013, Okotber 16). *Laman Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia* . Retrieved from
<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/?tn-str=k%2AF>
- Majid, E. (2013, Oktober 1). *The Star*. Retrieved from Contaminated wedding dish claims fourth victim: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2013/10/01/wedding-chicken-salmonella-fourth-victim>

- MyHealth for Life. (2019). *MyHealth, Kementerian Kesihatan Malaysia*. Retrieved from Punca-Punca Keracunan Makanan: <http://www.myhealth.gov.my/p-6/punca-punca-keracunan-makanan-2/>
- Noor Hisham Abdullah . (2018). *STATUS TERKINI KEJADIAN KERACUNAN MAKANAN DI KEDAH, PERAK DAN SELANGOR PADA 21 OKTOBER 2018*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Razis, I. M. (2020, February 3). *MyMetro*. Retrieved from Keracunan Makanan: <https://www.hmetro.com.my/WM/2020/02/540855/keracunan-makanan>
- Sazili, S. (2019, July 13). *Berita Harian*. Retrieved from BH Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/584538/kes-keracunan-makanan-meningkat-dr-dzulkefly>
- WHO . (2020). *World Health Organization*. Retrieved from Foodborne Disease: https://www.who.int/health-topics/foodborne-diseases#tab=tab_1
- WHO. (2018, Januari 31). *Health Topic*. Retrieved from Food Additives: <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/food-additives>
- Zolkiply, Z. I. (2020, Jun 3). *BH Online*. Retrieved from Mangsa puding buih meninggal: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/06/695853/mangsa-puding-buih-meninggal>

APLIKASI WARNA ENAMEL PADA PERMUKAAN JASAD SERAMIK

Shaliza binti Shahrudin
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: shalizashahrudin15@gmail.com

ABSTRAK

Penghasilan licau dihasilkan sebelum bermulanya pengetahuan tentang sains. Manusia pada zaman itu menggunakan bahan mentah dari alam sebagai licau seperti batu batan, tumbuh – tumbuhan, tulang haiwan dan sebagainya. Perkembangan teknologi seiring dengan peredaran zaman menyebabkan pengetahuan mengenai penghasilan licau juga turut berkembang. Terdapat beberapa kaedah dekorasi pada jasad seramik iatu teknik embose, teknik decal, teknik on glaze, teknik under glaze, serta enamel. Teknik dekorasi pada jasad seramik bertujuan untuk menambahkan nilai estetik produk seramik tersebut.

KATA KUNCI: Teknik licau, enamel, dekorasi

PENGENALAN

Pengetahuan di dalam penghasilan licau pada seramik telah berlaku sejak 5000 tahun dahulu. Penghasilan licau dihasilkan sebelum bermulanya pengetahuan tentang sains. Manusia pada zaman itu menggunakan bahan mentah dari alam sebagai licau seperti batu batan, tumbuh – tumbuhan, tulang haiwan dan sebagainya. Licau adalah sejenis bahan yang akan membentuk lapisan hiasan yang berkaca dan licin apabila dibakar pada suhu tertentu. Bahan ini selalu digunakan untuk menghias produk seramik bagi memberikan kemasan akhir yang licin dan kalis air. Perkembangan teknologi seiring dengan peredaran zaman menyebabkan pengetahuan mengenai penghasilan licau juga turut berkembang.

Kini terdapat pelbagai jenis licau yang dihasilkan melalui pelbagai teknik. Jasad seramik mula diwarnai dan dihiasi dengan pelbagai dekorasi licau. Proses ini menyebabkan jasad seramik mengalami pembakaran kali kedua. Pembakaran ini melibatkan suhu pembakaran yang melebihi suhu 900 °C. Namun demikian terdapat juga licau yang dibakar menggunakan suhu kurang daripada 900 °C. Suhu ini selalunya terlibat jasad dibakar pada kali ketiga, dimana jasad yang berlicau akan dihias dengan dekorasi yang dikehendaki menggunakan teknik seperti dekorasi atas licau, *luster*, cetakan *decal* serta cetakan sutera saring.

Seperti teknik atas licau atau dikenali sebagai *on-glaze*, warna yang digunakan untuk menghiasi jasad yang berlicau itu adalah enamel atau *china paints*. Warna enamel ini dapat dibeli dengan pengeluar barangan seramik di dalam bentuk cecair atau serbuk. Warna enamel juga boleh dihasilkan sendiri dengan menggunakan bahan asas yang diperlukan dalam penghasilan warna enamel. Enamel dapat memberikan warna yang terang dan tepat. Pelbagai jenis warna juga dapat dihasilkan.

Pengetahuan di dalam penghasilan licau didalam bidang seramik sudah ada sejak 5000 tahun dahulu. Penghasilan licau dihasilkan sebelum bermulanya pengetahuan tentang sains.

Manusia zaman ini menggunakan bahan mentah dari alam sebagai licau. Penggunaan licau telah dicetuskan oleh puak Egypt di Mesir secara tidak sengaja. Soda yang dijumpai di kawasan gurun diambil dan digunakan dengan mencampurkan soda tersebut bersama tanah untuk dijadikan sebagai barangan perhiasan seperti manik. Selain itu mereka juga menghasilkan arca untuk dijadikan patung berhala (Fraser, 1998).

Endapan yang kelihatan semasa proses pengeringan jasad telah membentuk licau semasa jasad dibakar. Ia terjadi disebabkan oleh penggunaan tanah liat yang mengandungi banyak garam terlarut. Semasa proses pengeringan jasad seramik, pergerakan molekul air dan diikuti oleh garam terlarut ke permukaan jasad. Lapisan garam serta partikel *copper* yang terkandung didalam tanah yang berkumpul di permukaan jasad akan menjadi cair apabila haba yang tinggi dikenakan dan membentuk lapisan kaca dan telah memberikan kesan warna pada jasad.

BAHAN MENTAH LICAU

Bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan licau dan agen pewarna licau terbahagi kepada dua kumpulan umum iaitu licau serta bahan tanah dan pigmen. Kebanyakan bahan mentah yang digunakan adalah daripada mineral dan batu batan. Kemudian ia akan diproses didalam bentuk serbuk. Bahan mentah tersebut terdiri daripada *Silika, Alumina, Sodium oxide, Calcium oxide, Plumbum oxide, Borax, Barium oxide, Zinc oxide, Magnesium oxide, Pottasium,*

Pigmen dan licau merupakan bahan asas untuk semua jenis dekorasi. Seramik pigmen merupakan hasil daripada *metallic oxide, carbonates* dan *dioxides* yang telah dicampur bersama untuk memberikan pelbagai warna apabila dibakar (Mattison, 2003). Ia boleh dicampurkan didalam tanah liat atau selepas jasad seramik dibakar.

Kebanyakan pembuat seramik menggunakan *metallic oxide*. Oksida itu terdiri daripada *kobalt, copper, manganese* dan *iron* dimana ia merupakan bahan asas yang digunakan didalam penghasilan licau.

Ia dapat diaplikasikan didalam tanah liat, semasa *leather-hard* atau *bone-dry clay*. Selain itu juga ia dapat diaplikasikan kepada jasad seramik yang telah dibakar. Semakin tinggi kadar penggunaan oksida semakin gelap warna akan terhasil.

ENAMELS

Enamel merupakan pigmen yang mengandungi fluk yang membolehkan ia cair dan melebur pada permukaan yang berlicau. Enamel memerlukan cara dan kemahiran yang tinggi didalam pembuatannya kerana untuk mengimbangkan minyak dan *turpentine* amat rumit. Pada masa kini enamel terdapat didalam bentuk cecair dan ia dapat memudahkan pengguna serta ia dapat memberikan pelbagai jenis warna dengan tepat.

Enamel boleh dihasilkan sendiri dengan menyediakan frit yang sesuai serta menambah oksida pewarna. Pelbagai jenis minyak boleh digunakan diantaranya adalah *linseed oil, fat oil* daripada *turpentine, lavender oil* serta minyak mentah juga boleh digunakan sebagai medium. Ia boleh diaplikasikan menggunakan berus atau stencils. Semasa mengaplikasikan warna enamel ke atas permukaan berlicau pastikan tiada kotoran atau abuk pada permukaan tersebut.



Ini haruslah diaplikasikan dengan satu lapisan yang nipis. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya licau mengelupas. Jika ingin warna itu tebal sapuan yang kedua haruslah dilakukan apabila sapuan yang pertama telah kering.

Bahan fluks asas didalam pembuatan enamel adalah *lead*, *borax*, asid boric dan kalsium karbonat atau *frit* yang telah siap diproses. Enamel yang tidak mengandungi bahan *lead* boleh dibakar pada atmosfera reduksi untuk menguji warna yang terhasil. Tetapi bagi enamel yang mengandungi *lead* akan menyebabkan licau mengalami kecacatan. Mengikut masyarakat Jepun bahan asas pembuatan enamel adalah terdiri daripada 50% licau *lead*, 5% *white lead* dan 12% oksida *red iron* untuk warna merah (Rhodes, 1998).

Mendiang Shoji Hamada menggunakan warna enamel traditional iaitu *green-grass* daripada *copper*, *amber* daripada iron dan *cinnabar red* yang diaplikasikan ke atas jasad *stoneware*.

1	<i>White lead</i> 60%, apa jenis <i>frit</i> 20%, <i>flint</i> 20%
2	<i>White lead</i> 30% - 50%, apa jenis <i>frit</i> 30% - 50%, <i>flint</i> 10% - 20%
3	<i>White lead</i> 40%, <i>Ferro frit</i> 3110 50%, <i>flint</i> 10%
4	<i>Ferro frit</i> 3110 70%, <i>cryolite</i> 10%, <i>feldspar</i> 20%
5	<i>Ferro frit</i> 3110 80%, <i>petalite</i> 20%
6	<i>White lead</i> 70% - 75%, <i>feldspar</i> 10% - 15%, <i>silica</i> 10% - 15%
7	Apa jenis <i>frit</i> 40%, <i>kalsium borate</i> 40%, <i>cryolite</i> 10%, <i>feldspar</i> 10%
8	Apa jenis <i>frit</i> 50% - 70%, <i>kalsium borate</i> 20% - 40%, <i>silica</i> 10% - 20%

Jadual 1: Bahan asas enamel (Hopper, 2001).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Warna licau enamel paling sesuai dibakar pada suhu antara 1000°C dan 1050°C kerana terdapat beberapa jenis agen pewarna yang sesuai digunakan. Pada peringkat pertama pembakaran iaitu dengan menggunakan suhu pembakaran 900°C dapat dirumuskan kebanyakan licau tidak masak dan mengalami masalah licau mengelupas. Licau yang tidak masak adalah terdiri daripada spesimen yang menggunakan agen pewarna daripada stain. Licau yang tidak masak kerana licau tidak mencapai suhu matang. Spesimen yang menggunakan agen pewarna daripada oksida pula mengalami masalah retak seribu.

Masalah retak seribu ini disebabkan oleh perkembangan licau lebih tinggi daripada jasad. Untuk mengelakkan licau daripada retak seribu faktor perkembangan licau perlu dikurangkan dengan frit *borax*, silika atau *kaolin*. Selain daripada masalah keretakan masalah seperti licau berbintik juga perlu dielakkan untuk menghasilkan warna yang rata dan licin. Warna yang diadun mungkin perlu dibiarkan semalaman supaya ia dapat bersehati.

Melalui ketiga-tiga pembakaran agen pewarna yang paling sesuai digunakan adalah *copper oxide*. Walaupun warna sebenar *copper oxide* jika dibakar adalah hijau namun pada warna enamel ia bertukar menjadi biru *turquoise*. Kesan warna yang dihasilkan adalah begitu menarik. Keadaan ini terjadi disebabkan tindakbalas kimia terhadap warna semasa proses pembakaran.

WARNA	PERATUSAN
<i>Grey Stain</i>	10% dan 15%
<i>Pink Stain</i>	5% dan 10%
<i>Cobalt Oxide</i>	6% dan 10%
<i>Chromium Oxide</i>	3%, 6% dan 10%
<i>Copper Oxide</i>	6% dan 10%
<i>Nickel Oxide</i>	6% dan 10%

Jadual 2 : Peratusan Warna yang Terbaik Suhu 1000 °C

WARNA	PERATUSAN
<i>Yellow Stain</i>	15%
<i>Amulet Green Stain</i>	5%, 10% dan 15%
<i>Grey Stain</i>	5%, 10% dan 15%
<i>Pink Stain</i>	10% dan 15%
<i>Red Iron Oxide</i>	10%
<i>Cobalt Oxide</i>	3%, 6% dan 10%
<i>Chromium Oxide</i>	3% dan 6%
<i>Copper Oxide</i>	6% dan 10%
<i>Nickel Oxide</i>	6% dan 10%

Jadual 3 : Peratusan Warna yang Terbaik Suhu 1050 °C

RUJUKAN

- Birks, T. (1994). *The Complete Potter Companion*. Canada: Conron Octopus Limited.
- Dinsdale, A. (1993). *Pottery Science: Material, Process and Product*. United Kingdom: Ellis Horwood Publishing.
- Fournier, R. (2000). *Illustrated Dictionary of Practical Pottery*. London: G+B Arts International Ltd.
- Fraser, H. (1998). *Glaze for the Craft Potter*. United Kingdom: Hodder & Headline Ltd.
- Gale, J. (2001). *Pottery*. United Kingdom: Hodder & Headline Ltd.
- Hopper, R. (2001). *The Ceramic Spectrum: A Simplified Approach To Glaze and Color Development*. United States Of America: Krause Publications.
- Mattison, S. (2003). *The Complete Potter*. Australia: Page One Publication.
- Peterson, S. P. (2003). *A Complete Potter Handbook: The Craft and Art of clay*. London: Laurence King Publishing Ltd.
- Rhodes, D. (1998). *Clay and Glaze for The Craft Potter*. United Kingdom: Krause Publications.
- Shaper, T. (1976). *Pottery Decoration*. London: Pitman Publishing.
- Toki, C. F. (2004). *Hands in Clay*. New York: Mc Graw-Hill Inc.

KAJIAN TINJAUAN KESEDIAAN PELAJAR MENJALANI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN

Mohammad Mursyeed Bin Ramli
Kolej Komuniti Chenderoh Perak
E-mail: mursyeed@yahoo.com.my

Mohamad Haslan Bin Samsudin
Kolej Komuniti Chenderoh Perak

Maisarah Binti Ismail
Kolej Komuniti Chenderoh Perak

ABSTRAK

Penghujung tahun 2019 dunia digemparkan dengan pandemik COVID-19. Secara tidak langsung, pandemik ini telah melahirkan norma baharu kepada seluruh penduduk dunia. Seजार dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian Pengajian Tinggi telah mengeluarkan kenyataan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian. Beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan berkesan, akses capaian teknologi yang maksimum, tahap piawaian yang standard, jaminan kualiti sumber yang tidak terhad, penentangan terhadap perubahan semasa dan teknologi, permasalahan berkaitan harta intelektual dan hak cipta serta sokongan institusi pendidikan yang menjalankan kaedah pembelajaran atas talian. Berdasarkan kepada penyataan masalah diatas, pengkaji ingin mengkaji tiga skop utama iaitu kemudahan peranti untuk mengases internet, kemudahan capaian internet dan kesediaan pelajar menjalani PdP secara atas talian dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Chenderoh. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dan data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan “Statiscal Package For The Social Sciences” (SPSS) bagi mendapatkan jumlah dan peratusan. Hasil dapatan kajian mendapati semua responden mempunyai kemudahan peranti peribadi dan mempunyai capaian internet. Namun begitu, seramai 67.38% daripada responden tidak bersedia untuk melaksanakan PdP secara atas talian.

KATA KUNCI – *Pdp atas talian, Pendemik*

PENGENALAN

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, Kementerian Pengajian Tinggi melalui ucapan menterinya pada 8 Julai 2020, menyatakan kebenaran kepada semua Institut Pengajian Tinggi untuk menentukan mod pembelajaran yang bersesuaian termasuklah meneruskan

pengajian dan pembelajaran secara dalam talian kepada para pelajar yang terlibat mengikut keperluan program masing-masing.

Bagi memastikan kaedah pembelajaran atas talian yang berkesan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan berkesan, akses capaian teknologi yang maksimum, tahap piawaian yang standard, jaminan kualiti sumber yang tidak terhad, penentangan terhadap perubahan semasa dan teknologi, permasalahan berkaitan harta intelektual dan hak cipta serta sokongan institusi pendidikan yang menjalankan kaedah pembelajaran atas talian. Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, pengkaji ingin mengkaji tiga skop utama iaitu kemudahan peranti untuk mengases internet, kemudahan capaian internet dan kesediaan pelajar menjalani PdP secara atas talian.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

i. Mengenalpasti kesediaan pelajar menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Chenderoh

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

i. Apakah jenis peranti peribadi yang dimiliki oleh pelajar KKCP bagi membolehkan mereka menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian?

ii. Apakah kemudahan capaian internet pelajar KKCP bagi menjalani pengajaran dan pembelajaran?

iii. Adakah pelajar KKCP bersedia untuk menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian?

KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil daripada dapatan kajian ini membolehkan pengkaji membuat saranan yang berguna dan dapat digunakan oleh tenaga pengajar, dan pihak Kolej Komuniti secara umumnya. Secara tidak langsung, diharapkan saranan tersebut membantu dalam meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia terutamanya dalam pendidikan teknik dan vokasional bagi melahirkan graduan yang berkualiti.

SKOP KAJIAN

Skop kajian berfokus kepada 3 faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian iaitu kemudahan peranti untuk mengases



internet, kemudahan capaian internet dan kesediaan pelajar menjalani PdP. Selain itu, skop kajian tertumpu kepada pelajar KKCP yang menjalani sesi PdP secara bersemuka di kolej. Pelajar yang menjalani Latihan Industri pada sesi Disember 2019 tidak termasuk dalam sampel kajian tindakan ini.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian ini adalah kajian deskriptif secara kuantitatif dan data diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan melalui googleform. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik di mana item-item soalan kajian diadaptasi daripada kajian yang bertajuk Kajian Kesediaan Murid Berkaitan Dengan Pembelajaran Atas Talian di SMK Santubong. Kaedah persampelan yang digunakan ialah Kaedah Persampelan Bertujuan (purposive sampling). Sampel kajian terdiri daripada pelajar KKCP yang menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka di kolej. Data akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package of Social Science (SPSS). Analisis yang digunakan ialah kekerapan dan peratus bagi meneliti kesediaan pelajar menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Seramai 187 responden telah dianalisis sebagai data kajian. Data yang diperolehi dianalisis dan diringkaskan dalam jadual yang terdiri daripada 2 item iaitu bilangan dan peratus responden. Jadual 1 menunjukkan bilangan responden mengikut program yang ditawarkan di KKCP Sesi Disember 2019.

Jadual 1: Maklumat responden

Program	Semester			Bilangan (orang)	Peratusan (%)
	2	3	4		
SKU	24	33	0	57	30.48
SKE	8	25	0	33	17.65
SOP	5	24	0	29	15.50
SVK	0	25	0	25	13.37
DCA	20	0	23	43	23.00
Jumlah	57	107	23	187	100

Bahagian B: Persoalan Kajian

Persoalan Kajian 1: Apakah jenis peranti peribadi yang dimiliki oleh pelajar KKCP bagi membolehkan mereka menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian?

Jadual 2: Kemudahan peranti peribadi

Data	Kemudahan peranti peribadi					Jumlah
	Tablet	Komputer Riba	Komputer peribadi	Telefon pintar	Tiada	
Bilangan Responden	1	56	16	114	0	187
Peratusan (%)	0.53	29.95	8.56	60.96	0.00	100

Persoalan Kajian 2: Apakah kemudahan capaian internet pelajar KKCP bagi menjalani pengajaran dan pembelajaran?

Jadual 3: Kemudahan capaian internet

Bil	Item		Bilangan Responden	Peratusan (%)
1	Jenis talian yang digunakan	Prabayar	137	73.26
		Pasca Bayar	50	26.74
2	Kuota internet yang digunakan	Terhad	66	35.29
		Tanda Had	121	64.71

Persoalan Kajian 3: Adakah pelajar KKCP bersedia untuk menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian?

Jadual 4: Kesiediaan Pelajar

Item	Kesiediaan Pelajar		Jumlah
	Ya	Tiada	
Bilangan Responden	61	126	187
Peratusan (%)	32.62	67.38	100

PERBINCANGAN

Persoalan Kajian 1: Apakah jenis peranti peribadi yang dimiliki oleh pelajar KKCP bagi membolehkan mereka menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian?

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan majoriti responden mempunyai telefon pintar iaitu seramai 114 orang (60.96%). Diikuti dengan peranti komputer riba iaitu seramai 56 orang (29.95%), komputer peribadi iaitu seramai 16 orang (8.56%). Seorang responden sahaja yang mempunyai tablet (0.53%). Secara keseluruhan, semua responden mempunyai kemudahan peranti peribadi untuk menjalani pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.



Persoalan Kajian 2: Apakah kemudahan capaian internet pelajar KKCP bagi menjalani pengajaran dan pembelajaran?

Berdasarkan Jadual 3 membuktikan seramai 137 orang responden menggunakan jenis talian Prabayar (73.26%) dan 50 orang responden menggunakan jenis talian Pasca Bayar (26.74%). Manakala seramai 121 orang responden menggunakan kuota internet Tanda Had (64.71%) dan seramai 66 orang responden menggunakan kuota internet terhad (35.29%)

Majoriti responden menggunakan talian Prabayar kerana responden merupakan pelajar yang datang dari pelbagai latarbelakang ekonomi. Atas faktor keperluan PdP, majoriti responden mengguna kuota internet tanpa had. Namun perkara ini secara tidak langsung memberi sedikit bebanan kepada sebahagian responden memandangkan sebahagian mereka datang dari keluarga B40 dan mungkin dari keluarga yang lebih rendah pendapatan bulanan.

There is also study carried out in Cambodia. The main purpose of this study was to identify the role of teachers in selecting language games to teach English as Foreign language. The research was carried out in three different campuses of Australian Centre for Education (ACE), ACE Samdach Pan, ACE Santhor Mok, and ACE Toul Tom Pong. The number of participants were involving in this study, 27 (16 teachers from ACE Samdach Pan, 6 teachers from ACE Santhor Mok, and 5 teachers from ACE Toul Tom Pong). All these teachers are teaching young learners aged for 8 to 11 years old. All the teachers were required to complete the online questionnaire and 7 seven teachers were selected randomly to go through interview. The data of questionnaire was analysed using SPSS programme and interview was analysed using descriptive analysis. Based on the data collected, using games can maintain the focus of the learners in the classroom. After learning for few hours continuously, students' attention will reduce (Dunn,2011). Thus using games in classrooms to teach the students are able to sustain their focus compared to teaching students by using traditional method. Students also will feel more excited when they are given points or rewards when they manage to win the games, whereas for the students who lose the levels, it will motivate them more to achieve the results. Therefore, there will be a healthy competition among young learners in acquiring English. The study is an evidence that appropriate games is an effective tool to teach students English. For future research, it is recommended that to enlarged the sample size and instead of just relaying on interviews and questionnaires to determine teacher's perception in using language games, researcher should carried out observation or some tests to observed the students' improvement (Sochetra, 2016).

Merging board games into English lesson has enhance students' speaking skills from Polytechnic Malacca. Number of 60 participants was aged 18 years old was involved in this study and they had similar English proficiency level. The researcher found out that these students face difficulties to speak in English as they are afraid of making mistakes when they speak English. These participants joined a course named communicative English course. The purpose of this course is to enhance students' communicative abilities. The researcher carried out pre-test on the participants to measure their English proficiency level. Number 30 students major in Accounting were placed into control group whereas the other 30 students major in International Business were placed into experimental group. The course was carried out for 16 weeks and the both group shared same lecturer. The difference between the two groups was, games was only implemented for two weeks for control group with limited time. On the other

hand, for experimental group language games were played for three weeks and with extra time given. After 16 weeks, both groups were tested through post-test to measure their speaking skills after the implementation of language games. Based on the data collected, there is significant differences of speaking skills between the two groups. Experimental group shows more improvement in their speaking skills and more positive learning attitude towards English compared to control group. Through this study it is proven that board games have an important role to enhance learners' speaking skills. For future study, it is recommended that to extend this research by investing more time in implementation of games to obtain better results (Fung & Min, 2016).

CONCLUSION

Language games is helpful tools for teachers to not only improves students' speaking skills but also develop positive learning attitudes among ESL learners. All these past studies showed positive results when the teachers in cooperate language games in lessons.

REFERENCES

- Amrullah, A.Z. 2015. Developing language games to teach speaking skill for Indonesian Senior High School Learners. *JEELS* 2 (2),13-33.
- Hang, S. 2017. Using games to teach young children English Language. *Psychology & Educational Sciences* :1-78.
- Dewi, S.D. & Kultsum U. & Armadi, A. 2016. Using communicative games in improving students' speaking skills. *English language teaching* 10 (1),63-71
- Alfulaih, W.K. 2017. The impact of using games on developing Saudi female EFL students' speaking skills. *English Language and Literature* :1 -98
- Fung, Y.M & Min, Y.L. 2016. Effects of board game on speaking ability of low-proficiency ESL learners. *International journal of applied linguistics & english literature* 5 (3),261-271.
- Mahdi, D.A. 2015. Motivating reluctant EFL students to talk in class: strategies and tactics. *Theory and Practice in Language Studies* 5 (8),1703-1709
- Gifford, N. (2016). Breaking traditional ways of teaching: Communicative second language teaching. *Utah State University. Logan, Utah* : 1-115

KESAN PANDEMIK COVID 19: CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN DI KOLEJ KOMUNITI

Azuwin binti Abd. Rahim
Kolej Komuniti Chenderoh
Email: *azuwin_rahim@yahoo.com*

Farhana Syazni binti Fadzil
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRAK

Zaman teknologi dan internet bukanlah perkara baru di kala ini, malahan telah berevolusi lebih dari dua dekad. Bidang pendidikan juga tidak ketinggalan mengikut perubahan arus era digital terkini dalam mengalami transformasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) samada bagi pendidikan andragogi mahupun pedagogi. Proses PdP atas talian telah lama dipraktikkan terutama di negara-negara maju. Baru-baru ini kerana pandemik COVID 19 telah menyebabkan kesemua sektor yang beroperasi di Malaysia ditutup dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan kerajaan Malaysia untuk membendung virus COVID ini berlangsung selama lebih dari tiga bulan, ini telah memberi kesan kepada semua pihak termasuk sektor pendidikan. Oleh itu, bagi mengelakkan pelajar agar tidak keciciran, pembelajaran diteruskan menerusi kaedah pembelajaran atas talian dan ini termasuk juga pelajar-pelajar yang berada di peringkat pengajian tinggi. Pelbagai platform PdP secara maya diperkenalkan untuk memastikan modul pengajaran terus dapat disampaikan walaupun institusi pengajian ditutup. Kaedah ini dilihat memberi manfaat yang baik seterusnya menjadikannya sebagai salah satu metode utama dalam penyampaian PdP sesuai dengan Malaysia yang sedang menuju ke arah negara maju. Namun demikian, cabaran-cabaran dalam pelaksanaan PdP secara atas talian tidak dapat dielakkan kerana kaedah pembelajaran ini masih baru bagi Kolej Komuniti.

KATA KUNCI: *Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), atas talian dan kelas maya*

PENGENALAN

Jika dahulu pembelajaran atas talian ini dilihat sebagai pilihan tetapi kesan dari pandemik kini ia dianggap sebagai satu keperluan. Ini sependapat dengan Pensyarah Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad. Ia bertepatan juga dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar dibudayakan penggunaan teknologi dalam PdP.

Ahmad Zaki et al (2014), menyimpulkan bahawa aplikasi atas talian adalah melibatkan sesuatu perisian yang dapat diakses secara sambungan internet. Ini dimaksudkan dengan aplikasi atas talian yang tersedia di laman sesawang yang dicapai melalui sambungan internet dengan menggunakan peralatan teknologi seperti Blackboard, Edmodo, Google Classroom, Microsoft Teams, ClassDojo, Coursera dan banyak lagi. Melalui platform yang tersedia,



kaedah hybrid pengajaran dan pembelajaran boleh disediakan melalui kaedah sistem pengurusan pembelajaran seperti Docebo, Udemy, Skillshare, WizIQ, Adobe Captivate Prime, dan SAP Litmos (Mohamad Idham, 2020). Bagi memastikan kaedah pembelajaran atas talian yang berkesan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan berkesan, akses capaian teknologi yang maksimum, tahap piawaian yang standard, jaminan kualiti sumber yang tidak terhad, penentangan terhadap perubahan semasa dan teknologi, permasalahan berkaitan harta intelektual dan hak cipta serta sokongan institusi pendidikan yang menjalankan kaedah pembelajaran atas talian.

Pada tahun 2015, Vanderbilt University di Amerika Syarikat telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa hampir 92% responden dari bidang dan fakulti yang berbeza bersetuju bahawa pembelajaran secara atas talian adalah lebih efektif dan berkesan dibandingkan dengan pengajaran dan pembelajaran secara konvensional. 3% responden lagi merasakan perlunya kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka manakala baki 5% responden adalah neutral (Mohamad Idham, 2020). Ini menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran secara atas talian adalah pilihan terbaik dan menjadi pelajar masa kini.

CABARAN PELAKSANAAN PdP ATAS TALIAN

Dalam merealisasikan untuk melaksanakan PdP atas talian ini, terdapat juga cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pensyarah-pensyarah di Kolej Komuniti. Kesediaan dalam menghadapi cabaran-cabaran ini perlu diatasi terlebih dahulu sebelum ia dilaksanakan. Antara cabaran-cabarannya adalah:

Capaian internet

Setiap pensyarah harus mengambil kira realiti dan kekangan bahawa bukan semua pelajar mempunyai capaian talian internet yang baik. Apatah lagi kebanyakan pelajar kolej komuniti terdiri dari golongan B40 keluarga berpendapatan rendah dan tinggal di pendalaman. Memiliki sebuah telefon bimbit android adalah cukup susah apatah lagi komputer peribadi bagi kegunaan kelas maya ini. Kos akses internet boleh menjadi halangan bagi keluarga berpendapatan rendah selain infrastruktur capaian internet di rumah yang tidak diedarkan secara merata di kawasan bandar dan luar bandar Reza Yamani (2020).

Begitu juga dengan pensyarah, yang kebanyakannya hanya bergantung dengan capaian internet kolej yang terhad dan tidak stabil akan menjadikan ini sebagai salah satu faktor cabaran yang terbesar untuk melaksanakannya. Melalui penulisan Mohd Aliff (2020), menerusi satu petikan seorang Kaunselor Majlis Bandaraya Miri (MBM) berkata, cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi dalam tempoh ini seperti liputan internet dan peralatan yang perlu digunakan untuk PdP oleh pensyarah dan pelajar. Mungkin inisiatif dengan membeli atau melanggan sendiri pakej data tanpa had oleh pensyarah akan dapat membantu menyelesaikan masalah ini. Walaubagaimanapun, ianya masih tidak dapat menyelesaikan masalah capaian internet pelajar mereka.

Kemaskini pengetahuan dan keperluan pengajaran dan pembelajaran

Reza Yamani (2020), data menunjukkan bahawa hanya lima hingga enam peratus belia dapat mengendalikan komputer dan mempunyai keyakinan diri dalam melakukan tugas komputer

yang lazim. Belia luar bandar, berumur 20 hingga 30 tahun, mempunyai kekurangan kemahiran ICT dan ketakutan terhadap teknologi. Justeru, pengajaran dan pembelajaran dalam talian perlu direka dan dirancang dengan baik sebelum dilaksanakan.

Latihan dan bengkel yang mencukupi untuk meningkatkan pengetahuan serta menguasai kemahiran baharu perlu diberi kepada pelajar dan pensyarah sebagai persediaan dan memperbaharui pengetahuan untuk perubahan ini. Bernama (2020), pensyarah juga harus meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat, pedagogi dan penilaian dalam talian.

Pensyarah haruslah membiasakan diri dengan penggunaan teknologi dan platform perisian PdP yang diperkenalkan oleh kerajaan. Bukan sahaja melaksanakan kelas secara maya tetapi juga memuatnaik kuiz, membuat penilaian, memberi tugas dan lain-lain lagi yang selalu kebiasaannya diberi secara konvensional iaitu kelas secara bersemuka.

Kesediaan Pelajar

Penerimaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran secara atas talian juga perlu dikenalpasti terlebih dahulu sebelum ianya dilaksanakan. Pelajar bukan sahaja perlu menyediakan capaian internet tetapi juga kemudahan seperti komputer atau komputer riba bagi memudahkan mereka menjalankan proses pembelajaran. Ini adalah kerana, pembelajaran melalui telefon bimbit tidak bersesuaian dimana skrin paparan adalah kecil dan pelajar harus memuat turun nota, video dan apa sahaja tugas yang diberi oleh pensyarah melalui platform atas talian yang dipilih.

Sekiranya pelajar hanya menggunakan telefon bimbit, pelajar akan menghadapi masalah ruang penyimpanan (storage) di telefon bimbit mereka. Malah pelajar juga akan berkira-kira untuk memuat turun aplikasi yang diperlukan kerana ruang simpanan di dalam telefon yang tidak mencukupi.

Bagi pelajar yang tidak mempunyai akses peranti digital dan pencapaian internet akan menjadikan mereka terpinggir dan tercicir dalam pendidikan berbanding rakan yang lain. Justeru itu, adalah penting untuk memastikan pelajar tidak keciciran dek kerana teknologi dan perubahan ini. Perkembangan penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran pelajar bukannya menyusahkan mereka sehingga mencetus masalah sosial kepada keluarga (Yasmin Saw, 2020).

Pengajaran Kelas Praktikal

Diketahui umum bahawa Kolej Komuniti merupakan antara institusi terbaik bagi pelajar mendapatkan kemahiran teknikal. Oleh itu, pengajaran secara praktikal kepada pelajar adalah perlu. Jika menggunakan cara konvensional, pengajaran kelas praktikal ini perlu dilakukan secara fizikal dimana penyarah membuat tunjuk ajar secara bersemuka dan pelajar boleh melihat sebelum pelajar cuba untuk mengaplikasikannya.

Namun demikian, pengajaran secara praktikal ini harus diubah dimana pensyarah perlu untuk membuat merakam dan menunjukkan langkah kerja melalui video. Ini mungkin akan menyukarkan pelajar untuk memahami langkah kerja yang diberi melalui video dan sekaligus menurunkan tahap kefahaman mereka.

Kaedah pembelajaran secara langsung penting terutamanya bagi pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara kinestetik. Pelajar kinestetik mengikut Drago dan Wagner (2004) adalah pelajar yang memberi penekanan di dalam proses pembelajaran, aktif dan lebih suka



untuk menyentuh sesuatu secara fizikal. Menurut Fazurawati Che Lah (2020), PdP dalam talian juga mesti berpusatkan penuntut dan mereka perlu lebih aktif dan berdikari selain mewujudkan kumpulan belajar berkumpulan bagi membolehkan diskusi dan bantuan berlaku sesama mereka. Melalui cara ini dikuatiri tahap pemahaman dalam menguasai kemahiran pelajar tidak mencapai sehingga tahap yang maksimum.

Kehadiran Pelajar

Penggunaan platform seperti Microsoft Teams dan Google Classroom tidak memerlukan kehadiran pelajar secara 'real time' dimana pelajar hanya perlu log-in ketika mereka mempunyai capaian internet. Dimana, ini memberi satu kelebihan kepada pensyarah dan juga pelajar. Walaupun ini adalah sesuatu yang positif kerana memberi kelonggaran kepada mereka yang tidak mempunyai capaian internet, namun demikian ia boleh menjadi negatif sekiranya pensyarah ingin membuat perjumpaan secara langsung melalui alam maya. Pelajar masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan pembelajaran secara atas talian ini dan mungkin mengambil ringan berkenaan kehadiran mereka di kelas alam maya ini. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan peratusan kehadiran pelajar dan pembelajaran mereka akan terjejas.

KESIMPULAN

Seperti yang diulaskan, besar kemungkinan terdapat kelompok pelajar yang akan ketinggalan di dalam pelajaran sekiranya cabaran-cabaran dan masalah diatas tidak diselesaikan. Walaubagaimanapun, pembelajaran di dalam talian boleh dimanfaatkan dengan menggunakan beberapa kaedah pembelajaran yang efektif (Shamsul Arrieya, 2020).

Sekiranya kaedah pembelajaran secara atas talian ini berjaya dijalankan bukan sahaja dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran malah dapat menjadikan Kolej Komuniti antara penyedia pendidikan yang seimbang dari segi kemahiran dan teknologi. Secara keseluruhan, pembelajaran dan pengajaran atas talian ini memerlukan komitmen dan sokongan sepenuhnya bukan sahaja dari pensyarah dan pelajar malahan juga ibubapa dalam membantu pendidik untuk mendidik anak-anak mereka.

RUJUKAN

Ahmad Zaki Amiruddin, Dr. Ahmed Thalal Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Nor Abdul Rahman, Mohd Shahrman Abu Bakar (2014) Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada Quizlet.Com. Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014). Johor

Bername (2020) Cabaran Mengajar Dalam Talian. Kumpulan Karangraf. Sinar Harian

Drago, W. A., Wagner, R. J. (2004). VARK Preferred Learning Styles and Online Education. Management Research News.

Fazurawati Che Lah (2020) PdP Dalam Talian Terbatas. MyMetro. Harian Metro

[Http://www.moe.gov.my/v/profil-jabatan?div=4](http://www.moe.gov.my/v/profil-jabatan?div=4), 28 Januari 2014

- Mohamad Idham Hj. Md Razak (2020). COVID 19: Pembelajaran Atas Talian Suatu Keperluan Ke Arah Menuju Negara Maju. Universiti Teknologi Mara Melaka. Astro Awani.
- Mohd Aliff Idzwan Abdullah (2020) PdP Dalam Talian Beri Cabaran dan Pengalaman Baharu. Kategori Sarawak. Utusan Borneo
- Rebekah Carter (2020) Platform Pembelajaran Dalam Talian Terbaik 2020 – Panduan Terbaik. Ecommerce Platforms.
- S.M Reza Yamani Sayed Umar (2020) Jurang Digital Pembelajaran Atas Talian. Kumpulan Karangraf. Sinar Harian.
- Shamsul Arrieya Ariffin (2020) PKP: Kaedah Pembelajaran Efektif Di Dalam Talian. Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah. Malaysia Dateline
- Yasmin Saw (2020) Pembelajaran Dalam Talian Pada Masa Krisis Covid-19. Penyelidik Kajian Politik untuk Perubahan (KPRU). The Malaysian Insight

**PENGURUSAN TEMPAT KERJA:
TANGGUNGJAWAB PIHAK PENGURUSAN KOLEJ KOMUNITI
CHENDEROH**

**Hasrudin bin Shikh Ali @ Shikh Hassan
Kolej Komuniti Chenderoh**

Email: dinicompex@gmail.com

ABSTRAK

Pengurusan tempat kerja merupakan elemen penting dalam memastikan persekitaran pekerjaan yang kondusif dan selamat. Risiko kemalangan di tempat kerja perlu diminimumkan selaras dengan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514). Satu kajian tindakan dibuat berdasarkan analisis bahaya (hazard) dan risiko yang dilaksanakan bagi program Sijil Kulineri dan Diploma in Culineri Art di Kolej Komuniti Cenderoh melibatkan lima lokasi fasiliti. Beberapa jenis bahaya dikenalpasti yang mendorong kepada penyediaan Garis Panduan Keselamatan yang perlu dipatuhi oleh semua warga institusi dan mampu mengurangkan risiko. Peranan majikan tidak terkecuali dalam memastikan pematuhan akta dan Garis Panduan Keselamatan yang ditetapkan.

KATA KUNCI: *Pengurusan tempat kerja; Garis Panduan Keselamatan; Tanggungjawab Majikan.*

PENGENALAN

Pengurusan keselamatan tempat kerja adalah aspek yang sangat penting untuk diberi perhatian oleh majikan atau pihak pengurusan di sesebuah organisasi. Ini kerana kebanyakan pekerja akan menghabiskan masa lapan jam atau lebih berada di tempat kerja. Persekitaran di tempat kerja yang selamat dan sihat sangat penting kepada pekerja. Pekerja yang sihat adalah aset paling utama kepada organisasi. Tempat kerja yang tidak selamat dan berisiko akan mendedahkan kepada kemalangan atau kecederaan yang berkaitan dengan aktiviti pekerjaan yang dilakukan pekerja.

Kemalangan di tempat kerja akan memberikan kesan yang tidak baik kepada organisasi dan pekerja. Bagi kes kemalangan yang menyebabkan kematian atau kecacatan kekal akan memberikan implikasi sosial dan kewangan kepada organisasi, pekerja dan keluarga pekerja. Majikan perlu mengeluarkan perbelanjaan untuk membantu menampung kos rawatan dan pekerja berkemungkinan akan kehilangan pekerjaan yang akan menyebabkan kehilangan sumber pendapatan untuk menyara kehidupan keluarga mereka.

Perancangan yang jelas dan tindakan yang perlu mesti dilakukan untuk memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini dipatuhi oleh setiap pekerja selaras dengan arahan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]. Bagi memastikan arahan Akta 514 ini dipatuhi, maka Kolej Komuniti Chenderoh telah melantik seorang Pegawai Keselamatan dan mewujudkan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di jabatan yang bertanggungjawab terhadap aspek pengurusan dan pelaksanaan keselamatan dan kesihatan

terutama pada persekitaran sistem kerja yang berisiko berlakunya kemalangan atau kecederaan kepada pekerja.

Kolej Komuniti Chenderoh menawarkan Sijil Kulinari dan Diploma in Culinary Art yang menggunakan beberapa fasiliti yang terdedah dengan bahaya atau hazard seperti beban bahan mentah yang berat, peralatan memotong, bekas halangan laluan, peralatan elektrik, permukaan panas, stim, minyak dan air panas, peralatan gas serta permukaan panas dan pembebasan haba.

Justeru, organisasi perlu menetapkan satu Garis Panduan Keselamatan sebagai rujukan oleh pihak pengurusan dan pekerja untuk mengelak berlaku kemalangan di tempat kerja masing-masing. Organisasi juga mesti mempunyai Standard Operation Procedure (SOP) berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang dibangunkan bersesuaian dengan pekerjaan yang dilakukan. Malah peranan pihak pengurusan juga tidak ketinggalan dalam memastikan supaya SOP pekerjaan dipatuhi dan menjadi budaya kerja di organisasi selain sentiasa memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pekerja di bawah seliaan mereka.

METODOLOGI

Dalam memastikan kebenaran wujudnya bahaya dalam persekitaran pekerjaan, satu pemerhatian telah dilakukan di lima buah lokasi fasiliti program Sijil Kulinari dan Diploma in Culinary Art di Kolej Komuniti Cenderoh iaitu Basic Kitchen, Commercial Kitchen, Pastry Kitchen, Cold Kitchen dan Restoran. Pemerhatian dibuat menggunakan borang HIRARC yang melibatkan pemerhatian bagi aktiviti penyediaan bahan masakan, pengendalian mesin pengisar (dough mixer), memasak serta aktiviti membakar dan memanggang menggunakan oven. Pemerhatian yang dilakukan adalah daripada aspek pengenalpastian bahaya, analisis risiko dan kawalan risiko.

Analisis risiko menggunakan skala lima mata yang melibatkan empat jenis skala iaitu Skala Kemungkinan/Kebarangkalian, Skala Keterukan/Ketenatan, Skala Langkah Kawalan (Hirarki Kawalan) dan Skala Tahap Risiko. Skala Tahap Risiko menggunakan skala tiga mata iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Rajah 1, didapati beberapa identifikasi hazard bagi lima lokasi yang telah dipilih telah dikenalpasti dan perlu diberi perhatian yang serius untuk diambil tindakan segera bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja terpelihara. Diantara bahaya utama yang dikenalpasti di kelima-lima fasiliti yang diperiksa adalah:

- i. Peralatan gas (stove)
- ii. Permukaan panas dan pembebasan haba
- iii. Elektrik

Terdapat juga bahaya lain yang dikesan seperti berdepan dengan permukaan panas, bekas halangan laluan, peralatan memotong serta beban bahan mentah yang berat.

Hasil daripada perkiraan tersebut di atas, didapati tahap risiko yang paling tinggi ialah penggunaan peralatan gas yang boleh menyebabkan malapetaka. Manakala permukaan yang panas dan pembebasan haba boleh menyebabkan kematian sekiranya tiada SOP penggunaan peralatan dengan betul. Peralatan ini memerlukan pemeriksaan jurutera berdaftar secara berkala supaya keadaan dan penggunaannya selamat.

Manakala tahap risiko yang paling rendah ialah mengangkat beban bahan mentah. Walaupun tahap risikonya rendah tetapi pekerja mesti mengamalkan prosedur mengangkat yang betul untuk mengelakkan kecederaan. Peralatan memotong yang digunakan dalam penyediaan bahan masakan juga boleh mendatangkan risiko sekiranya tiada pengendalian peralatan yang selamat.

Sehubungan itu, pengurusan keselamatan di tempat kerja mestilah mengikuti kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514). Akta ini digubal bertujuan antaranya adalah untuk menjaga keselamatan dan kesihatan orang yang bekerja, melindungi orang yang bekerja dan selainnya daripada aktiviti yang melibatkan risiko dan mewujudkan suasana tempat kerja yang selamat dan sihat.

 KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH		
LAPORAN IDENTIFIKASI HAZARD		
Sila senaraikan hazard yang boleh menyebabkan kemalangan		
BIL	LOKASI	IDENTIFIKASI HAZARD
1	Basic Kitchen	Beban bahan mentah yang berat
	Commercial Kitchen	Peralatan memotong
	Pastry Kitchen	Bekas Halangan laluan
	Cold Kitchen	Elektrik
	Restoren	Berdepan dengan permukaan panas, stim, minyak dan air panas
		Peralatan gas (Stove)
		Permukaan panas dan pembebasan haba
DILAPOR OLEH: SHAHRUL AZIMAN BIN ABD AZIZ		TARIKH: 25.2.2019
PROGRAM/UNIT: KULINARI		
Perhatian: BORANG INI HENDAKLAH DISERAHKAN KEPADA PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN/JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN KKCP DENGAN SEGERA.		

Rajah.1. Analisis Hazard dan Risiko Bagi Program Sijil Kulinari dan Diploma in Culinari Art

Peranan Majikan

Pihak pengurusan bertanggungjawab memastikan perkara-perkara ini dipatuhi menerusi tindakan-tindakan berikut:

i. Kewajipan Am Majikan


Kewajipan am majikan terkandung dalam Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Di bawah kewajipan am ini majikan bertanggungjawab mewujudkan tempat dan sistem kerja yang selamat dan sihat, menyediakan SOP penggunaan peralatan yang selamat, merancang program dan latihan keselamatan, menyelia dan memberikan arahan yang jelas berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan.

Dalam aspek berkaitan perancangan yang jelas berkaitan aktiviti latihan, penyeliaan, arahan keselamatan dan penyediaan maklumat yang lengkap, maka Kolej Komuniti Chenderoh telah menyediakan satu dokumen Garis Panduan Keselamatan yang menjadi rujukan pihak pengurusan dan pekerja. Manual keselamatan ini mengandungi maklumat penting seperti maklumat Organisasi Jabatan, Carta Organisasi, Fungsi dan Skop Tugas Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Standard Operation Prosedure (SOP) penggunaan peralatan yang selamat.

FUNGSI JAWATANKUASA KESELAMATAN KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

1. Menyedia, Menghebah dan Melaksanakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Menyemak dasar tersebut mengikut keperluan semasa.
2. Menyiasat dan Melapor kemalangan dan penyakit pekerjaan kepada pihak Jabatan dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri
3. Menjalankan Pemeriksaan Tempat Kerja 4 kali setahun untuk mengenalpasti bahaya yang ada dan melaporkan hasil pemeriksaan dalam mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan
4. Menjalankan aktiviti seperti kursus atau penerangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
5. Menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) seperti Laluan Kecemasan dan Tempat Berhimpun
6. Menyediakan Penaksiran Risiko (Risk Assessment) dan Piawaian Operasi Standard (SOP)
7. Melaksanakan penambahbaikan dari laporan audit Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak

Rajah. 2. Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

 KKCP – MKKP	MANUAL	NO. SEMAKAN : 2
		NO. RUJ : 0
	KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	TARIKH. KUATKUASA : 2/1/2019
		MUKA SURAT : 121/37

PROSEDUR KERJA SELAMAT <i>SAFETY OPERATION PROCEDURE (S.O.P)</i>	
UNIT/BAHAGIAN	KULINARI
LOKASI	1. Dapur Asas 2. Dapur Komersial 3. Dapur Garde Manger 4. Dapur Pastrri
NAMA ALAT	PENGISAR MAKANAN
a) SEBELUM	i. Pastikan alat berada dalam keadaan baik dan selamat. ii. Pastikan ruang kerja dalam keadaan selamat. iii. Pastikan alatan berada dalam keadaan yang bersih
b) SEMASA	i. Dilarang memakai perhiasan atau pakaian yang boleh mengakibatkan ia tersangkut pada alat ketika beroperasi. ii. Dilarang bergurau-senda ketika mengendalikan alat / alat sedang berfungsi. iii. Matikan suis pada alat atau soket keluaran jika tidak digunakan.
c) SELEPAS	i. Matikan suis pada soket keluaran sebelum mencabut palam. ii. Bersihkan alat dari sisa kerja selepas digunakan. iii. Disimpan di tempat yang telah ditetapkan / di dalam kotak.

Rajah. 3. Standard Operation Procedure (SOP) bagi pengendalian alat pengisar makanan

Berdasarkan analisis yang dibuat, alat pengisar makanan menggunakan elektrik dikenalpasti boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna. Justeru satu SOP Prosedur Kerja Selamat bagi pengendalian alat pengisar makanan telah dihasilkan sebagaimana di dalam Rajah 3 di atas. Prosedur pengendalian alat pengisar makanan melibatkan penggunaan sebelum, semasa dan selepas penggunaan yang melibatkan penggunaan di empat dapur utama iaitu Dapur Asas, Dapur Komersial, Dapur Garder Manger dan Dapur Pastrri.

Ia bagi memastikan pengguna alat pengisar makanan ini dapat menggunakan alat pengisar mengikut SOP yang ditetapkan dan dalam masa yang sama, dapat mengurangkan bahaya dan risiko yang bahal dihadapi.

ii. Menyediakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja secara bertulis dan menghebahkan dasar ini kepada semua kakitangan dan pelajar

Kewajipan menyediakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja terkandung dalam Seksyen 16 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Di bawah seksyen ini pihak pengurusan perlu menyediakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja secara bertulis. Dalam dasar ini majikan perlu menyatakan komitmen dan keutamaan yang akan diberikan berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja. Dasar ini perlu dikaji seberapa kerap yang sesuai dari semada ke semasa dan menghebahkan kajian semula ini kepada semua kakitangan. Bagi memenuhi kehendak Seksyen 16 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, beberapa dasar keselamatan dan kesihatan pekerja telah disediakan dan menjadi keutamaan untuk diberi perhatian pihak pengurusan Kolej Komuniti Chenderoh. Kolej Komuniti Chenderoh komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada warga kerja Kolej Komuniti Chenderoh serta sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa berurusan dengan jabatan ini seperti dinyatakan di dalam Rajah 4.

**DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH**

KKCP berpegang teguh pada dasar bagi menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada warga KKCP serta sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa mengendalikan segala urusan dalam organisasinya.

Warga KKCP dengan penuh keazaman dan keiltizaman, bermuafakat dan berusaha memastikan matlamat dasar ini dipatuhi sejajar dengan kehendak peruntukan Seksyen 16 (Akta 514) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 iaitu :-

1. Memastikan dasar keselamatan dan kesihatan pekerja dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya supaya langkah kawalan dan pencegahan kemalangan dapat dilakukan terlebih dahulu.
2. Memastikan bahawa warga KKCP diberi maklumat, petunjuk, arahan dan latihan untuk menjalankan tugas dengan selamat dan sihat berkonsepkan kemalangan sifar. Semua maklumat hendaklah direkodkan.
3. Mendisiplinkan dan membudayakan warga KKCP supaya sentiasa mengamalkan tahap keselamatan dan kesihatan yang tinggi di tempat kerja.
4. Memastikan kawasan dan suasana di tempat kerja selamat dan sihat dengan penggunaan peralatan keselamatan yang sesuai dan mencukupi bagi menjamin keadaan keselamatan dan kesihatan yang optimum.
5. Mengkaji dasar dan rancangan ini dari semasa ke semasa sebagai sebahagian daripada proses penambahbaikan yang berterusan dan teratur sejajar dengan kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang terkini.

Kerjasama dan komitmen secara aktif daripada semua pihak adalah penting untuk merealisasikan pelaksanaan dasar ini supaya KKCP menjadi tempat kerja yang selamat, sihat dan membanggakan.

Diluluskan

PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

Rajah 4: Dasar Keselamatan dan Kesihatan Kolej Komuniti Chenderoh

- iii. Menyediakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan secara bertulis dan menghebahkan dasar ini kepada semua kakitangan dan pelajar

Kewajipan menyediakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan terkandung dalam Seksyen 16 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Di bawah seksyen ini pihak pengurusan perlu menyediakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan secara bertulis. Dalam dasar ini majikan perlu menyatakan komitmen dan keutamaan yang akan diberikan berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dasar ini perlu dikaji seberapa kerap yang sesuai dari semada ke semasa dan menghebahkan kajian semula ini kepada semua kakitangan. Bagi memenuhi kehendak Seksyen 16 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, beberapa dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah disediakan dan menjadi keutamaan untuk diberi perhatian pihak pengurusan Kolej Komuniti Chenderoh. Kolej Komuniti Chenderoh komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada warga kerja Kolej Komuniti Chenderoh serta sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa berurusan dengan jabatan ini seperti dinyatakan di dalam Rajah 4 di bawah.

- iv. Memastikan orang-orang lain selain pekerja yang berurusan dengan organisasi tidak terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan

Kewajipan ini terkandung dalam Seksyen 17 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Di bawah seksyen ini menyatakan selain bertanggungjawab kepada pekerja sendiri, pihak organisasi mesti juga memastikan keselamatan dan kesihatan daripada kemalangan atau kecederaan kepada orang-orang lain yang berurusan dengan organisasi.

KESIMPULAN

Tanggungjawab menjaga keselamatan dan kesihatan tidak hanya diwajibkan kepada majikan semata-mata. Usaha ini tidak akan berjaya jika perkara ini tidak mendapat kerjasama daripada pekerja itu sendiri. Hal ini kerana semua orang menyumbang kepada risiko di tempat kerja dan mereka yang bekerja bidang yang berisiko ini.

RUJUKAN

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. (1994). <https://www.dosh.gov.my>

Hapriza Binti Ashari. (2004). Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Tanggungjawab Siapa?
Jurnal Kemanusiaan UTM

Nurfazreen Binti Binti Sallehuddin. (2013). Kesedaran Terhadap Amalan Keselamatan Dalam
Kalangan Pelajar Di Makmal Kejuruteraan UTHM. <http://eprints.uthm.edu.my>

Mumtaj Hassan, Anis Shuhaiza Md Salleh. (2018). Tanggungjawab Statutori Majikan Menurut
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Journal website: www.ijgc.com

Laman Web Rasmi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
<http://www.dosh.gov.my>

**MEMBINA KECEKAPAN PENILAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN
(SKT) MELALUI SISTEM e-3pT**

Azrul Nizah binti Yussof
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis
Email: azrulnizah@gmail.com

Surizan bin Romli
Kolej Komuniti Arau, Perlis

Mohammad Shahiran bin Salim
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis

ABSTRAK

Perkembangan teknologi tinggi kini memungkinkan informasi bergerak tanpa had dan sempadan. Segala-galanya boleh didapati dengan segera dan pantas melalui media elektronik. Kemajuan canggih yang mampu menjimatkan masa dan penggunaan tenaga malah memudahkan pemindahan transformasi maklumat ini, bergerak dan berlaku dalam ruang siber atau maya yang tiada lokasinya (Azwan & Rozita, 2002). Perkembangan era globalisasi masa kini memberi impak dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Sektor-sektor awam, swasta serta badan-badan berkanun dituntut untuk mengaplikasi dan mempraktikkan ICT dalam bidang pekerjaan kerana ternyata mempercepat dan memudahkan proses pengurusan di pelbagai peringkat. e-3pT ialah sistem Elektronik-Penilaian Penghasilan Prestasi Tahunan yang mana ianya dapat memudahkan pengurusan pengisian skala penilaian Kriteria Penghasilan Kerja (BAHAGIAN III - Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT) bagi menilai pencapaian kerja sebenar Pegawai Yang Dinilai PYD berbanding dengan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang ditetapkan bagi semua senarai aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan. Penilaian skala tersebut adalah berdasarkan kepada Skala Penilaian Prestasi dalam Aspek Penghasilan Kerja. (LAMPIRAN 'B' - Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT). Semua aktiviti SKT yang dilaksanakan oleh Pegawai Yang Dinilai PYD sepanjang tahun di ambil kira dalam penilaian Penghasilan Kerja. Penilaian Penghasilan Kerja adalah berasaskan kepada penjelasan setiap kriteria yang ditetapkan iaitu kriteria hasil kerja, kriteria kualiti hasil kerja, kriteria ketepatan masa dan kriteria keberkesanan hasil kerja. Nilai skala yang diberikan bagi setiap kriteria dalam penilaian Penghasilan Kerja di rujuk kepada Jadual Skala Aspek Penghasilan Kerja di bawah Aspek Penilaian Prestasi sepertimana dalam LAMPIRAN B, Borang-Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT. Sistem ini juga dapat menyenaraikan satu paparan skala penilaian Penghasilan Kerja bersama dengan skala penilaian bagi kriteria yang berkaitan, untuk setiap seorang Pegawai yang Dinilai PYD dibawah tanggungjawab Pegawai Penilai PP.

KATA KUNCI : *Penilaian Prestasi, Penghasilan Kerja, Sasaran Kerja Tahunan*

PENGENALAN

Latarbelakang Projek

e-3pT ialah sistem Elektronik-Penilaian Penghasilan Prestasi Tahunan yang mana ianya adalah satu sistem yang dapat menguruskan pengisian skala penilaian Kriteria Penghasilan Kerja (BAHAGIAN 111- Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT) yang menilai pencapaian kerja sebenar Pegawai Yang Dinilai PYD berbanding dengan Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan bagi semua senarai aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan. Penilaian skala tersebut adalah berdasarkan kepada Skala Penilaian Prestasi dalam Aspek Penghasilan Kerja. (LAMPIRAN 'B'- Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT)

PENYATAAN MASALAH

Kesukaran Pegawai Penilai PP memberi skala penilaian terhadap hasil kerja Pegawai Yang Dinilai PYD dalam Penghasilan Kerja di Borang laporan Prestasi Tahunan LNPT akan berlaku setiap kali penilaian dilaksanakan. Ini adalah disebabkan Pegawai Penilai PP perlu menilai pencapaian kerja sebenar Pegawai Yang Dinilai PYD berbanding Sasaran Kerja Tahunan SKT yang telah ditetapkan bagi semua senarai aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Pegawai Yang Dinilai PYD dengan kriteria yang telah ditetapkan. Kesukaran penilaian tersebut adalah disebabkan:

- i. Semua aktiviti perlu dinilai.
- ii. Setiap aktiviti mempunyai beberapa kriteria yang telah ditentukan (kuantiti, kualiti, masa, keberkesanan).
- iii. Penilaian adalah berdasarkan kepada penjelasan setiap kriteria yang telah ditentukan bagi setiap aktiviti (kuantiti, kualiti, masa, keberkesanan).
- iv. Penilaian perlu merujuk kepada Skala Penilaian Prestasi dalam Aspek Penghasilan Kerja yang telah ditetapkan.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Adakah penilaian Hasil Kerja PYD dinilai berasaskan Sasaran Kerja Tahunan SKT.
- ii. Adakah penilaian Hasil Kerja PYD dinilai berdasarkan pencapaian kerja sebenar Pegawai Yang Dinilai PYD berbanding dengan Sasaran Kerja Tahunan SKT sebenar yang ditetapkan.
- iii. Adakah semua aktiviti Sasaran Kerja Tahunan SKT yang dilaksanakan oleh Pegawai Yang Dinilai PYD sepanjang tahun di ambil kira dalam penilaian Penghasilan Kerja.
- iv. Adakah penilaian Penghasilan Kerja berasaskan kepada penjelasan setiap kriteria yang ditetapkan iaitu kriteria hasil kerja, kriteria kualiti hasil kerja, kriteria ketepatan masa dan kriteria keberkesanan hasil kerja.
- v. Adakah nilai skala yang diberikan bagi setiap kriteria dalam penilaian Penghasilan Kerja di rujuk kepada Jadual Skala Aspek Penghasilan Kerja di bawah Aspek Penilaian Prestasi sepertimana dalam Lampiran B, Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT.

OBJEKTIF KAJIAN

Penghasilan kajian merekabentuk sistem bagi memenuhi objektif berikut:

- i. Penilaian Hasil Kerja Pegawai Yang Dinilai PYD dinilai berasaskan Sasaran Kerja Tahunan SKT.
- ii. Penilaian Hasil Kerja Pegawai Yang Dinilai PYD dinilai berdasarkan pencapaian kerja sebenar PYD berbanding dengan Sasaran Kerja Tahunan SKT sebenar yang ditetapkan.
- iii. Semua aktiviti Sasaran Kerja Tahunan SKT yang dilaksanakan oleh Pegawai Yang Dinilai PYD sepanjang tahun di ambil kira dalam penilaian Penghasilan Kerja.
- iv. Penilaian Penghasilan Kerja adalah berasaskan kepada penjelasan setiap kriteria yang ditetapkan iaitu kriteria hasil kerja, kriteria kualiti hasil kerja, kriteria ketepatan masa dan kriteria keberkesanan hasil kerja.
- v. Nilai skala yang diberikan bagi setiap kriteria dalam penilaian Penghasilan Kerja di rujuk kepada Jadual Skala Aspek Penghasilan Kerja di bawah Aspek Penilaian Prestasi sepertimana dalam Lampiran B, Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT.

SIGNIFIKAN KAJIAN

Projek kajian e-3pT (Elektronik-Penilaian Penghasilan Prestasi Tahunan) yang dibangunkan ini akan memudahkan urusan setiap Pegawai Penilai PP yang menilai Pegawai Yang Dinilai PYD semasa mengisi skala penilaian bagi Kriteria Penghasilan Kerja yang dinilai berasaskan Sasaran Kerja Tahunan SKT berkaitan senarai aktiviti serta tugas sebagai seorang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi PPPT.

Projek Kajian e-3pT (Elektronik-Penilaian Penghasilan Prestasi Tahunan) boleh memberi impak di Peringkat Jabatan di mana ia boleh diaplikasikan terus bagi semua Penjawat Awam yang bergelar Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi PPPT. Walaubagaimanapun projek Kajian ini boleh memberi impak yang tinggi di peringkat Perkhidmatan Awam dengan mengubah senarai aktiviti mengikut Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditentukan sesuai dengan agensi yang berkaitan.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian bagi projek kajian ini adalah bagi semua Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi PPPT. Batasan kajian adalah Senarai Tugas Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi PPPT bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, Penyelidikan dan Kajian dan Hari berkursus dalam perkhidmatan KUDAP bagi seseorang Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi PPPT

PERBANDINGAN KAJIAN LEPAS

Sistem penilaian prestasi dalam perkhidmatan awam ialah satu proses yang berterusan dalam penetapan objektif, penilaian perlakuan dan pencapaian kerja pegawai dalam tempoh masa tertentu untuk mempertingkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah jabatan. Sistem penilaian prestasi pekerja ialah satu perkara yang penting dalam pengurusan sumber manusia (Arahan Perkhidmatan, 2007).

Penilaian prestasi bertujuan melihat perkembangan pekerja dan organisasi mempunyai orientasi autonomi yang kuat dan lebih baik daripada tiada penilaian yang formal (Kuvaas, 2006). Schneier dan Beatty (1979) mendefiniskan Penilaian Prestasi sebagai satu proses mengenal pasti, mengukur dan membina prestasi manusia dalam sesebuah organisasi. Kini penilaian prestasi menjadi salah satu strategi utama pengukuhan produktiviti manusia dalam organisasi. Arah aliran perkembangan penilaian prestasi menunjukkan peranan yang dimainkan olehnya semakin meningkat (Bernardin dan Russell 1993).

Kajian Patterson (1987) telah menyenaraikan tujuan utama penilaian prestasi adalah seperti memberi tindakbalas kepada pekerja untuk membaiki prestasi; mengenal pasti latihan yang diperlukan oleh pekerja; menggunakan dokumen kriteria untuk peruntukan ganjaran organisasi; menentukan dasar pemberian gaji individu dari segi merit penambahan, disiplin dan tindakan; menyediakan peluang untuk mengenal pasti masalah dan perkembangan; memudahkan komunikasi antara pekerja dengan pihak pentadbir; mengesahkan teknik pilihan dan polisi sumber manusia untuk memenuhi kehendak pihak majikan dengan adil. Dengan adanya Sistem Penilaian Prestasi, keperluan pekerja dapat dikenal pasti bagi jenis latihan atau kursus yang diperlukan, kenaikan pangkat dan pemberian bonus.

Sistem Penilaian Prestasi yang adil dapat memberi kepuasan kerja kepada seseorang pekerja (Kelly et al., 2008). Keadilan merupakan satu situasi yang perlu ada dalam sesuatu organisasi memberi kepuasan kepada pekerja dalam organisasi. Menurut Brown (2005), pendidik bersetuju bahawa penilaian prestasi yang dibuat secara adil dan tidak berat sebelah memberi kepuasan dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti pekerjaan. Cook dan Crossman (2004) menyatakan bahawa jika seseorang individu mendapati penilaian prestasi yang dibuat adalah adil dan menepati jangkaan, pengaruh yang positif dapat meningkatkan hasil kerja pekerja.

Kawalan kriteria penilaian dalam sistem penilaian prestasi sangat penting bagi memuaskan hati semua pihak dalam organisasi. Koustelios et al. (2004) menyatakan bahawa kriteria penilaian merupakan salah satu kerangka bagi sesuatu pekerjaan untuk meningkatkan kepuasan kerja. Menurut Kelly et al. (2008), kriteria penilaian yang jelas dan terkawal dapat memberi dorongan dalam pekerjaan dan tahap kepuasan kerja yang tinggi dalam kalangan guru. (Ms.204 IJMS 18 (1), 197–216 (2011))

METODOLOGI/ PROSES KAJIAN


Rekabentuk dan perincian projek boleh dirujuk pada Rajah 1 : Kerangka Sistem e-3pT seperti dalam Rajah 1.

EKSPERIMEN

Penerangan metodologi /kaedah yang digunakan dalam merekabentuk sistem. Semua aktiviti Sasaran Kerja Tahunan SKT yang dilaksanakan oleh Pegawai Yang Dinilai PYD sepanjang tahun di ambil kira dalam penilaian Penghasilan Kerja. Penilaian Penghasilan Kerja adalah berasaskan kepada penjelasan setiap kriteria yang ditetapkan iaitu kriteria hasil kerja, kriteria kualiti hasil kerja, kriteria ketepatan masa dan kriteria keberkesanan hasil kerja. Nilai skala yang diberikan bagi setiap kriteria dalam penilaian Penghasilan Kerja di rujuk kepada Jadual



Skala Aspek Penghasilan Kerja di bawah Aspek Penilaian Prestasi sepertimana dalam Lampiran B, Borang Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT.



Rajah 1 : Kerangka Sistem e-3pT

Aktiviti 1	Tentukan Aktiviti	Skala Penilaian Penghasilan Kerja bagi kriteria Kuantiti Hasil Kerja = Purata skala bagi semua aktiviti.
	Pilih Petunjuk Prestasi bagi kriteria – Kuantiti Hasil Kerja	
	Penetapan sasaran kerja Tahunan SKT bagi kriteria – Kuantiti Hasil Kerja	
	Proses pelaksanaan kerja	
	Pencapaian Kerja sebenar berbanding Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan	
	Menilai Pencapaian Kerja sebenar berbanding Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan dengan skala (Rujuk kepada Jadual Skala Penilaian Prestasi)	
Aktiviti seterusnya		

Jadual 1: Penilaian Penghasilan Kerja bagi setiap aktiviti SKT yang dilaksanakan mengikut kriteria Kuantiti Hasil Kerja

Aktiviti 1	Tentukan Aktiviti	Skala Penilaian Penghasilan Kerja bagi kriteria Kualiti Hasil Kerja = Purata skala bagi semua aktiviti.
	Pilih Petunjuk Prestasi bagi kriteria – Kualiti hasil Kerja	
	Penetapan sasaran kerja Tahunan SKT bagi kriteria – Kualiti Hasil Kerja.	
	Proses pelaksanaan kerja	
	Pencapaian Kerja Sasaran Kerja Tahunan SKT Sebenar	
	Menilai Sasaran Kerja Tahunan SKT sebenar dengan skala (Rujuk kepada Jadual Skala Penilaian Prestasi)	
Aktiviti seterusnya		

Jadual 2: Penilaian Penghasilan Kerja bagi setiap aktiviti SKT yang dilaksanakan mengikut kriteria Kualiti Hasil Kerja.

Aktiviti 1	Tentukan Aktiviti	Skala Penilaian Penghasilan Kerja bagi kriteria Ketepatan Masa = Purata skala bagi semua aktiviti.
	Pilih Petunjuk Prestasi bagi kriteria – Ketepatan Masa	
	Penetapan sasaran kerja Tahunan SKT bagi kriteria – Ketepatan Masa	
	Proses pelaksanaan kerja	
	Pencapaian Kerja sebenar berbanding Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan	
	Menilai Pencapaian Kerja sebenar berbanding Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan dengan skala (Rujuk kepada Jadual Skala Penilaian Prestasi)	
Aktiviti seterusnya		

Jadual 3: Penilaian Penghasilan Kerja bagi setiap aktiviti SKT yang dilaksanakan mengikut kriteria Ketepatan Masa



Aktiviti 1	Tentukan Aktiviti	Skala Penilaian Penghasilan Kerja bagi kriteria Keberkesanan Hasil Kerja = Purata skala bagi semua aktiviti.
	Pilih Petunjuk Prestasi bagi kriteria – Keberkesanan Hasil Kerja	
	Penetapan sasaran kerja Tahunan SKT bagi kriteria – Keberkesanan Hasil Kerja	
	Proses pelaksanaan kerja	
	Pencapaian Kerja sebenar berbanding Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan	
	Menilai Pencapaian Kerja sebenar berbanding Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan dengan skala (Rujuk kepada Jadual Skala Penilaian Prestasi)	
Aktiviti seterusnya		

Jadual 4: Penilaian Penghasilan Kerja bagi setiap aktiviti SKT yang dilaksanakan mengikut kriteria Keberkesanan Hasil Kerja

BIL	NAMA PPPT	KRITERIA (Dinilai berasaskan SKT)				SKALA
		KUANTITI HASIL KERJA	KUALITI HASIL KERJA	KETEPATAN MASA	KEBERKESANAN HASIL KERJA	
1	Pegawai 1					
2	Pegawai 2					
3	Pegawai 3					
Pegawai seterusnya						

Jadual 5 : Sistem ini juga dapat menyenaraikan satu paparan skala penilaian Penghasilan Kerja bersama dengan skala penilaian bagi kriteria yang berkaitan, untuk setiap seorang Pegawai yang Dinilai PYD dibawah tanggungjawab Pegawai Penilai PP

HASIL KAJIAN

Tahap Pelaksanaan

Tahap Pelaksanaan projek kajian adalah secara penuh di mana sistem ini telah digunakan semasa memberi skala penilaian Penghasilan Kerja berasaskan Sasaran Kerja Tahunan SKT oleh Pegawai Penilai PP ke atas Pegawai Yang Dinilai PYD dalam Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT.



Replicability Projek kajian ini boleh terus digunakan di seluruh Kolej Komuniti SeMalaysia dan projek kajian ini juga boleh dilaksanakan oleh semua agensi dengan pengubahsuaian dari segi senarai tugas mengikut keperluan dan Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditentukan sesuai dengan agensi tersebut tanpa melibatkan sebarang kos.

IMPAK (OUTCOME)

Efisyen (Kecekapan)

Projek Kajian ini mempunyai tahap kecekapan yang baik di mana projek kajian mempunyai ciri berikut:

- i. Jimat masa
- ii. Jimat kos
- iii. Tingkatkan produktiviti
- iv. Mudah digunakan oleh semua Pegawai Penilai PP (*user-friendly*)

Signifikan

Projek Kajian ini begitu signifikan di mana ia boleh diaplikasikan terus di Jabatan yang mempunyai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi PPPT dengan senarai tugas yang sama. Walaubagaimanapun, ia boleh diaplikasikan di mana-mana Agensi yang lain dengan sedikit pengubahsuaian dari segi senarai tugas dan Sasaran Kerja Tahunan SKT yang disesuaikan mengikut ketetapan agensi berkenaan.

KESIMPULAN

Penghasilan projek kajian iaitu e-3pT (Elektronik-Penilaian Penghasilan Prestasi Tahunan) adalah satu sistem yang dapat menguruskan pengisian skala penilaian Kriteria Penghasilan Kerja (BAHAGIAN 111- Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT) yang menilai pencapaian kerja sebenar Pegawai Yang Dinilai PYD berbanding dengan Sasaran Kerja Tahunan SKT yang ditetapkan bagi semua senarai aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan. Penilaian skala tersebut adalah berdasarkan kepada Skala Penilaian Prestasi dalam Aspek Penghasilan Kerja. (LAMPIRAN 'B'- Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT).

Sistem yang dibangunkan telah memenuhi objektif projek kajian iaitu:

- i. Penilaian Hasil Kerja Pegawai Yang Dinilai PYD dinilai berasaskan Sasaran Kerja Tahunan SKT.
- ii. Penilaian Hasil Kerja Pegawai Yang Dinilai PYD dinilai berdasarkan pencapaian kerja sebenar Pegawai Yang Dinilai PYD berbanding dengan Sasaran Kerja Tahunan SKT sebenar yang ditetapkan.
- iii. Semua aktiviti Sasaran Kerja Tahunan SKT yang dilaksanakan oleh Pegawai Yang Dinilai PYD sepanjang tahun di ambil kira dalam penilaian Penghasilan Kerja.
- iv. Penilaian Penghasilan Kerja adalah berasaskan kepada penjelasan setiap kriteria yang ditetapkan iaitu kriteria hasil kerja, kriteria kualiti hasil kerja, kriteria ketepatan masa dan kriteria keberkesanan hasil kerja.

- v. Nilai skala yang diberikan bagi setiap kriteria dalam penilaian Penghasilan Kerja di rujuk kepada Jadual Skala Aspek Penghasilan Kerja di bawah Aspek Penilaian Prestasi sepertimana dalam Lampiran B, Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT.

RUJUKAN

Arsaythamby Veloo, Wirda Hasmin Zolkepli, *College of Arts and Sciences Universiti Utara Malaysia, Kertas Kerja Bertajuk: Atribut Sistem penilaian Prestasi dengan kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru* : 198 IJMS 18 (1), 197–216 (2011):

Borang Laporan Prestasi Tahunan LNPT

Buku Panduan Perlaksanaan Program Pengajian Kolej Komuniti.

Buku Panduan pensyarah Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia.

Fail Meja Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran PPPT

Fail Meja Pensyara PPPT.

Manual Kualiti Kolej Komuniti Arau

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2009 Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 tahun 2007 Panduan Pengurusan Pejabat: Perkara 2.7, 2.8 dan 2.9 (Penilaian Prestasi)

Prestasi Kerja di Kalangan Kakitangan Perkeranian : Penanika J. Soc. Sci. & Hum. 4(1): 55-63 (1996): Penerbit Universiti Penanian Malaysia: Centre for Extension and Continuing Education U niversi ti Pertanian Malaysia.

Sohime Ahmad dan Abu Daud Silong, Kertas kerja Bertajuk: Keberkesanan Penilaian

SOLANINE IN POTATOES

Mohamad Hapiz Abdul Rahman
Kolej Komuniti Chenderoh
E-mail: hapizrahman@gmail.com

Muhammad Syafiq bin Mohamed Sahar
Kolej Komuniti Kuantan

Dalvinder Kaur A/P Koldip Singh
Kolej Komuniti Chenderoh

ABSTRACT

The potato is the top non-grain food crop in the world (following corn, wheat and rice) and the number one vegetable crop in the U.S. Native to South America, potatoes have been cultivated for many centuries and belong to the Solanaceae family (Food Source Information, Colorado State University, 2014) Potatoes are an important source of several nutrients, especially Vitamin C. A single medium sized potato provides nearly half the daily adult requirement (100 mg) of Vitamin C and it is also a source of Vitamin B6, niacin, and potassium. Pound for pound, potatoes are one of the best values in the produce section. In general, potatoes are a safe food to eat but mishandling prepared potato dishes, such as potato salad or foil-wrapped baked potatoes, may result in bacterial growth and cause illness. Potato flesh is a complex carbohydrate and the most affordable source of potassium in the produce department. Each year more than 1 million acres of potatoes are planted and 41.3 billion pounds are harvested, China has become the largest producer of potatoes worldwide. There are hundreds of types of potatoes sold in the United States which fit into seven categories: russet, yellow, red, blue/purple, white, fingerling, and petite. Each has their own unique taste, texture and appearance, making the preferred cooking methods different for each variety.

KEYWORDS: *Solanine, Potatoes, Poisoning*

INTRODUCTION

Saito and Tatsuno, (1991) describes toxicity as the capacity of a chemical substance to harm living organisms. In addition to above statement, Mirocha and Pathre (1973) describes that some of the food contains toxic compound which are indeed present in their raw, uncooked or fresh form. There are a lot of these toxin in natural food are highly toxic. Under certain circumstances, the toxins can cause illness in human and even death. One of these toxin is solanine that are commonly found in green potatoes. According to Medline Plus (2015) potato plant poisoning happens when individuals eats the green tubers or new sprouts of the potato plant. In addition to above statement, Medline Plus (2015) added that the poison is found through the plant, but high concentration especially in green potatoes and new sprouts.

The question is that how the how the green tubers or new sprouts of potato plan can exist? This condition happen when a potato exposed to light, its trigger metabolic activity in

the potato skin and it's prepares to drive out shoots. As a result, chlorophyll is then formed, and that's explained its green color (Cooperative Extension Service, University of Alaska, 2014). But, chlorophyll itself is harmless and tasteless. What has become issue related with green potatoes are clearly not related with chlorophyll, but to solanine. Solanine is theoretically a toxis alkaloid that exist in the same area with chlorophyll. Exposure of potato tubers to light increase solanine content (Anokwulu, 2015)

The acceptable amount of solanine in potatoes is approximately 3-6 mg per 100 g. A level 20 mg per 100 g is the maximum safe level. The symptoms of human poisonings caused by ingestion of green potatoes includes acute gastrointestinal upset, diarrhea, vomiting, drowsiness, weakness, vision disturbances, jaundice, partial paralysis, unconsciousness and in some cases death (Renwick, 1972).

Potatoes produce a chemical substance (alkaloid) namely solanine. In normal circumstances, all potatoes have it. Similar to other plant-produced alkaloids, solanine acts as natural defense mechanism that protects potato from pest. The more solanine in potatoes means that the more it exposed to light. For example, if farmers leave potatoes exposed to the sun for longer period of time after harvesting, developing of solanine potatoes start reacting and further produce solanine. How much solanine that can cause illness varies depending on the individual that will further discuss in this case study. Symptom of toxicities due to solanine will also will discuss further in this case study.

In addition, this case study will examine sources of solanine in potatoes. In this case study, sources of solanine in potato is identifies whether it is exist naturally in potatoes or synthetic (human made). In addition, this case study will examine how the solanine will transport in food system. The effects of the toxicants and the effects result are identified and the causes and concern also have been examined in order to know in details on the symptoms of the solanine to the body. The overall outlines how potatoes turn green and how to avoid such occurrences and attachment on the cases happen before in several years as evidence on the danger of solanine in potatoes.

WHAT IS SOLANINE AND IS IT TOXIC?

A bitter poisonous glyco-alkaloid, C₄₅H₇₃NO₁₅, derived from potato sprouts tomatoes, and nightshade and having narcotic properties formerly used to treat epilepsy. It is made of the alkaloid solanidine and carbohydrate (glyco-) side-chains, see structure below:




Figure 1: Structure of solanine: blue : solanidine backbone (alkaloid structure), red : carbohydrate residues

It can occur naturally in the any part of the plant, including the leaves, fruit, and tubers. It is very toxic even in small quantities. Solanine has both fungicidal and pesticidal properties, and

it is one of the plant's natural defenses. Potatoes naturally produce solanine and chaconine, a related glycoalkaloid, as a defense mechanism against insects, disease, and predators. Potato leaves and stems are naturally high in glycoalkaloids (Saito and Tatsuno, (1991)

Commercial varieties of potatoes are screened for solanine levels, and most have a solanine content of less than 0.2mg/g. However, potatoes that have been exposed to light and started to green (see greening) can show concentrations of 1 mg/g or more. In these situations, a single unpeeled potato can result in a dangerous dose (Lydia, 2004)

Commercial varieties of potatoes are screened for solanine levels, and most have a solanine content of less than 0.2mg/g. However, potatoes that have been exposed to light and started to green (see greening) can show concentrations of 1 mg/g or more. In these situations, a single unpeeled potato can result in a dangerous dose (Lydia, 2004).

MAJOR SOURCE OF SOLANINE: NATURAL OR SYNTHETIC?

Solanine is commonly found in green potato. In addition to that, solanine also can be found and originated in other poisonous solanumae for example, nightshade (*Solanum nigrum* and *S. americanum*), eggplant (*Solanum melongena*), and green peppers (*Capsicum anum*). The common nightshade can comprise as much as 7.6 to 8.2 mg/100g (Safespectrum, 2015) of solanine). Common peppers contains from 7.7 to 9.2mg/100g of solanine. Eggplant solanine content differs from 6.1 to 11.33mg/100g (Safespectrum, 2015).

Chaconine and -solanine occur naturally in potatoes (*Solanum tuberosum*), constituting 95% of the total glycoalkaloid content in commercially available potatoes (Matthew et al., 1983). Chaconine also occurs in another potato species (*Solanum chacoense*) (Nishie et al., 1975). Specific potato plant tissues which contain -chaconine and -solanine are leaves, shoots, stems, blossoms, tubers, eyes, peels, and sprouts, with the greatest glycoalkaloid content in sprouts (Jadhav and Salunkhe, 1975). The ratio of chaconine to solanine is generally 60:40 (Slanina, 1990), but varies considerably among portions of the plant and species (Osman et al., 1976; Fitzpatrick et al., 1977; Wu and Salunkhe 1977; Ahmed and Müller, 1978; Cadle et al., 1978). Chaconine and solanine are synthesized at cut surfaces of potatoes (Beier, 1990), with synthesis being stimulated by mechanical injury and aging by (Beier, 1990). Exposure of potatoes to light in the field or marketplace also causes increased synthesis of the glycoalkaloids (Griebel, 1924). Potatoes that have turned green due to light exposure are unsafe for human consumption due to high levels of -chaconine and solanine (Morris and Lee, 1984). Solanine is present in other edible plants, including apples (Hoskins, 1994), bell peppers (*Capsicum annuum*) (about 500 ppm in the leaves) (Beckstrom Sternberg and Duke, 1997), eggplant (*Solanum melongena*) (Hoskins, 1994), sugar beets (*Beta vulgaris*) (Lagolo et al., 1991), and tomatoes (*Lycopersicon esculentum*) (Budavari, 1996).

According to Contwell (1996), the major principles of glycoalkaloids in potatoes which are solanine and chaconine contribute flavor to potatoes but what is important is that higher concentration of this two chemical cause bitterness and toxic to human as mention earlier. Contwell also added that natural function of this two chemical is perhaps to aid as stress metabolites or phytoalexins for the defense of the potato when attacked by fungi, insect and etc. As mention earlier, increases of solanine in the potato peel are diligently related with greening (synthesis of chlorophyll) of the peel and both are activated by light.

It can occur naturally in the any part of the plant, including the leaves, fruit, and tubers. It is very toxic even in small quantities. Solanine has both fungicidal and pesticidal properties, and it is one of the plant's natural defenses. Potatoes naturally produce solanine and chaconine, a related glycoalkaloid, as a defense mechanism against insects, disease, and predators. Potato leaves and stems are naturally high in glycoalkaloids (Contwell, 1996).

Commercial varieties of potatoes are screened for solanine levels, and most have a solanine content of less than 0.2mg/g. However, potatoes that have been exposed to light and started to green. (Saito and Tatsuno, 2014).

CAUSES AND EFFECT

Green potatoes often contain high levels of a toxin called solanine, which can cause any of the following gastrointestinal and/or neurological symptoms upon ingestion which are nausea, vomiting, stomach cramps, diarrhea, burning sensation in throat region, headaches, dizziness, hallucinations.

If ingested in large quantities (3 to 6 mg per kilogram of body weight), solanine can even cause death. Symptoms of solanine poisoning tend to occur about 6 to 12 hours after ingestion, but can also occur within several minutes when foods that are highly concentrated in solanine are ingested (Food Safety Authority of Ireland, 2014)



Figure 2: Cause of Solanine in Potato

GREEN POTATOES CAUSES AND CONCERNS

Concern about the potential health effects associated with eating green potatoes is not unusual or unwarranted, and it is important that both sellers and consumers understand the causes of potato greening. This color change is a consequence of exposure to light, which may occur at various stages throughout the life of a potato. For example, exposure to sunlight can occur as a result of inadequate soil coverage during the growth stage or exposure to artificial light during storage or while on the retail store shelf (Vandre, 2014).

Potato varieties differ in their sensitivity to light exposure; for example, white-skinned varieties often green more readily than the red or russet varieties. The latter can also green, but the color change may be masked and not as easily detected. Immature and recently harvested potatoes green more readily because they have a thin outer skin or have not completed "skin set." Current retail packaging may also contribute to increased greening. Traditionally,

potatoes were packaged in burlap and other opaque materials; however, consumers want to view produce prior to purchase so packaging has transitioned to transparent bags, which allow exposure to light during storage and display. Potatoes also develop more greening with higher air temperatures, e.g., 68°F versus 41°F (Clayton, 2014) Growers and retailers should reduce factors that contribute to greening. While green potatoes may not develop sufficient solanine to be a health concern, the green color decreases marketability and consumer acceptance.

Preventative steps to reduce greening include selecting the proper varieties, seeding at the proper depth, hilling to cover exposed tubers, reducing exposure to natural light and eliminating exposure to artificial light during storage. Consumers should note that chlorophyll and solanine are natural products produced by potatoes under a variety of conditions and that the presence of a green color should be used as a sign that solanine may be present. Consumers should inspect potatoes at the store before purchasing, and store them at home in a cool, dark place with good air circulation. Other control measures for small green areas on potatoes include peeling and cooking (Vandre, 2014). In order to prevent unnecessary formation of and exposure to solanine, it is best to store potatoes in cool, dark areas, and to trim away green areas before preparing them to eat.

CONCLUSION

The study suggested that anywhere potatoes are stored they may produce solanine. Ultimately, to avoid excess solanine consumption, potatoes should be eaten soon after purchase or peeled if they are older (or discarded). The best way to prevent solanine poisoning is to store tubers in a cool, dark place and remove the skin before consumption. A general rule for avoiding illnesses like the ones described above? Green and sprouted? Throw it out.

Potatoes naturally produce solanine and chaconine, a related glycoalkaloid, as a defense mechanism against insects, disease, and predators. Potato leaves, stems and shoots are naturally high in glycoalkaloids. When potato tubers are exposed to light, they turn green and increase glycoalkaloid production. This is a natural defense to help prevent the uncovered tuber from being eaten. The green colour is from chlorophyll, and is itself harmless.

REFERENCES

- Griebel, C. 1924. Zum Solanin Gehalt der Kartoffeln 1922-er Ernte. [Solanine content of potatoes of the 1922 crop.] *Z. Nahr. Genussm. Gebrauchsgegenstände* 47:436-438.
- Hall, H. (2012, February 14). Killer Tomatoes and Poisonous Potatoes. Retrieved from <https://www.sciencebasedmedicine.org/killer-tomatoes-and-poisonous-potatoes/>
- Jadhav, S. J. and D. K. Salunkhe. 1975. Formation and control of chlorophyll and glycoalkaloids in tubers of *Solanum tuberosum* L. and evaluation of glycoalkaloid toxicity. *Adv. Food Res.* 21:307
- Lydia, C. (n.d.). Green Potatoes Causes and Concerns (2014, January). Retrieved from <http://www.uaf.edu/files/ces/publications-db/catalog/anr/FGV-00337.pdf>
- M.N. Anokwulu, (2007), "Contaminants in human foods", *Nutrition & Food Science*, Vol. 37 Iss 1 pp. 61 – 67

- M.S.Y. Haddadina, , M.A. Humeida, F.A. Qaroota, R.K. Robinsonb, (2001). Effect of exposure to light on the solanine content of two varieties of potato (*Solanum tuberosum*) popular in Jordan
- Marita, C. (1996). A Review of Important Facts about Potato Glycoalkaloids. Retrieved from <http://ucce.ucdavis.edu/files/datastore/234-182.pdf>
- Mirocha, C.J. and Pathre, S. (1973), “Identification of the toxic principle in a sample of poaeufusarin”, *Applied Microbiology*, Vol. 26, pp. 719-24.
- Morris, S. C. and T. H. Lee. 1984. The toxicity and teratogenicity of Solanaceae glycoalkaloids, particularly those of the potato (*Solanum tuberosum*): A review. *Food Technol. Aust.* 36(3):118-124.
- Montario, A. (2013, May 15). Potato Glycoalkaloid Toxicity: Solanine. Retrieved from <http://www.safespectrum.com/articles/potato-toxicity-solanine.php>
- Pia H. Jensena, b, , Rasmus B. Pedersena, Bo Svensmarkc, Bjarne W. Strobela, Ole Stig Jacobsenb, Hans Christian B. Hansena, (2008). Degradation of the potato glycoalkaloid α -solanine in three agricultural soils
- Potato plant poisoning - green tubers and sprouts. (2015, May 12). Retrieved May 29, 2015, from <http://www.nlm.nih.gov/medlineplus/ency/article/002875.html>
- Renwick, J. H., W. D. B. Clarinbold, M. E. Earthy, J. D. Few, and A. C. S. McLean. 1984. Neural-tube defects produced in Syrian hamsters by potato glycoalkaloids. *Teratology* 30:371- 381
- Saito, M. and Tatsuno, T. (1991), *Microbial Toxins*, Academic Press, New York, NY.
- Wayne Vandre, (2014) former Extension, Horticulturist, Extension Faculty, Agriculture and Horticulture

**PROGRAM KOLABORASI PINTAR BERSAMA MAAHAD TAHFIZ -
HUBUNGAN PENGAJARAN PENSYARAH DAN MINAT PELAJAR
TAHFIZ DENGAN PROGRAM PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG
HAYAT (PISH)
DI KOLEJ KOMUNITI**

Surizan bin Romli
Kolej Komuniti Arau
surizanromli@gmail.com

Azrul Nizah binti Yussof
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

Ali bin Othman
Kolej Komuniti Arau

ABSTRAK

Kajian Program Kolaborasi Pintar Bersama Maahad Tahfiz ini dijalankan untuk melihat sejauh mana hubungan pengajaran pensyarah dan minat pelajar tahfiz dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di Kolej Komuniti. Tujuh objektif kajian ialah untuk mengenal pasti: (i) tahap amalan pengajaran pensyarah terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH); (ii) tahap minat terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH); (iii) tahap penerimaan terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH); (iv) hubungan yang signifikan antara pengajaran pensyarah dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH); (v) hubungan yang signifikan antara minat dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH); (vi) perbezaan yang signifikan minat dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan kawasan tempat tinggal dan (vii) perbezaan yang signifikan minat pelajar tahfiz berdasarkan pendapatan ibu bapa. Seramai 27 responden iaitu pelajar dari Maahad Tahfiz Al Hikmah Lil Banat Kangar Perlis yang dipilih secara rawak mudah bagi menjawab set borang soal selidik terpiawai. Hasil tinjauan borang soal selidik mendapati bahawa tahap amalan pengajaran pensyarah adalah berada pada tahap tinggi ($M=3.01$, $SP=.36$), tahap minat adalah berada pada tahap sederhana ($M=2.96$, $SP=.29$) dan tahap penerimaan terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) adalah berada pada tahap tinggi ($M=3.16$, $SP=.40$). Ujian Kolerasi Pearson mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran pensyarah dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz ($r = .75$, $p < .001$) dan hubungan yang signifikan antara minat dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz ($r = .56$, $p < .001$). Ujian - T Sampel Bebas mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan kawasan tempat tinggal, $t(25) = 1.961$, $p > .05$. Ujian Anova Sehalu mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat pelajar tahfiz berdasarkan pendapatan ibu bapa, $F(5,21) = .83$, $p > .05$. Justeru itu, daripada analisa dapatan kajian menunjukkan Maahad Tahfiz Al Hikmah Lil Banat, Kangar Perlis dilihat sebagai satu institusi eksklusif untuk diberi kemahiran dan memainkan peranan memperkaya bakat insan dan memupuk ukhwah Islamiah bersama mengarus perdanakan program PISH yang kini telah menjadi dasar utama Kementerian Pendidikan Malaysia. Program PISH mampu mencorakkan maahad tahfiz menjadi lebih bersifat global yang

berasaskan kolaborasi dan komplementari bukannya persaingan. Maahad tahfiz menjadi penggerak minda sebagai benteng pertahanan nasional kearah menjana modal insan berkualiti generasi huffaz wal qurra'. Pelaksanaan program PISH yang disarankan, diharap para huffaz dan qurra' dapat memenuhi tenaga pasaran dan mempunyai bakat untuk membantu negara menghadapi persaingan dan menyumbang penyelesaian cabaran semasa dan akan datang. Kertas kajian ini juga mencadangkan strategi yang berkesan perlu digariskan bagi meningkatkan akses program PISH dalam institusi yang menawarkan bidang teknik dan vokasional ini.

KATA KUNCI: *Pendidikan Islam Sepanjang Hayat, pengajaran pensyarah, minat pelajar, maahad tahfiz, bidang teknik dan vokasional*

1.0 PENGENALAN

Setelah pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 yang menyaksikan beberapa lonjakan dasar dalam sistem pendidikan negara, program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) merupakan salah satu daripada elemen Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) yang merupakan inisiatif terbaru kerajaan bagi melonjakkan lagi kualiti pendidikan yang ada di negara ini. Dilancarkan pada 5 April 2014 oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, PISH bertujuan menggalakkan masyarakat Malaysia terutama mereka yang tidak berkesempatan mendapat peluang pendidikan agama atau kemahiran secara formal untuk meneruskan usaha mendapatkan ilmu dan kemahiran tanpa mengira had umur dan bidang pekerjaan. Ini juga adalah sebahagian daripada usaha memperkukuh modal insan dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dalam jangka panjang.

Dilihat secara lebih khusus, objektif utama PISH ialah

- (i) Memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada golongan sasaran seperti pelajar tahfiz, pelajar sekolah pondok, pelajar maahad, belia dan komuniti.
- (ii) Memberikan ilmu kemahiran berbentuk modular atau *customized programmes* mengikut permintaan dan kesesuaian.
- (iii) Memberikan kesinambungan Pendidikan Islam yang berterusan kepada setiap lapisan masyarakat.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Program PISH ini merupakan gabungan aspek kemahiran dan pendidikan agama. Program ini akan dilaksanakan menerusi dua pendekatan iaitu latihan kemahiran dan bidang teknikal, vokasional dan pendidikan keusahawanan yang digabung pendidikan agama kepada pelajar tahfiz dan sekolah pondok. Program ini juga bertujuan memberi khidmat dan pendidikan secara teori dan praktikal serta perkongsian ilmu secara dua hala. Pendekatan ini menggunakan Bakat Insan. Perlaksanaan program ini berbentuk *free and easy at community college* yang membawa maksud kemudahan dan kebebasan dalam melaksanakan dan mendalami ilmu kemahiran di Kolej Komuniti. Sebagai contoh, maahad tahfiz boleh mengadakan kerjasama dengan Kolej Komuniti mengadakan kelas komputer untuk pelajar tahfiz.

Dapatan-dapatan ini memberi gambaran tentang kefahaman terhadap Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan faktor pengajaran pensyarah dan minat pelajar memainkan



penting dalam melaksanakan program PISH. Justeru, kertas kajian ini cuba ingin mengenengahkan dapatan kajian berkaitan dengan program PISH di kalangan pelajar tahfiz dan adakah faktor pengajaran pensyarah dan minat pelajar mempengaruhi pelaksanaan program PISH di kalangan responden.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti tahap amalan pengajaran pensyarah terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz.
- ii. Mengenalpasti tahap minat terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz.
- iii. Mengenalpasti tahap penerimaan terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz.
- iv. Mengenalpasti hubungan yang signifikan antara pengajaran pensyarah dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz.
- v. Mengenalpasti hubungan yang signifikan antara minat dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz.
- vi. Mengenalpasti perbezaan yang signifikan minat dalam kalangan pelajar tahfiz berdasarkan kawasan tempat tinggal.
- vii. Mengenalpasti perbezaan yang signifikan minat pelajar tahfiz berdasarkan pendapatan ibu bapa.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Populasi sasaran penyelidikan ialah pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al Hikmah Lil Banat Kangar Perlis yang mengikuti program PISH bagi kursus pendek Sulaman Tangan seramai 60 orang pelajar. Mengikut jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970) sampel kajian ini adalah seramai 40 orang pelajar yang dipilih secara rawak mudah.

Kajian ini akan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Ia dibentuk berpandukan adaptasi daripada kajian-kajian lepas. Soalan-soalan ini dibentuk dan diubahsuai berpandukan kajian oleh Mohamad Khairi Hj. Othman (2006). Item-item tersebut menggunakan skala Likert yang terdiri daripada empat pilihan jawapan iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = setuju dan 4 = sangat setuju.

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik dianalisis menggunakan Ujian Cronbach Alpha dan didapati nilainya ialah berada di atas 0.8 bagi setiap bahagian item. Ini menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima untuk kajian ini.

Data kajian sebenar dikumpulkan dan dianalisa dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS). Statistik deskriptif digunakan untuk melihat frekuensi, peratus dan min. Manakala Statistik Inferensi Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan pengajaran pensyarah dengan minat pelajar terhadap program PISH. Ujian T dan Anova digunakan untuk menganalisis perbezaan minat pelajar berdasarkan tempat tinggal dan tahap pendapatan ibu bapa.

4.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Kajian ini dijalankan di Kolej Komuniti Arau. Sebanyak 40 set borang soal selidik terpiawai telah diedarkan kepada para pelajar secara rawak mudah. Kesemua 27 set borang soal selidik terpiawai berjaya dikutip dan dikumpul semula dalam masa yang ditetapkan. Sungguh pun begitu, ujian normaliti telah dijalankan untuk melihat samaada ada responden menunjukkan ciri yang berlainan daripada data sebenar atau ekstrem kepada data yang lebih tinggi (*outlier*). Proses pembersihan data *outlier* dilakukan dan didapati paparan *box plot* tidak terdapat data yang *outlier*. Maka data yang dikutip berada dalam taburan normal. Profil responden dapat dipaparkan dalam jadual yang disediakan di bawah ini.

Jadual 4.1
Bilangan Responden Mengikut Kursus

Kursus	Bilangan	Peratus
Fesyen Dan Pakaian	27	100.0
Jumlah	27	100.0

Berdasarkan Jadual 4.1, didapati semua responden mengikuti kursus Fesyen dan Pakaian iaitu seramai 27 orang (100%).

Jadual 4.2
Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	1	3.7
Perempuan	26	96.3
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.2 di atas menunjukkan bahawa semua responden terdiri daripada 27 responden yang menjawab borang soal selidik dan memulangkan semula, seorang adalah lelaki dan 26 responden dalam kalangan perempuan. Perangkaan ini menunjukkan responden adalah 96.3% dalam kalangan perempuan.

Jadual 4.3
Bilangan Responden Mengikut Kelulusan Akademik

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
PMR	4	14.8
UPSR	16	59.3
LAIN-LAIN	7	25.9
Jumlah	27	100.0

Berdasarkan Jadual 4.3, majoriti responden memiliki kelulusan akademik diperingkat UPSR iaitu seramai 16 orang (59.3%). Bilangan responden yang memiliki lain-lain kelulusan adalah seramai 7 orang (25.9%) manakala responden yang memiliki kelulusan akademik diperingkat PMR adalah seramai 4 orang (14.8%).

Jadual 4.4
Bilangan Responden Mengikut Tempat Asal

Tempat	Bilangan	Peratus
Bandar	9	33.3
Luar Bandar	18	66.7
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan bilangan responden mengikut tempat asal. Daripada jumlah 27 responden, didapati bahawa majoriti responden berasal dari luar bandar iaitu seramai 18 orang (66.7%) dan seramai 9 orang (33.3%) responden berasal dari bandar.

Jadual 4.5
Bilangan Responden Mengikut Sekolah Terdahulu

Sekolah	Bilangan	Peratus
Sek. Men. Keb (Sek. Harian Biasa)	5	18.5
Sek. Men. Agama / Sek. Men. Keb. Agama	1	3.7
Sek. Asrama Penuh	2	7.4
Sek. Keb. Agama	5	18.5
Sek. Keb. (Sek. Harian Biasa)	14	51.9
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.5 menunjukkan bilangan responden mengikut sekolah. Daripada jumlah 27 responden, didapati bahawa majoriti responden dari Sekolah Kebangsaan (sekolah harian biasa) iaitu seramai 14 orang (51.9 %). Diikuti dari Sekolah Menengah Kebangsaan (sekolah harian biasa) dan Sekolah Kebangsaan Agama masing-masing seramai 5 orang (18.5%). Sekolah Asrama Penuh seramai 2 orang (7.4%) dan hanya seorang (3.7%) responden dari Sekolah Menengah Agama.

Jadual 4.6
Bilangan Responden Mengikut Kawasan Sekolah Terdahulu

Kawasan Sekolah	Bilangan	Peratus
Luar Bandar	14	51.9
Bandar	13	48.1
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan Bilangan Responden Mengikut Kawasan Sekolah. Daripada jumlah 27 responden, didapati bahawa sebahagian besar responden bersekolah di kawasan luar bandar iaitu seramai 14 orang (51.9%) dan seramai 13 orang (48.1%) responden bersekolah di bandar.

Jadual 4.7
Bilangan Responden Mengikut Juzuk

Juzuk	Bilangan	Peratus
0-5 juzuk	18	66.7
6-10 juzuk	6	22.2
11-15 juzuk	0	0.0

16-20 juzuk	1	3.7
21-25 juzuk	0	0.0
26-30 juzuk	2	7.4
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan Bilangan Responden Mengikut Juzuk Al Quran yang dihafal. Daripada jumlah 27 responden, didapati bahawa majoriti responden telah menghafal Al Quran 0-5 juzuk iaitu seramai 18 orang (66.7%). Diikuti responden yang telah menghafal Al Quran 6-10 juzuk seramai 6 orang (22.2%), 26-30 juzuk seramai 2 orang (7.4%) dan 16-20 juzuk seramai seorang (3.7%). Tiada responden yang menghafal Al Quran 11-15 juzuk dan 21-25 juzuk.

Jadual 4.8
Bilangan Responden Mengikut Pendidikan Ibu Bapa

Pendidikan	Bilangan	Peratus
Tidak bersekolah	3	11.1
Sekolah Rendah	4	14.8
SRP/LCE	6	22.2
SPM/MCE	6	22.2
STPM/HSC	1	3.7
Diploma	5	18.5
Lulusan Universiti	2	7.4
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.8 menunjukkan bilangan responden mengikut tahap pendidikan ibubapa. Daripada jumlah 27 responden, didapati bahawa majoriti pendidikan ibubapa responden adalah diperingkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu masing-masing seramai 6 orang (22.2%). Diikuti pendidikan ibubapa responden diperingkat diploma seramai 5 orang (18.5%), diperingkat sekolah rendah seramai 4 orang (14.8%), tidak bersekolah seramai 3 orang (11.1%), diperingkat lulusan universiti seramai 2 orang (7.4%) dan diperingkat STPM hanya seorang (3.7%).

Jadual 4.9
Bilangan Responden Mengikut Kerja Ibu Bapa

Kerja	Bilangan	Peratus
Tidak bekerja	4	14.8
Bekerja sendiri	17	63.0
Kakitangan Kerajaan	6	22.2
Kakitangan Swasta	0	0
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.9 menunjukkan bilangan responden mengikut kerja ibubapa. Daripada jumlah 27 responden, didapati bahawa majoriti ibubapa responden bekerja sendiri iaitu seramai 17 orang (63.0%). Diikuti ibubapa responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan seramai 6 orang (22.2%), tidak bekerja seramai 4 orang (14.8%), dan tiada dikalangan ibubapa responden yang bekerja sebagai kakitangan swasta.

Jadual 4.10
Bilangan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa

Pendapatan	Bilangan	Peratus
Tiada	4	14.8
< RM 499.00	5	18.5
RM500.00 – RM 999.00	4	14.8
RM1 000.00 – RM 1 499.00	4	14.8
RM1 500.00 – RM1 999.00	5	18.5
> RM2 000.00	5	18.5
Jumlah	27	100.0

Jadual 4.10 menunjukkan bilangan responden mengikut pendapatan ibubapa. Daripada jumlah 27 responden, didapati seramai 5 orang (18.5%) masing-masing pendapatan ibubapa responden kurang dari RM500.00, RM1500-RM1999.00 dan lebih dari RM2000.00. Diikuti pendapatan ibubapa responden tiada pendapatan, RM500.00-RM999.00 dan RM1000.00-RM1499.00 masing-masing seramai 4 orang (14.8%).

Analisis Statistik Deskriptif

4.3.1 Soalan Kajian : Apakah tahap amalan pengajaran pensyarah terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz?

Jadual 4.11
Tahap Pengajaran Pensyarah

Item	Min	Sisihan Piawai
Pengajaran Pensyarah	3.077	.363

Berdasarkan Jadual 4.11, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min bagi tahap pengajaran pensyarah. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap pengajaran pensyarah adalah berada pada tahap tinggi ($M=3.08$, $SP=.36$) mengikut interpretasi min Jeda.

4.3.2 Soalan Kajian : Apakah tahap minat terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz?

Jadual 4.12
Tahap Minat Pelajar Tahfiz

Item	Min	Sisihan Piawai
Minat Pelajar Tahfiz	2.963	.292

Berdasarkan Jadual 4.12, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min bagi tahap pengajaran pensyarah. Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap minat pelajar tahfiz adalah berada pada tahap sederhana ($M=2.96$, $SP=.29$) mengikut interpretasi min Jeda.

4.3.3 Soalan Kajian : Apakah tahap penerimaan terhadap program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz?

Jadual 4.13

Tahap Penerimaan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)

Item	Min	Sisihan Piawai
Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)	3.163	.401

Berdasarkan Jadual 4.13, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan skor min bagi tahap penerimaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH). Secara keseluruhannya, skor min bagi tahap penerimaan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) adalah berada pada tahap tinggi ($M=3.16$, $SP=.40$) mengikut interpretasi min Jeda.

Analisis Statistik Infrensi

4.4.1 Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran pensyarah dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz.

Jadual 4.14

Kolerasi Pearson Antara Pengajaran Pensyarah dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)

	Pengajaran Pensyarah	PISH
Pearson Correlation	1.000	.754**
Sig. (2-tailed)		.000
N	27	27

Analisis Kolerasi Pearson dalam Jadual 4.14, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran pensyarah dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz. ($r = .754$, $p < .001$). Keputusannya hipotesis nul ini boleh ditolak. 4.4.2 Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz.

Jadual 4.15

Kolerasi Pearson Antara Minat Pelajar Tahfiz Dengan Penerimaan Terhadap Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).

	Minat	PISH
Pearson Correlation	1.000	.560**
Sig. (2-tailed)		.002
N	27	27

Analisis kolerasi dalam Jadual 4.15, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara minat dengan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dalam kalangan pelajar tahfiz ($r = .560$, $p < .05$). Keputusannya hipotesis nul ini boleh ditolak.

4.4.3 Ho3 : Tidak terdapat perbezaan minat pelajar tahfiz berdasarkan kawasan tempat tinggal.

Jadual 4.16

Keputusan Ujian-t Sampel Bebas Perbezaan Minat Pelajar Tahfiz Berdasarkan Kawasan Tempat Tinggal

Asal	N	Min	SP	dk	t	p
Bandar	9	3.11	.34	25	1.961	.061
Luar Bandar	18	2.89	.25	12.37	1.760	

Jadual 4.16 menunjukkan keputusan ujian-t sampel bebas minat pelajar tahfiz mengikut kawasan tempat tinggal. Setelah analisis statistik t-sampel dilakukan, ujian *Levene* didapati tidak signifikan ($p > .05$). Keputusan ini menunjukkan varians diantara kawasan bandar dan kawasan luar bandar adalah sama dan telah memenuhi andaian kehormogenan varians antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar dalam minat pelajar tahfiz. Setelah ujian-t sampel bebas dilakukan, didapati ia adalah tidak signifikan, $t(25) = 1.961$, $p > .05$. Oleh itu hipotesis nul ini tidak boleh ditolak. Justeru, tidak terdapat perbezaan minat pelajar tahfiz berdasarkan kawasan tempat tinggal.

4.4.4 Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat pelajar tahfiz berdasarkan pendapatan ibu bapa.

Jadual 4.17

Keputusan Ujian Anova Perbezaan Minat Pelajar Tahfiz Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa

Komitmen	X ²	dk	Min X ²	F	Sig
Antara Kumpulan	.368	5	.074	.833	.541
Dengan Kumpulan	1.855	21	.088		
Jumlah	2.223	26			

Berdasarkan Jadual 4.17, menunjukkan keputusan ujian Anova sehalu perbezaan minat pelajar tahfiz berdasarkan pendapatan ibu bapa. Setelah analisis statistik dilakukan dengan ujian *Levene*, didapati signifikan ($p > .05$). Keputusan ini memenuhi andaian keharmogenan varians antara minat pelajar tahfiz berdasarkan pendapatan ibu bapa. Dapatan Ujian Anova sehalu menunjukkan tidak signifikan $F(5,21) = .833$, $p > .05$. Oleh yang demikian, hipotesis nul ini tidak boleh ditolak. Justeru, Tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat pelajar tahfiz berdasarkan pendapatan ibu bapa.

5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa pengajaran pensyarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan program PISH dalam kalangan pelajar. Justeru, para pensyarah haruslah meningkatkan keprofesionalisme ke tahap yang lebih tinggi. Para pensyarah hendaklah sentiasa mengamalkan amalan pendekatan pengajaran yang lebih baik, berkesan dan bersifat andragogi. Siri bengkel berkala perlu diadakan bagi tenaga pengajar untuk tujuan

mengemaskini pengetahuan pengkuliahan, bahan bacaan dan mempertingkatkan kefahaman tentang ilmu berkaitan strategi pengajaran yang berkesan atau aspek pedagogi dan andragogi.

Program PISH ini diharap dapat membantu dalam memberi nilai tambah kepada semua pihak dari segi memperkasa bakat dan kemahiran dalam bidang yang bakal diceburi sekaligus membantu dalam mewujudkan kebolehpasaran para pelajar yang menceburi bidang agama khususnya para pelajar pondok dan maahad tahfiz. Pengenalan kepada program-program baru yang relevan dengan perkembangan semasa seperti program keusahawanan, teknikal dan vokasional ianya akan dapat bukan setakat melahirkan para huffaz bahkan ia mampu mengangkat martabat huffaz professional bagi memenuhi kehendak pasaran, mempunyai bakat untuk membantu negara menghadapi persaingan serta dapat menyumbang penyelesaian cabaran semasa akan datang.

Usaha pembelajaran berterusan program PISH dan perkongsian pintar dengan agen pelaksana serta faktor-aktor yang terlibat dalam pelaksanaan program PISH perlu beriltizam dan mempunyai komitmen yang tinggi, disamping sikap keterbukaan seluruh maahad tahfiz dapat menilai secara berterusan impak daripada tindakan yang telah dilaksanakan. Kolej Komuniti memainkan peranan agresif memastikan berlakunya pemfokusan bersesuaian dalam semua agenda yang telah ditetapkan. Aspek kualiti, kreativiti dan inovasi seharusnya menjadi unsur penggerak utama ke arah pencapaian keberhasilan (*outcome*) bukan sekadar output.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan : Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Seman Sareh Mat Isa. (1997). *Penentu pencapaian mata pelajaran sains dan matematik di kalangan pelajar Tingkatan 4 di Daerah Padang Terap*. Tesis Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Sains Malaysia.
- Abu Zahari Abu Bakar. (1988). *Memahami psikologi pembelajaran*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur : ABIM
- Arlene Bastion. (1980). *Moral education : A survey of teachers perception in selected schools*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. (Tidak diterbitkan).
- Ashraf, Syed Ali. (1985). *New horizon in muslim education*. Cambridge : The Islamic Academy.
- Azizi Hj. Yahaya dan Yusof Boon. (2001). *Program pemulihan akhlak wanita : sejauhmanakah keberkesanan pusat perlindungan wanita membantu proses pemulihan*. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 23 – 25 Mei.
- Cantrell, R.P. (1977). Teacher knowledge, attitudes and classroom teaching correlations of student achievement. *Journal of Educational Psychology*, 69, 172-179.

Crow, I. D & Crow, L. (1980). *Psikologi pendidikan untuk perguruan* (terj) Habibah Alias.
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.


KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

**LOT 43, JALAN INDUSTRI MIEL 2,
KAWASAN PERINDUSTRIAN IKS,
33000 KUALA KANGSAR,
PERAK DARUL RIDZUAN**

TEL : 05-773 3773 | FAKS : 05-773 3774

Laman Web : <https://kkchenderoh.mypolycc.edu.my>

eISSN 2735-0452



9 772735 045007